YaPEIM

MALAYSIA MADANI

INSPIRASI PENDIDIKAN YaPEIM 2024

Sijil Pelajaran Malaysia

SEJARAH

YaPEIM tv

www.yapeim.my info @yapeim.my

TERUS MELONJAK MEMACU KEJAYAAN

#IngatKebajikanIngatYaPEIM

PERKASASPM

#JOMBANGKIT

BUKAN UNTUK DIJUAL

YaPEIM

MALAYSIA MADANI

INSPIRASI PENDIDIKAN YaPEIM 2024

Sijil Pelajaran Malaysia

SEJARAH

YaPEIM tv

www.yapeim.my info @yapeim.my

TERUS MELONJAK MEMACU KEJAYAAN

#IngatKebajikanIngatYaPEIM

BUKAN UNTUK DIJUAL

SEJARAH

Cetakan 2024

Modul Inspirasi Pendidikan YaPEIM 2024 Sijil Pelajaran Malaysia Sejarah.

© Hak cipta Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada penerbit.

Modul ini diterbitkan hanya sebagai panduan dan bantuan pembelajaran. Penerbit modul peperiksaan ini tidak menjamin bahawa soalan-soalan yang disertakan dalam buku penerbitan ini akan keluar dalam peperiksaan sebenar, Penerbit tidakbertanggungjawab atas sebarang kesilapan, kekeliruan atau ketidaklengkapan dalam kandungan modul ini. Pelajar dinasihatkan untuk merujuk kepada bahan rujukan rasmi untuk persediaan yang lebih komprehensif.

EBOOK ISBN: 978-967-2385-22-6

Diterbit oleh:

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)
No 46E1, Mentari Business Park, Jalan PJS 8/2,
Dataran Mentari, 46150, Petaling Jaya, Selangor.
Website: www.yapeim.my

Dicetak oleh:

Percetakan Zainon Kassim Sdn Bhd
1,2,4 & 6,Tingkat Kilang, Kawasan Perindustrian, Ringan Jelapang,
30100 Ipoh, Perak.

KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
1. Ucapan Penghargaan	i
2. Pengenalan YaPEIM	ii-vi
3. Agihan Program YaPEIM	vii
4. Isi Kandungan Modul	1
5. Modul Inspirasi YaPEIM Sejarah SPM 2024	2-96

یایاسن ڤمبانغونن ایکونومی اسلام مليسيا
YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

UCAPAN PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala (SWT) kerana masih diizinkan oleh-Nya serta diberikan kekuatan untuk Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) meneruskan amanah dan tugasan yang dipertanggungjawabkan dengan merealisasikan visi dan misi institusi ini disamping terus mendekati masyarakat di seluruh negara. Alhamdulillah tahun ini YaPEIM sekali lagi diberi peluang dan kesempatan untuk melaksanakan Program Inspirasi Pendidikan YaPEIM yang juga merupakan sebahagian daripada Program Inspirasi Qaseh yang telah banyak membantu golongan memerlukan. Program Inspirasi Pendidikan YaPEIM yang dilaksanakan ini adalah program khusus bagi menyantuni kumpulan sasar dalam kalangan pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi membantu mereka meningkatkan keupayaan dalam pembelajaran.

Justeru, di kesempatan ini, pihak YaPEIM ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini khususnya bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pengetua serta guru-guru yang memberi sokongan kepada YaPEIM. Tidak lupa setinggi penghargaan kepada guru-guru cemerlang yang telah bertungkus lumus dalam membangunkan modul bagi kegunaan Program Inspirasi Pendidikan YaPEIM 2024.

Kejayaan YaPEIM dalam menerbitkan modul pendidikan ini juga pasti tidak akan berjaya sekiranya tidak mendapat sokongan masyarakat terutamanya penyumbang Tabung Amanah YaPEIM yang telah menyumbang kepada YaPEIM menerusi Skim Infaq Gaji (SIG) mahupun sumbangan secara terus ke akaun YaPEIM. Setinggi penghargaan diucapkan atas sokongan yang diberikan penyumbang YaPEIM yang mana usaha ini telah membolehkan YaPEIM menggerakkan pelbagai aktiviti amal jariah serta Program Inspirasi Qaseh kepada pihak yang memerlukan. Semoga segala usaha dan komitmen yang diberikan dalam menjayakan program ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

Seluruh warga YaPEIM mendoakan agar jalinan kerjasama ini akan terus dipertingkatkan dan dimantapkan di masa akan datang, insya-Allah.

SEJARAH

یایاسن ڤمباڠونن ایکونومی اسلام مليسيا

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

PENGENALAN YaPEIM

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) adalah sebuah yayasan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada 13 Oktober 1976 dan diperbadankan di bawah *Trustees (Incorporation) Act 1952*. Bagi menggerakkan potensi dan meluaskan peranannya, YaPEIM telah disusun dan dilancarkan semula pada 20 Julai 1984 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada masa itu. YaPEIM ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah melalui Surat Ikatan Amanah YaPEIM.

1 VISI

Institusi unggul menerajui pembangunan sosioekonomi secara inklusif dan berkesan bagi kesejahteraan ummah.

2 MISI

Komited dalam usaha memperkasa ekonomi ummah dan penyampaian perkhidmatan yang terbaik, efisien dan berintegriti.

3 TAGLINE

'Terus Melonjak
Memacu Kejayaan'

NILAI UTAMA

1 Yakin
2 Prihatin
3 Efisien
4 Integriti
5 Maju

OBJEKTIF KORPORAT

PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM

- Mensejahterakan ummah dalam pembangunan ekonomi Islam dengan inovatif, berdaya saing, berkualiti, cekap dan patuh Syariah

PENDIDIKAN

- Menyedia aktiviti pendidikan di peringkat rendah, menengah dan tertiari bertujuan mengeluarkan sasaran penerima manfaat dan keluarganya daripada kemiskinan tegar.
- Memimpin perkembangan pemikiran dalam pembangunan ekonomi Islam serta kewangan dan bantuan sosial.

PEMBANGUNAN SOSIAL

- Menyediakan program komuniti sama ada secara berpanjangan atau sekali ("one-off).
- Mengklasifikasi program keusahawanan kepada kumpulan nano dan mikro.
- Mengagihkan sumbangan amal jariah kepada benefisiari secara telus dan efektif.

SEJARAH

Agihan Sumbangan Tahun 2023

Program YaPEIM Prihatin (Kemasyarakatan)

Pecahan Agihan Program



SEJARAH

Agihan Terkumpul 1985 - 2023

RM564 juta
YaPEIM Prihatin (Kemasyarakatan)

RM76 juta
YaPEIM Niaga (Keusahawanan)

RM10 juta
Sinar Lestari (MyHAUS)

RM45 juta
YaPEIM Didik (Pendidikan)

Program YaPEIM Prihatin (Kemasyarakatan)

Pecahan Agihan Terkumpul



KANDUNGAN

TINGKATAN 4		TEMA : PEMBINAAN NEGARA	Muka surat	Prestasi Saya			
TAJUK	BAB			😀	🙂	😐	✎
9	1	Warisan Negara Bangsa	5 – 9				
	2	Kebangkitan Nasionalisme	10 – 14				
10	3	Konflik Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara Kita	15 – 19				
	4	Era Peralihan Kuasa British di Negara Kita	20 – 24				
	5	Persekutuan Tanah Melayu 1948	25 – 28				
	6	Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat	29 – 33				
11	7	Usaha ke Arah Kemerdekaan	34 – 38				
	8	Pilihan Raya	39 – 42				
	9	Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957	43 – 46				
	10	Pemasyhuran Kemerdekaan	47 - 50				

TINGKATAN 5		TEMA : MALAYSIA DAN MASA HADAPAN	Muka surat	Prestasi Saya			
TAJUK	BAB			😀	🙂	😐	✎
12	1	Kedaulatan Negara	51 – 53				
	2	Perlembagaan Persekutuan	54 – 56				
	3	Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen	57 – 61				
	4	Sistem Persekutuan	62 – 65				
13	5	Pembentukan Malaysia	66 – 70				
	6	Cabaran selepas Pembentukan Malaysia	71 – 74				
14	7	Membina Kesejahteraan Negara	75 – 79				
	8	Membina Kemakmuran Negara	80 – 84				
15	9	Dasar Luar Malaysia	85 – 89				
	10	Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia	90 – 94				
		Nota Holistik	95				

NAMA MURID

NAMA SEKOLAH

PANDUAN PENGGUNAAN *Modul Inspirasi* YaPEIM SEJARAH SPM 2024

Pendahuluan

- ✓ Modul Inspirasi YaPEIM SEJARAH SPM 2024 digubal untuk calon SPM 2024.
- ✓ Modul ini bertujuan membantu memudahkan guru mengajar dan murid belajar dengan harapan murid mudah lulus dan mencapai gred yang lebih baik.
- ✓ Modul ini juga sesuai untuk murid berprestasi sederhana dan cemerlang dalam memburu gred A+.
- ✓ Merangkumi keseluruhan topik sukatan Sejarah tingkatan 4 dan tingkatan 5 KSSM.
- ✓ Digubalkan berdasarkan keperluan sasaran murid ***Minimum Adequete Syllibus*** (MAS).
- ✓ Soalan digubal mengikut standard peperiksaan Sejarah SPM.

Teknik Penggunaan Modul

- **Menjadi bahan bantu mengajar**
  - ✓ Pdpc
  - ✓ Latih tubi
- **Dijadikan nota *flash* untuk ulangkaji**
  - ✓ Panduan jawapan
  - ✓ Nota ekstra
  - ✓ Memasukkan maklumat tambahan (buku teks)
- **Menjawab latihan mengikut bab**
  - ✓ 10 objektif
  - ✓ 3 struktur
  - ✓ 1 esei
  - ✓ Melazimkan cara jawab mengikut format SPM sebenar
- **Menguasai topik penting setiap bab**
  - ✓ 10 bab Tingkatan 4
  - ✓ 10 bab Tingkatan 5
- **Mahir KBAT**
  - ✓ Soalan (c) pada struktur dan esei
  - ✓ Pelbagai bentuk stimulus soalan
  - ✓ Imbasan kod QR

NOTA EKSTRA

7.3 - SISTEM AHLI

Sebab Sistem Ahli dilaksanakan

- Melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran
- Menjalankan dasar dekolonisasi
- Ke arah berkerajaan sendiri
- Menyediakan Tanah Melayu ke arah kemerdekaan
- Kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan

- ➢ Nota yang tidak berkaitan dengan soalan
- ➢ Namun boleh digunakan untuk imbas kembali pengetahuan tentang topik berkenaan
- ➢ Strategi secara bacaan kuat

IMBASAN KOD QR

SCAN ME

- Info tambahan untuk rujukan jawapan
- Murid digalakkan scan info untuk meluaskan pengetahuan

Perang Dunia Pertama

PANDUAN JAWAPAN

- ✓ Panduan jawapan yang disediakan adalah memenuhi keperluan minima untuk menjawab soalan struktur.

Apakah ciri kepimpinan Kesultanan Melayu Melaka yang boleh dicontohi oleh kepimpinan negara pada hari ini untuk mewujudkan negara yang aman dan makmur?

Fakta	• Kepimpinan berwibawa/ ditaati oleh rakyat/ lambang penyatuan
Huraian	• Menjaga kebajikan rakyat/ menyediakan prasarana/ infrastruktur untuk kemudahan rakyat
Contoh	• Menjadi pemimpin yang berintegriti/ tidak mengamalkan rasuah/ salah guna kuasa
Inferens	• Memimpin dengan adil kepada semua lapisan rakyat/ pelbagai kaum dan agama

- ✓ Panduan jawapan merangkumi **Fakta, Huraian, Contoh** dan **Inferens** yang bersesuaian dengan kehendak soalan.
- ✓ Gunakan kemahiran bahasa anda untuk menghasilkan penulisan jawapan yang terbaik.
- ✓ Murid digalakkan untuk menjawab dan mengulangkaji kesemua soalan yang terdapat dalam modul ini. **Penguasaan yang kukuh boleh membantu murid mencapai gred A+**

STRATEGI MENGARANG SOALAN STRUKTUR DAN ESEI

- ✓ Menggunakan pangkal ayat untuk memulakan jawapan.

  Huraikan langkah kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional

  Langkah kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional ialah…
- ✓ Menggunakan **ayat lengkap**. Elakkan ayat tergantung dan **dilarang menulis dalam bentuk *point*.**
- ✓ Menggunakan penanda wacana - **Selain itu**. **Hal ini**. **Seterusnya**. **Sementara itu**. **Ini kerana**. **Selanjutnya**.
- ✓ Menggunakan kata hubung - konsep (**BUDAKS**) **bagi**. **untuk**. **demi**. **dan**. **agar**. **kerana**. **supaya**. **serta**.
- ✓ Berikan contoh yang sesuai gunakan ayat - **contohnya**. **seperti**. **misalnya**. **iaitu**…
- ✓ Jawapan perlu berdasarkan kata tugas dan kehendak soalan
- ✓ Fakta + Huraian + Contoh + Inferens (berdasarkan kata tugas)

INGAT 1 MINIT MELALUI VIDEO YaPEIM

- ✓ Berdasarkan sub topik
- ✓ Cara mudah belajar dan ingat Sejarah
- ✓ Mengandungi 95 video meliputi sub topik tingkatan 4 dan tingkatan 5

SCAN ME!

TEKNIK MENJAWAB SEJARAH SPM 2024

SEJARAH KERTAS 1 (1249/1) Soalan Objektif

T5 B5

10. Apakah **kesan** peristiwa berikut terhadap **negara kita**? ms 109

Tahun	Peristiwa
1965	**Jeneral Suharto** telah **mengambil alih kuasa** pemerintahan daripada **Presiden Soekarno**

A Sistem beraja dihapuskan } Kesan negatif
B Hubungan diplomatik terputus
C Pakatan tentera dibentuk } Kesan positif
D ✓ Dasar konfrontasi berakhir

T4 B1

10. Antara berikut, yang manakah **peranan rakyat** terhadap negara pada zaman **Kesultanan Melayu Melaka**? ms 13

I Berkhidmat sebagai tentera } Rakyat
II Menjadi pendayung kapal perang
III Menjadi utusan ke negara luar } Pembesar
IV Sebagai pengiring para pembesar

A ✓ I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

SEJARAH KERTAS 2 (1249/2) BAHAGIAN A (Struktur)

T5 B5

2. Tunku Abdul Rahman mengumumkan pembentukan malaysia pada 27 Mei 1961. Pembentukan Malaysia mendapat reaksi daripada pelbagai pihak.

(a) Namakan parti yang menyokong pembentukan Malaysia tersebut.

(i) Sarawak
Parti Negara Sarawak (PANAS) ✓
[1 markah]

(ii) Sabah
United Sabah National Organization (USNO) ✓
[1 markah]

(iii) Singapura
People's Action party (PAP) ✓
[1 markah]

(b) Mengapakah terdapat penentangan terhadap gagasan tersebut?

(i) Dianggap penjajahan bentuk baharu ✓
(ii) Ekonomi dikuasai PTM ✓
(iii) Ingin menubuhkan Kesatuan negeri-negeri Melayu Borneo yang merdeka ✓
[3 markah]

(c) Petikan berikut berkaitan kebaikan penubuhan Malaysia kepada rakyat negara kita.

> Hasilnya sehingga kini Malaysia telah menjadi antara negara yang bebas dari pengaruh asing. Ini merupakan manfaat yang paling berharga yang telah dinikmati oleh generasi baru Malaysia kerana hidup aman dan damai.
> https://news.ump.edu.my

Berikan bukti kebaikan yang telah anda nikmati kesan daripada penubuhan Malaysia.

Kebaikan pembentukan Malaysia ialah negara bebas dari pengaruh asing. Contohnya ancaman komunis dihapuskan. Kesannya negara aman dan rakyat hidup sejahtera ✓
[4 markah]

SEJARAH KERTAS 2 (1249/2) Bahagian B (Esei)

T4 B3

1. Serangan tentera Jepun di Tanah Melayu bemula pada 8 Disember 1941. Keseluruhan Tanah Melayu jatuh ke tangan tentera Jepun pada 15 Februari 1942.

(a) Bagaimanakah Jepun melakukan serangan terhadap negara kita? [6 markah]

Serangan tentera Jepun terhadap negara kita bermula dengan mendarat di Kota Bharu, Kelantan. Kemudian, tentera Jepun mara ke selatan mengikuti jalan darat di negeri-negeri pantai timur. Manakala pasukan tentera Jepun yang mendarat di Thailand memasuki Kedah dan berpecah kepada dua pasukan terus mara ke selatan. Satu pasukan ke Pulau Pinang dan terus mara melalui pesisiran pantai barat dan satu pasukan lagi mengikuti jalan darat menuju bandar-bandar utama negeri pantai barat.

(b) Terangkan dasar pentadbiran yang telah diperkenalkan oleh Jepun setelah berjaya menguasai Tanah Melayu.
[6 markah]

Dasar pentadbiran tentera Jepun ialah dengan menggabungkan Tanah Melayu dengan Sumatera di bawah pentadbiran pasukan tentera Jepun ke-25 di Singapura. Namun pada April 1944, Tanah Melayu dan Sumatera ditadbir secara berasingan. Pentadbiran ke atas Singapura juga diasingkan. Selain itu, Jepun mengamalkan dasar mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu sebagai ketua agama Islam dan adat melayu serta diberi bayaran pencen. Manakala, pemimpin tempatan juga diberi peluang kenaikan pangkat bagi mengatasi kekurangan pegawai dan mendapatkan sokongan penduduk. Untuk itu, Jepun menubuhkan Institut Latihan Pemimpin Muda yang dikenali sebagai Koa Kunrenjo.

(c) Gambar berikut merupakan poster propaganda tentera Jepun di negara kita.

Jelaskan sebab tentera Jepun mengeluarkan poster di atas dan mengapakah rakyat tempatan tertarik dengan propaganda tersebut?
[8 markah]

Sebab tentera Jepun mengeluarkan poster tersebut adalah untuk menggambarkan Jepun sebagai penyelamat dan pembela Asia kerana memberi kemerdekaan. Untuk itu, rakyat perlu bekerjasama dengan Jepun untuk menghalau kuasa Barat. Selain itu, slogan 'Semangat Asia' dan 'Asia untuk Orang Asia' digunakan berjaya mencapai cita-cita Jepun dan meningkatkan imej Jepun.

Sebab rakyat tempatan tertarik dengan propaganda tersebut adalah kerana merasakan Islam akan terpelihara apabila melihat poster tersebut ditulis dengan huruf Jawi dan menggunakan nama Allah. Maka rakyat tempatan bersama Jepun menentang Barat dan yakin akan hidup aman serta peroleh merdeka di bawah Jepun. Kesimpulannya, kita perlu berwaspada dengan tipu daya asing.

PANDUAN MENJAWAB KBAT BERSTIMULUS

01

KENALI PELBAGAI BENTUK STIMULUS

i. Peta
ii. Petikan / penyataan
iii. Poster
iv. Jadual
v. Dialog / lirik
vi. Infografik / gambar
vii. Senarai
viii. Rajah

02

CONTOH STIMULUS : INFOGRAFIK

Teliti maklumat berikut.

Berdasarkan maklumat tersebut, terangkan langkah bagi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang berdaulat, aman dan sejahtera. [8 *markah*]

03

BIASAKAN YANG BETUL

- ✓ **Baca** stimulus
- ✓ **Analisis** kehendak soalan
- ✓ **Garis maklumat TERSURAT** yang diperolehi
- ✓ **Fahami** maklumat pada stimulus
- ✓ **Memindahkan maklumat** dengan kaedah **salin dan tampal**
- ✓ **Bina ayat** atau idea baharu tanpa mengubah maksud
- ✓ Beri **idea TERSIRAT**
- ✓ Sertakan **penanda wacana** dan **kata hubung**
- ✓ Calon perlu menjawab semua tugasan soalan

04

PANDUAN PEMARKAHAN

- ✓ Tidak mendapat markah penuh sekiranya:

i. Salin semula stimulus sepenuhnya (1-2 markah sahaja)

ii. Menjawab sebahagian tugasan (separuh daripada peruntukan markah)

iii. Tidak mengambil maklumat daripada stimulus atau jawapan terpesong (0 markah)

LATIHAN KBAT BERSTIMULUS : T5 BAB 8

(c) Teliti petikan berikut.

Banyak negara dunia bergelut dengan cabaran krisis kos sara hidup, ada negara melaksanakan sekatan terhadap perdagangan makanan dan produk pertanian yang boleh meningkatkan kekurangan bekalan dan meningkatkan harga komoditi tersebut di peringkat global. Keputusan India melarang eksport gandum menyebabkan harga bijirin melambung tinggi. Indonesia pula melarang eksport minyak sawitnya.

Sumber : Kosmo 22 Mei 2022

Berdasarkan petikan di atas, jelaskan **cabaran yang dihadapi** negara dan **langkah untuk menangani cabaran** tersebut.
[8 *markah*]

Cabaran yang dihadapi negara ialah krisis ✓kos sara hidup. Hal ini menyebabkan terdapat negara yang melaksanakan sekatan perdagangan seperti produk ✓makanan dan hasil pertanian. Situasi ini menyebabkan kekurangan bekalan yang menjadikan harga ✓melambung tinggi dengan tindakan India yang melarang eksport gandum dan Indonesia yang melarang eksport minyak sawit.

Langkah untuk menangani cabaran tersebut ialah dengan meningkatkan ✓pengeluaran makanan dalam negara dan mengawal kenaikan harga makanan. Contohnya menetapkan harga maksimum produk pertanian dan penternakan. Oleh itu, bekalan makanan dapat memenuhi ✓keperluan negara. Rumusannya kerjasama semua pihak penting bagi memastikan Malaysia berjaya mengharungi cabaran ekonomi dunia.

LATIHAN KBAT BERSTIMULUS : T4 BAB 2

"Patriotisme dan nasionalisme amat penting kepada rakyat setiap negara. Ia bukan sekadar luahan perasaan, tetapi menuntut penghayatan setiap warganegara".

Sumber ubahsuai: https://www.bharian.com.my

Berikan komen anda berdasarkan petikan akhbar di atas?
[4 markah]

Komen saya berdasarkan petikan tersebut ialah nasionalisme amat penting ✓kepada setiap rakyat bagi mempertahankan kedaulatan ✓negara. Selain itu, nasionalisme bukan sekadar luahan perasaan sahaja tetapi ianya menuntut ✓penghayatan setiap warganegara. Ini akan memperlihatkan sikap kita sebagai rakyat yang sayangkan ✓negara dengan penuh ikhlas.

T4 BAB 1 WARISAN NEGARA DAN BANGSA

Soalan Objektif

1. Bagaimanakah rakyat kerajaan Srivijaya membuktikan kesetiaan mereka kepada raja? ms 4

   A Menjadi tentera
   B Membayar cukai
   C Meminum air sumpah
   D Menjadi hamba abdi

2. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem pentadbiran yang mantap dan tersusun.

   Apakah bentuk pentadbiran tersebut? ms 6

   A Pentadbiran wilayah
   B Raja Berperlembagaan
   C Pemerintahan tempatan
   D Pembesar Empat Lipatan

3. Mengapakah kedaulatan penting kepada Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah kerajaan yang berkuasa di Alam Melayu? ms 6

   A Mendapat pengiktirafan
   B Memperoleh bantuan tentera
   C Menerima ufti dari negara luar
   D Menguasai bidang ekonomi

4. Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka memperoleh wilayah-wilayah berikut? ms 7

   - Pahang
   - Kampar
   - Rokan

   A Kegiatan penaklukan
   B Menerima ketuanan
   C Perkahwinan siasah
   D Anugerah negara

5. Pembesar Berempat dalam Kesultanan Melayu Melaka memperoleh kawasan pegangan bagi mentadbir wilayah, sungai atau pulau.

   Bagaimanakah mereka memperoleh kawasan tersebut? ms 9

   A Melakukan penaklukan
   B Mendapat kurnia sultan
   C Memperoleh sokongan rakyat
   D Menggunakan konsep naungan

6. Apakah peranan laksamana dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka? ms 9

   A Menjadi ketua angkatan tentera
   B Menguatkuasakan undang-undang
   C Menjaga keselamatan di laut
   D Mengawal keamanan dalam negeri

7. Rajah berikut merujuk kepada peranan pembesar yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

   X → Menguruskan perbendaharaan

   Apakah X? ms 9

   A Bendahara
   B Laksamana
   C Temenggung
   D Penghulu Bendahari

8. Dalam Hukum Kanun Melaka, Fasal 4 menyatakan tentang hukuman bunuh yang dikenakan kepada seseorang.

   Berdasarkan penyataan tersebut, mengapakah hukuman tersebut boleh dijatuhkan? ms 10

   A Menceroboh istana
   B Memalsu titah sultan
   C Mencuri khazanah negara
   D Membantu penjajah asing

9. Apakah peranan golongan pembesar untuk menjaga kebajikan rakyat di kawasan pegangan masing-masing? ms 12

   A Mengetuai angkatan tentera
   B Menjalinkan hubungan luar
   C Memperkenalkan perundangan
   D Memastikan keamanan negara

10. Antara berikut, yang manakah peranan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka? ms 13

    I Berkhidmat sebagai tentera
    II Menjadi pendayung kapal perang
    III Mengetuai utusan ke negara luar
    IV Pengiring pembesar negara

    A I dan II
    B I dan IV
    C II dan III
    D III dan IV

Soalan Struktur

1 Maklumat berikut berkaitan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka (KMM).

• Rakyat • Kedaulatan • **X**	• Undang-Undang • Lambang Kebesaran • **Y**

(a) Apakah **X** dan **Y**?

X : .....

Y : .....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan kedua-dua ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka dalam 1(a).

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Teliti gambar berikut.



Sumber: https://kursirajamelayu.uitm.edu.my

Jelaskan kepentingan alat kebesaran tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Kawasan Pegangan

- Kawasan yang dikurniakan Sultan Melaka kepada Pembesar Berempat
- Memberi kuasa memerintah atau mentadbir sesuatu wilayah, sungai atau pulau.

(a) *ms 6*

X : Kerajaan
Y : Wilayah pengaruh

(b) *ms 6-7*

(i) **Kerajaan**
- Muncul kerajaan kerana adanya raja
- Raja pemerintah tertinggi
- Dibantu pembesar
- Sistem Pembesar Empat Lipatan
- Sistem pentadbiran tersusun
- Gelaran sultan selepas kedatangan Islam

(ii) **Wilayah Pengaruh**
- Kawasan pemerintahan raja yang diterima dan diakui rakyat
- Wilayah merangkumi Semenanjung Tanah Melayu/ Pantai timur Sumatera
- Diperoleh melalui penaklukan/ naungan/ perkahwinan
- Wilayah yang luas bukti kewibawaan

(c) *KBAT*

- Gambar menunjukkan peralatan kebesaran diraja
- Antaranya tengkolok diraja/ pending/ keris pendek/ keris panjang/ cogan agama
- Di arak dan dipakai semasa istiadat pertabalan berlangsung dalam suasana penuh istiadat gilang-gemilang
- Lambang kedaulatan
- Kemegahan sistem Raja Berperlembagaan
- Identiti pemerintah dan kerajaan

NOTA EKSTRA: 1.2 - CIRI-CIRI NEGARA BANGSA KESULTANAN MELAYU MELAKA

1. Kerajaan
- Muncul kerajaan kerana adanya raja - pemerintah tertinggi/ dibantu pembesar
- Sistem Pembesar Empat Lipatan
- Gelaran sultan selepas kedatangan Islam

2. Rakyat
- Taat setia kepada sultan/ patuh undang-undang / terdiri daripada Orang Melayu dan Orang Laut / akui kekuasaan sultan

3. Undang-undang
- Hukum Kanun Melaka/ Undang-undang Laut Melaka
- Mengawal rakyat dan mengukuhkan kerajaan serta melindungi rakyat

4. Kedaulatan
- Lambang kekuasaan tertinggi raja/ hak mutlak raja/ kawal rakyat dan wilayah
- Diiktiraf kerajaan lain/ bebas campur tangan asing / China menghantar utusan Laksamana Cheng Ho

5. Wilayah Pengaruh
- Kawasan pemerintahan raja yang diterima dan diakui rakyat

6. Lambang Kebesaran
- Identiti kerajaan/ keistimewaan sultan
- Adat istiadat/ warna/ nobat/ regalia/ cap mohor- sahkan arahan sultan
- Simbol kedaulatan sultan memerintah

Wilayah taklukan
- Diperoleh melalui peperangan seperti Pahang,Kuala Linggi, Kelantan, Rokan, Inderagiri dan Kampar

Wilayah naungan
- Wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka melalui perkahwinan atau persahabatan seperti Lingga, Patani dan Kedah

Peroleh wilayah melalui perkahwinan
- Majapahit menghadiahkan Siantan kepada Sultan Mansur Shah kerana mengahwini Puteri Majapahit.

Soalan Struktur

2 Rajah berikut menunjukkan undang-undang yang dilaksanakan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15.



(a) Nyatakan perkara yang terkandung dalam Hukum Kanun Melaka.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan hukuman terhadap perbuatan jenayah yang terdapat dalam Undang-Undang Laut Melaka.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Maklumat berikut merujuk kepada prinsip keempat Rukun Negara.

Kedaulatan Undang-Undang

Mengapakah pengamalan prinsip tersebut penting kepada rakyat sesebuah negara?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Undang-Undang Laut Melaka

- Diusahakan oleh beberapa nakhoda Melaka iaitu Nakhoda Jenal, Nakhoda Diri, dan Nakhoda Sahak
- Diperkenankan Sultan Mahmud Shah

(a) *ms 10-11*

- Jenayah
- Peranan sultan dan pembesar
- Kekeluargaan
- Ekonomi

(b) *ms 10-11*

- Jenayah di atas kapal menggugat ketenteraman / keselamatan isi kapal
- Menjelaskan hukuman seperti mencuri / membunuh / memberontak
- Membunuh / berkelakuan jahat di atas kapal dikenakan hukuman mati
- Fasal 5, seseorang yang berkelakuan jahat/ membunuh di atas kapal/ orang tersebut akan dihukum mati

(c) *KBAT*

- **Lambang keagungan kerajaan yang berdaulat**
  - Mempunyai undang-undang peraturan yang lengkap
  - Bagi mewujudkan negara yang aman harmoni
- **Membentuk rakyat yang berdisiplin**
  - Patuh kepada peraturan / undang-undang
  - Mengelak daripada perbuatan jenayah menimbulkan huru-hara/ Perpecahan antara kaum
  - Wujud toleransi/ rakyat bersatu-padu membangunkan negara/ imej negara meningkat

NOTA EKSTRA: 1.3 - KEUNGGULAN UNDANG-UNDANG

Hukum Kanun Melaka	Kandungan Hukum Kanun Melaka	Undang-Undang Laut Melaka
• Dalam Hukum Kanun Melaka, beberapa perkataan hanya boleh digunakan oleh raja iaitu **titah, murka, kurnia dan anugerah** • Rakyat tidak dibenarkan mempersenda atau menuturkan perkataan tersebut	Mengandungi 44 Fasal iaitu berkaitan: **1. Jenayah** • Pelbagai hukuman terhadap kesalahan membunuh/menikam/ mencuri **2. Peranan Raja/ Pembesar** • Arif berkaitan undang-undang **3. Kekeluargaan** • Mewujudkan keharmonian/ menyelesaikan masalah keluarga **4. Ekonomi** • Undang-undang kawal perdagangan agar tiada kesalahan/ bertentangan Islam • Perdagangan menjadikan KMM terkenal	Mengandungi perkara **1. Peranan Nakhoda** • Dianggap raja dalam pelayaran • Diberi keutamaan berniaga 4 hari **2. Pelayaran** • Menjelaskan peranan jurumudi/ malim/ jurubatu • Malim arif ilmu pelayaran/ tahu keadaan ombak / arus/ kedudukan bulan bintang **3. Jenayah** • Hukuman jenayah atas kapal seperti mencuri/ membunuh/ memberontak **4. Percukaian** • Cukai perjalanan/ hasil perniagaan • Nakhoda menentukan jumlah cukai

Soalan Struktur

3 Rajah berikut menunjukkan pembahagian masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka	
Pemerintah	Rakyat

(a) Golongan pemerintah terdiri daripada

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan peranan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) 'Tanggungjawab sebagai pemimpin bukan mudah'

Sumber : https://www.kosmo.com.my

Berikan ulasan anda berdasarkan pernyataan di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Golongan Diperintah

- **Rakyat**- penlaga/petani/tukang/ nelayan
- **Hamba**- Hamba raja/ Hamba berhutang/ Hamba biasa

(a) *ms 12*

- Sultan
- Pembesar
- Kerabat raja
- Ulama

(b) *ms 13*

- Menunjukkan ketaatan kepada pemerintah
- Mematuhi semua arahan
- Tidak menderhaka kerana bimbang ditimpa tulah
- Menjadi tentera
- Menghadiri majlis umum/ gotong royong
- Menjadi pengayuh/ pendayung kapal perang
- Menyumbang tenaga/ sistem serah/ membina istana/jalan raya

(c) ***KBAT***

- Menjadi pemimpin yang berkarisma
- Berani mengambil pendekatan berbeza strategik menyelesaikan krisis untuk kepentingan negara
- Bertindak tanpa rasa takut
- Mengutamakan kepentingan nasional berbanding peribadi
- Tidak terlibat dengan rasuah/ salah guna kuasa
- Kesannya,pentadbiran sistematik / cekap dan negara pesat membangun

NOTA EKSTRA: 1.4 - PERANAN PEMERINTAH DAN RAKYAT

Peranan Sultan	Peranan Pembesar	
• Menaungi/ jaga keselamatan rakyat • Mewujudkan perpaduan rakyat • Bertanggungjawab terhadap kemakmuran/ kestabilan kerajaan • Memperkenalkan undang-undang	• Memelihara keamanan/ kebajikan rakyat di kawasan pegangan • Perantara sultan-rakyat • Mengutip hasil melalui sistem serah/ bekalkan tentera melalui sistem kerah	**Tulah** – Kecelakaan kerana langgar larangan/ menderhaka kepada raja **Waadat**- Perjanjian yang dilakukan Demang Lebar Daun yang mewakili golongan diperintah/ Sang Sapurba mewakili golongan pemerintah.

JAWAPAN OBJEKTIF T4 BAB : 1	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	C	D	A	A	B	C	D	B	D	A

Soalan Esei

4 Kemunculan kerajaan Alam Melayu membuktikan asas negara bangsa telah bermula sebelum kedatangan Barat.

(a) Jelaskan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu berikut:

(i) Raja

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(ii) Undang-undang

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(b) Jelaskan keunggulan Srivijaya sebagai sebuah kerajaan yang muncul di Alam Melayu pada abad ke-12.

.....

.....

.....

.....

[6 *markah*]

(c) Baca maklumat dalam petikan di bawah.

> Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Perlembagaan Persekutuan telah digubal dengan mengadakan syarat-syarat sedemikian untuk membolehkan pelaksanaan sistem ini. Salah satu kriteria sistem Demokrasi Berparlimen adalah pembahagian kuasa kepada tiga bahagian di dalam pemerintahan iaitu Perundangan, Kehakiman dan Eksekutif (Pentadbiran).
> Setiap negeri yang terbabit telah menyerahkan sebahagian kuasa masing-masing seperti kewangan, pertahanan, pelajaran, luar negara dan lain-lain lagi seperti mana yang telah tercatat di dalam Perlembagaan Malaysia untuk ditadbir oleh Kerajaan Pusat. Sumber: https://www.parlimen.gov.my

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan dan apakah kepentingan pentadbiran yang sistematik kepada negara kita?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

Undang-undang yang dipengaruhi Kesultanan Melayu Melaka

- Undang-undang Pahang
- Undang-undang 99 Perak

(a) ms 4

(i) Raja
- Tonggak utama kerajaan
- Kedudukan raja diperkukuh dengan pentadbiran dibantu pembesar
- Memperoleh ketaatan daripada rakyat
- Raja sentiasa ditaati/ dianggap suci
- Raja Champa dianggap suci
- Dikaitkan dengan Dewa Siva

(ii) Undang-undang
- Dilaksanakan untuk kesejahteraan kerajaan
- Terpakai di seluruh wilayah pengaruh
- Menjadi panduan dalam pentadbiran kerajaan
- Kerajaan Majapahit mengamalkan undang-undang *Kutara Manawa*

(b) ms 5
- Berpusat di Palembang
- Meneruskan ciri-ciri negara bangsa Alam Melayu sebelumnya/ Funan dan Champa
- Raja tonggak kerajaan/ dikenang melalui jumlah ketulan emas yang ditinggalkan
- Srivijaya mempunyai wilayah pengaruh yang luas/menjadi empayar terkenal
- Mempunyai undang-undang bagi memastikan kesejahteraan kepada empayar
- Rakyat kerajaan Srivijaya membuktikan kesetiaan dengan meminum air sumpah
- Kesultanan Johor-Riau meneruskan ciri ciri ini/ menekankan kepentingan Islam

(c) KBAT

Maklumat
- Malaysia mengamalkan demokrasi berparlimen/ Raja Berpelembagaan
- Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara
- Demokrasi Berparlimen mewujudkan pembahagian kuasa dalam pemerintahan Perundangan/ Kehakiman/ Eksekutif
- Negeri menyerahkan sebahagian pentadbiran kepada kerajaan pusat

Kepentingan
- **Pentadbiran sistematik** menjamin kestabilan politik/ Kebajikan rakyat terjaga
- **Membentuk pemimpin yang adil dan saksama**/ Rakyat hidup bersatu padu/ menjamin kesejahteraan rakyat
- **Mewujudkan kesetiaan rakyat kepada pemimpin/meningkatkan** kemajuan negara/ Rakyat mempertahankan negara
- **Terdapat undang-undang untuk melindungi rakyat/** keselamatan rakyat terjamin/ hidup aman dan harmoni

NOTA EKSTRA: 1.1 - CIRI-CIRI NEGARA BANGSA ALAM MELAYU - Ciri selain di (a)

1. Wilayah Pengaruh	2. Rakyat	Upacara persetiaan rakyat kepada pemerintah Srivijaya
• Kawasan rakyat menerima dan memperakui pemerintahan raja • Funan mempunyai wilayah pengaruh yang luas/ Sg Mekong/ Segenting Kra • Gelaran sultan selepas kedatangan Islam	• Penduduk sesebuah wilayah yang setia kepada raja/ tidak menderhaka • Rakyat Srivijaya membuktikan kesetiaan dengan upacara persetiaan/ meminum air sumpah	• Air dituang di atas inskripsi Telaga Batu • Air mengalir melalui corong di bawahnya • Air ditadah dan diminum oleh rakyat • Tunjukkan kesetiaan kepada pemerintah

T4 BAB 2 KEBANGKITAN NASIONALISME

Soalan Objektif

1. Tokoh berikut berpendapat nasionalisme Melayu telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Profesor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid

Apakah ciri nasionalisme Melayu pada zaman itu mengikut pandangan tokoh tersebut? ms 23

A Kesetiaan kepada raja
B Menggunakan bahasa Melayu
C Mempertahankan sempadan negeri
D Penentangan terhadap kuasa Portugis

2. Mengapakah tercetusnya peristiwa berikut di England? ms 24

Peristiwa	Tahun
Revolusi Keagungan (Glorious Revolution)	1688

A Membentuk negara bangsa
B Mempertahankan sistem beraja
C Menegakkan kedaulatan parlimen
D Melindungi golongan bangsawan

3. Apakah kesan Revolusi Perancis yang berlaku pada tahun 1789? ms 25

A Penyatuan negara bangsa
B Pelaksanaan sistem cukai
C Pemerintahan beraja berakhir
D Pengenalan sistem demokrasi

4. Bagaimanakah tokoh berikut menggerakkan perjuangan nasionalisme di India pada awal abad ke-20? ms 26

- Bal Gangadhar Tilak
- Bipin Chandra Pal

A Mengadakan rundingan damai
B Menentang secara kekerasan
C Menuntut pembebasan pemimpin
D Melaksanakan pemodenan negara

5. Maharaja Mikado Meiji telah berusaha untuk mengelakkan ancaman imperialisme Barat di Jepun.

Apakah langkah yang telah dilaksanakan oleh tokoh tersebut? ms 27

A Menutup sempadan negara
B Melaksanakan pemodenan
C Mengadakan perjanjian damai
D Menyekat pengaruh luar

6. Katipunan merupakan gerakan revolusioner yang melancarkan Revolusi Filipina pada tahun 1896.

Mengapakah revolusi tersebut dilancarkan? ms 28

A Menghapuskan sistem beraja
B Menyekat ideologi komunis
C Menghalang pengaruh Amerika
D Menyingkirkan kuasa Sepanyol

7. Bagaimanakah tokoh berikut membangkitkan kesedaran nasionalisme dalam kalangan masyarakat di negara kita pada awal abad ke-20? ms 33

- Abdul Rahim Kajai
- Muhammad Rakawi Yusuf
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)

A Membentuk parti politik
B Mewujudkan persatuan
C Mengasas gerakan revolusi
D Menghasilkan penulisan kreatif

8. Apakah yang disarankan oleh Kaum Muda melalui penerbitan akhbar Al-Imam? ms 36

A Kembali kepada Islam sebenar
B Mempelajari pelbagai bahasa
C Menjalin kerjasama Barat
D Kewajipan membayar zakat

9. Apakah matlamat perjuangan pertubuhan berikut? ms 40

Pertubuhan	Pengasas	Tahun
Kesatuan Melayu Muda (KMM)	Ibrahim Haji Yaakob	1937

A Menentang pendudukan Jepun
B Mewujudkan persaudaraan rakyat
C Membentuk gagasan Melayu Raya
D Membangunkan ekonomi masyarakat

10. Apakah isu yang dimuatkan melalui penerbitan majalah *Bulan Melayu* pada tahun 1930? ms 43

I Pelibatan wanita dalam politik
II Berita kemajuan Wanita
III Kepentingan pendidikan Wanita
IV Peranan wanita menentang penjajah

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan Struktur

1 Perkembangan idea nasionalisme di negara Barat telah mencetuskan gerakan revolusi berikut:

- Revolusi Keagungan (1688)
- Revolusi Amerika (1776)
- Revolusi Perancis (1789)

(a) Apakah faktor tercetusnya gerakan nasionalisme berikut:

(i) Revolusi Keagungan (1688)

.....

.....

[2 *markah*]

(ii) Revolusi Amerika (1776)

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan kesan daripada peristiwa di 1(a).

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(c) "Patriotisme dan nasionalisme amat penting kepada rakyat setiap negara. Ia bukan sekadar luahan perasaan, tetapi menuntut penghayatan setiap warganegara" Sumber ubahsuai: bharian.com.my

Berikan komen anda berdasarkan petikan akhbar di atas?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

NOTA EKSTRA

REVOLUSI PERANCIS 1789

- Perjuang kebebasan, persamaan, persaudaraan
- Pemikir Jean Jaques Rousseau/ Voltaire
- The.Social Contract- Keunggulan suara rakyat jamin kesejahteraan (Hasrat Umum)/ lebih penting daripada institusi raja/ birokrasi
- Menentang pemerintahan autokratik Raja Louis
- Golongan revolusi gempur penjara Bastile
- Muncul republik Perancis/ pemerintahan beraja berakhir

Maksud Nasionalisme

- Perasaan cintakan negara
- Semangat kebangsaan
- Perjuangan menentang penjajah
- Letakkan kesetiaan kepada negara
- Membela nasib negara dan bangsa

(a) ms 24-25

(I) Keinginan menegakkan kedaulatan parlimen/ hak asasi rakyat
- Berlaku kerana Raja James membelakangkan parlimen
- Ahli parlimen bangkit menentang berkuasa mutlak
- Mendapat sokongan Mary II/ suaminya Raja William of Orange
- Raja James II melarikan diri ke Perancis

(II) Penentangan orang Amerika terhadap British
- British tidak melindungi hak orang Amerika
- Menentang Akta untuk memungut cukai Akta Pelayaran/ Akta Gula/ Akta Setem/ Akta Teh
- Slogan "tiada cukai tanpa perwakilan"
- Menubuhkan kongres di bawah George Washington

(b) ms 24-25

- England menegakkan kedaulatan parlimen/ Raja berperlembagaan dimantapkan/ Bill of Right digubal untuk memberi keutamaan kepada parlimen menggubal undang-undang/ hak mengutip cukai
- Amerika mencapai kemerdekaan / diiktiraf British/ tiga belas tanah jajahan digabungkan/ nama baru Amerika Syarikat/ memperkenalkan sistem demokrasi

(c) KBAT

- Nasionalisme amat penting kepada setiap rakyat
- Nasionalisme bukan sekadar luahan perasaan.
- Nasionalisme menuntut penghayatan setiap warganegara
- Memperlihatkan sikap sayangkan negara dengan penuh ikhlas
- Berazam mempertahankan kedaulatan negara
- Mengambil iktibar perjuangan tokoh terdahulu mempertahankan negara
- Berani melawan musuh yang cuba menggugat kedaulatan negara

NASIONALISME DI INDIA

- Tujuan halang imperialisme Barat / lancarkan Dahagi India
- Isu sosioagama untuk tanam rasa cinta budaya tempatan melalui pertubuhan Brahmo Samaj dan Arya Samaj
- Penentangan radikal dan militan diketuai Bal Gangadhar Tilak dan Bipin Chandra Pal
- Pertubuhan INC tidak bekerjasama dengan British
- Mahatma Ghandi guna satyagraha-perjuangan tanpa keganasan
- Kesannya,India merdeka dan pembahagian India dan Pakistan

NASIONALISME DI CHINA

- Bersifat anti-Barat dan menentang campur tangan Barat
- Tujuan kukuhkan peradapan China daripada ancaman asing
- Dipelopori Dr Sun Yat Sen
- Menentang Dinasti Manchu yang dianggap orang luar/ hilang mandat
- Kemukakan Tiga Prinsip Rakyat (San Min Chu-I) sebagai ideologi perjuangan iaitu nasionalisme, demokrasi, kebajikan
- Revolusi China 1911 tumbangkan Dinasti Manchu dan muncul republik China

NASIONALISME EMPAYAR UTHMANIYAH DAN MESIR

- Halang imperialisme Barat dan pertahankan agama Islam
- Cetuskan gerakan Pan-Islamisme dan gerakan Islah
- Sayyid Jamal al-Din al-Afghani/ Sheikh Muhammad Abduh
- Seru umat Islam berpegang kepada al-Quran dan Hadis
- Gerakan Pan-Islamisme seru penyatuan umat Islam
- Turki Uthmaniah keluarkan fakta seru umat Islam yang ditindas berjuang bersama Turki dan disokong umat Islam seluruh dunia

NASIONALISME DI JEPUN

- Tujuan mencapai kemajuan dan elakkan imperialisme Barat
- Maharaja Mikado Meiji lancarkan gerakan pemulihan Jepun
- Semangat bushido jadi asas nasionalisme dan pemodenan ikut model Barat
- Muncul negara industri dan kuasa tentera yang kuat
- Desakan ekonomi menjadikan Jepun kuasa imperialisme di Asia

Soalan Struktur

2 Maklumat berikut berkaitan perkembangan nasionalisme di Filipina.

Tokoh	Gerakan Nasionalisme
Jose Rizal	• Berbentuk Gerakan Propaganda • Menubuhkan Liga Filipina 1932

(a) Apakah perkara yang dituntut melalui Gerakan Propaganda?

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan kesan kegagalan perjuangan Gerakan Propaganda terhadap perkembangan nasionalisme di Filipina?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Teliti poster berikut.

Sumber : https://www.mkn.gov.my

Beri komen anda.

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Nasionalisme di Burma

Isu Kasut
- Perbuatan orang British yang memakai kasut semasa memasuki kuil Buddha
- Perbuatan ini dianggap mencemari kesucian agama Buddha

(a) *ms 28*
- Filipina dijadikan sebahagian wilayah Sepanyol
- Bangsa Filipina diberi hak yang sama dengan bangsa Sepanyol
- Mendesak Sepanyol melakukan perubahan politik/ ekonomi/ sosial di Filipina

(b) *ms 28*
- Melahirkan nasionalisme lebih radikal
- Bonifacio telah menubuhkan Katipunan
- Bertujuan untuk memperoleh kemerdekaan Filipina melalui revolusi
- Katipunan menggunakan akhbar Kalayan
- Untuk menyebarkan idea revolusi kepada rakyat
- Bonifacio/ Aguinaldo melancarkan revolusi pada tahun 1896/ gagal

(c) *KBAT*

Komen
- Kepentingan patriotisme
- Bagi menghadapi globalisasi masa kini
- Sentiasa mengibar jalur gemilang
- Lambang identiti negara
- Bangga sebagai rakyat Malaysia
- Hidup bersatu dan bertoleransi
- Dapat mengwujudkan perpaduan
- Mengelakan persengketaan
- Contoh peristiwa perbalahan kaum 13 Mei 1969
- Rumusan negara akan sejahtera dan harmoni, Kedaulatan negara kukuh serta menjadi kuat

NOTA EKSTRA: 2.4 - PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

NASIONALISME DI BURMA	NASIONALISME DI VIETNAM	NASIONALISME DI INDONESIA
• Perjuangan kelas menengah/ sami Buddha(pongyi)/Thakin (siswazah) universiti/ petani menentang British • Digerakkan golongan menengah berpendidikan Barat • Persatuan Belia Buddha untuk kekalkan tradisi Buddha/ pendidikan/ kebudayaan Burma • Menggunakan isu kasut • Pemimpin radikal, U Ba Pe namakan persatuan tersebut sebagai Majlis Persatuan Am Kesatuan Burma • Revolusi Pelajar(1920) menuntut penubuhan university • Majlis Am Sangha Samagyi/ mencetuskan Pemberontakan Saya San/ sokongan petani yang terbeban dengan cukai	• Memperjuangkan pemulihan pemerintahan beraja • Dipelopori bangsawan dan Mandarin • Idea melalui akhbar Tribune Indige/ Cloche Felee • Mengkritik penindasan Perancis dan menuntut hak rakyat • Selepas PD I, Gerakan revolusi didukung nasionalis/ komunis • Parti nasionalis / Viet Nam Quoc Dang Dang/ Nguyen Thai Hoc • Komunis pula diterajui Parti Komunis Vietnam/ Ho Chi Minh • VNQDD berteraskan demokrasi/ nasionalisme/ sosialisme • Pemberontakan 1930 untuk mengusir Perancis	• Isu pendidikan/ pendidikan mengubah nasib rakyat • Raden Adjeng Kartini/ memajukan pendidikan wanita/ Karyanya Habis Gelap Terbitlah Terang • Mendedahkan dasar diskriminasi penjajah/ menindas/ kemunduran • Muhammadiyah pertubuhan tersusun/ mempertahankan Islam daripada sekularisme • Lebih radikal - penubuhan Sarekat Islam, PKI dan PNI • 1928- Kongres Pemuda Indonesia/ ikrar 'Sumpah Pemuda'/ Satu Tanah Air, Satu Bangsa dan Satu Bahasa • Soekarno mempelopori pembentukan Permuafakatan Perhimpunan Partai Kebangsaan Indonesia/ memperjuangkan kemerdekaan

Soalan Struktur

3 Nasionalisme di negara Thailand berbeza daripada gerakan nasionalisme di negara lain kerana negara tersebut tidak pernah dijajah. Nasionalisme di Thailand bertujuan mempertahankan kedaulatan negara serta menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan.

(a) Namakan **dua** tokoh nasionalisme yang menggerakkan pemodenan Thailand.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan pemodenan yang dilaksanakan oleh tokoh di 3 (a).

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Sebagai pemimpin sebuah negara, bagaimanakah anda melaksanakan pemodenan dalam pentadbiran bagi memenuhi aspirasi rakyat.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Nasionalisme Zaman Kesultanan Melayu Melaka

- Pemimpin Melaka iaitu Sultan Muzaffar Shah/ Mahmud Shah melakukan serangan 3 kali untuk mendapatkan semula Melaka daripada Portugis tetapi gagal

(a) ms 37

- Raja Mongkut
- Raja Chulalongkorn

(b) ms 37

- **Raja Mongkut**
- Membina hubungan baik dengan kuasa Barat
- Memulakan langkah pemodenan
- Melaksanakan birokrasi Barat
- Penasihat Barat di bawa masuk untuk melatih pegawai tempatan
- Dalam bidang pentadbiran/ kewangan / pelabuhan / kastam / ketenteraan / polis
- Membawa masuk guru dari British
- Melaksanakan pendidikan Barat

- **Raja Chulalongkorn**
- Meneruskan pemodenan negara dan dasar terbuka
- Menjadikan Thailand bebas daripada penjajahan Barat

(c) KBAT

- Melaksanakan pentadbiran sistematik melancarkan perjalanan semua urusan
- Menggunakan teknologi terkini dalam pengurusan
- Kerajaan elektronik/ e-bayaran
- Mengadakan perkongsian pintar dengan negara maju
- Mengambil pengalaman negara lain Jepun/ Korea
- Mengurangkan karenah birokrasi dalam pentadbiran
- Menjadi pemimpin berfikiran jauh
- Kesannya, negara dihormati oleh negara luar

NOTA EKSTRA: 2.6 - FAKTOR KEMUNCULAN GERAKAN NASIONALISME DI NEGARA KITA

1. Peranan Agama
- Penuntut di Mesir terdedah dengan gerakan Islah pimpinan Sayyid Jamal al-Din al-Afghani/ Sheikh Muhammad Abduh/ Rashid Rida
- Gerakan Islah / kembali kepada Islam berpandukan al-Quran/ Hadis
- Menentang imperialisme

2. Penulisan Kreatif
- Melalui hasil kesusasteraan seperti novel/ cerpen/ puisi
- Menyindir penjajah

3. Media Cetak
- Akhbar/ majalah penyalur maklumat
- Jawi Peranakan/ al-Imam/Neracha
- Mengkritik penjajah / idea pembaharuan

4. Sistem Pendidikan
- Pendidikan moden Islam
- Madrasah meniupkan semangat pelajar/ Madrasah al-Attas Johor Bahru
- Idea nasionalisme melalui kunjungan ulama Kaum Muda dari Sumatera Barat/ pelajar dari Mesir
- Raffles Institution di Singapura/ Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)

5. Kemunculan Golongan Intelektual
- Lahir intelektual lepasan Timur Tengah
- Syed Syeikh al-Hadi
- Intelektual lepasan Pendidikan Inggeris/ Melayu seperti Abdul Kadir Adabi
- Menyedarkan rakyat

6. Pengaruh Luar dan Serantau
- Kebangkitan Pan-Islamisme di Turki menyeru umat Islam supaya bersatu
- Gerakan Islah di Mesir/ Kemunculan Jepun / Revolusi China oleh Dr Sun Yat Sen/ Mahatma Ghandi di India

JAWAPAN OBJEKTIF T4 BAB : 2	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	A	C	C	B	B	D	D	A	C	C

Soalan Esei

4 Gerakan nasionalisme di negara kita diperjuangkan melalui kegiatan penulisan dan pertubuhan atau persatuan.

(a) Bagaimanakah akhbar dan majalah membangkitkan kesedaran nasionalisme?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[6 *markah*]

(b) Terangkan perjuangan nasionalisme melalui pertubuhan atau persatuan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[6 *markah*]

(c) Teliti petikan berikut.

> SRI AMAN: Setiap persatuan di negeri ini diseru menganjurkan aktiviti kemasyarakatan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat. Menteri Muda Kesejahteraan Komuniti Datuk Francis Harden Hollis berkata, kerajaan sentiasa menggalakkan setiap anggota masyarakat menyertai persatuan bagi meningkatkan semangat kerjasama dan setiakawan. "Penyertaan anggota masyarakat dalam persatuan-persatuan di negeri ini adalah sangat penting bagi merealisasikan hasrat sebuah masyarakat yang bersatu padu dan aman damai," ujarnya,persatuan turut memainkan peranan penting dalam mempromosikan adat serta kebudayaan pelbagai kaum di Sarawak. Sumber : https://www.utusanborneo.com.my

Beri komen anda.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[8 *markah*]

(a) *ms 36*

- Ketengahkan isu hak dan masa depan bangsa
- Polemik Kaum Muda dengan Kaum Tua
- Isu pentadbiran, ekonomi dan sosial
- Syarikat Jelutong Press menyuburkan penerbitan akhbar
- Dipelopori golongan intelektual Melayu dan Inggeris
- Mohammad Eunos Abdullah menerajui Utusan Melayu dan Lembaga Malaya
- Akhbar Inggeris, The Malay Mail dan The Malay Tribune
- Memuatkan perkembangan sosiopolitik dan ekonomi
- Di Sarawak, Fajar Sarawak ditulis Muhammad Rakawi Yusuf
- Menyedarkan kaum yang dijajah/ menggesa Masyarakat bangkit menuju kemajuan
- Akhbar Sabah bangkit isu pendidikan/ tanah bumiputera/ kewangan petani
- Memberikan kesedaran, membangkit perasaan tidak puas hati dan meniup semangat juang dan cintakan bangsa dan negara

(b) *ms 40*

- **Kesatuan Melayu Singapura**
- Menggalakkan ahli aktif dalam pentadbiran/ jaga kepentingan orang Melayu dalam politik/ pendidikan/ mementingkan

pelajaran teknik/ pengajian tinggi

- **Persaudaraan Sahabat Pena**
- Menggalakkan ahli bersatu/bertukar-tukar pendapat/ adakan perhimpunan tahunan
- Menyatukan pergerakan orang Melayu melalui kongres/ menghimpunkan wakil persatuan Melayu/ Brunei/ Labuan/ Sarawak
- **Kesatuan Melayu Muda**
- Menentang British/ mewujudkan satu gagasan Melayu Raya/ gabungan Tanah Melayu dan Indonesia
- Menyeru orang Melayu "bangun sebagai satu bangsa yang mempunyai tamadun dan kesopanan di tanah airnya"

(c) *KBAT*

Komen

- Aktiviti persatuan diseru menganjurkan aktiviti kemasyarakatan
- Bertujuan memupuk perpaduan
- Meningkatkan semangat kerjasama/ setiakawan
- Merealisasikan hasrat sebuah masyarakat yang bersatupadu/ aman damai
- Mempromasikan adat/ kebudayaan
- Menarik pelancong/ negara yang unik/ imej negara meningkat
- Menjana idea apabila ramai pihak dalam persatuan/ boleh bertukar-tukar pendapat
- Mengelakkan pertelingkahan/ negara harmoni

NOTA EKSTRA : PERJUANGAN MELALUI PERSATUAN

1. Persatuan Masyarakat Cina	2. Persatuan Masyarakat India	3. Karya Kreatif
• Tumpukan perhatian keadaan di China • Dr. Sun Yat Sen berusaha menjalinkan hubungan dengan pemimpin Cina tempatan • Memberi perhatian kepada kebajikan orang Cina • Tan Cheng Lock berusaha menghidupkan cawangan SCBA di Melaka	• Menjaga kepentingan masyarakat India / Persatuan India Taiping/ Persatuan India Pulau Pinang • 1927 Persidangan India SeMalaya di Kuala Lumpur/ membincangkan isu masyarakat India • G.V Thaver menubuhkan MIA untuk golongan India yang lahir di Tanah Melayu	• Tema semangat cinta negara/ bela nasib bangsa • Novel "Mari Kita Berjuang" oleh Abdullah Sidek • Mengajak memerdekakan diri dari aspek ekonomi • Puisi cinta akan negara seperti "Angan-Angan dengan Gurindam" oleh Omar Mustaffa • Cerpen semangat pejuang / cinta akan tanah air melalui karya "Rumah Besar Tiang Sebatang" oleh Ishak Haji Muhammad

T4 BAB 3 KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA

Soalan Objektif

1. Mengapakah British memperkenalkan Enakmen Undang-undang Islam di negara kita pada awal abad ke-20? ms 82

A Menghalang kemasukan para ulama
B Menyekat pengaruh gerakan komunis
C Mengehadkan pembentukan pertubuhan agama
D Membendung idea gerakan Islam Timur Tengah

2. Apakah faktor tercetusnya Perang Dunia Pertama di Eropah pada tahun 1914 hingga tahun 1918? ms 84

A Pembentukan ideologi baharu
B Persaingan kuasa imperialisme
C Kegagalan Liga Bangsa -Bangsa
D Ketidakpuasan hati Perjanjian Versailles

3. Pertubuhan berikut dibentuk selepas Perang Dunia Pertama.

Liga Bangsa-Bangsa

Apakah matlamat penubuhan badan tersebut? ms 86

A Memulihkan pakatan tentera
B Menetapkan sempadan negara
C Menggalakkan keamanan dunia
D Menyalurkan bantuan kemanusiaan

4. Bagaimanakah tokoh berikut mengetepikan Perjanjian Versailles yang telah ditandatangani pada tahun 1919? ms 86

Adolf Hitler

A Memperkukuh sistem monarki
B Menyertai kuasa Bersekutu
C Melancarkan gerakan revolusi
D Menduduki wilayah Rhineland

5. Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) juga dikenali sebagai Perang Pasifik.

Mengapakah perang tersebut berlaku? ms 84

A Perluasan ideologi komunis
B Keperluan bidang perindustrian
C Kegagalan perjanjian damai
D Pembunuhan bakal maharaja

6. Apakah matlamat pentadbiran tentera Jepun menubuhk institusi di bawah? ms 71

Institut Latihan Pemimpin-Pemimpin Muda (Koa Kunrenjo)

A Membentuk tentera baharu
B Menghalang kemaraan komunis
C Menguruskan pentadbiran negara
D Melatih penduduk tempatan

7. Mengapakah pentadbiran tentera Jepun memberikan layan yang kejam kepada kaum Cina di Tanah Melayu? ms 73

A Mengelakkan penyatuan kaum
B Sistem sosial yang berbeza
C Melaksanakan dasar pecah perintah
D Sejarah permusuhan perang

8. Gambar berikut merupakan individu yang berperanan pent semasa pendudukan Jepun di negara kita.

Sybil Kathigasu

Apakah peranan yang dimainkan oleh individu tersebut? ms

A Memberi bantuan perubatan
B Mengetuai rundingan damai
C Memimpin kumpulan pemberontak
D Menyebarkan propaganda penentangan

9. Apakah matlamat penubuhan *Giyu Gun* atau Pembela Tana Air (PETA)? ms 80

A Melatih rakyat bekhidmat dengan Jepun
B Membantu pertahanan tentera Jepun
C Membangunkan ekonomi Indonesia
D Menuntut kemerdekaan bersama Indonesia

10. Bintang Tiga telah menguasai Tanah Melayu hampir 14 ha kerana kelewatan pendaratan semula tentera British.

Bagaimanakah penguasaan tersebut dilakukan? ms 84

I Menguasai balai polis
II Membunuh pegawai daerah
III Membuat kad catuan makanan
IV Membentuk kampung baharu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan Struktur

1 Perang Dunia Pertama tercetus pada tahun 1914 sehingga tahun 1918. Perang ini berlaku dalam kalangan negara di Eropah termasuk empayar Uthmaniyah.

(a) Nyatakan **dua** faktor tercetusnya perang tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara Eropah.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Perang Dunia Pertama telah memberikan iktibar kepada kita tentang pentingnya perdamaian dan keamanan dunia.
Berikan ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Pakatan Ketenteraan PD1

Pakatan Kuasa Tengah
- Jerman dan Austria-Hungary
- Bulgaria
- Empayar Turki Uthmaniyah

Pakatan Bertiga
- Britain, Perancis dan Rusia
- Disokong Serbia, Itali, Romania, Portugal dan Greece

(a) *ms 54*
- Persaingan kuasa imperialis
- Pakatan ketenteraan
- Krisis rantau Balkan

(b) *ms 57*
- Menamatkan sistem pemerintahan beraja di Jerman, Austria-Hungary, Rusia/ empayar Uthmaniyah.
- Kerajaan Republik Jerman didirikan
- Kaiser Wilhem II terpaksa turun takhta/ dapat perlindungan politik di Belanda.
- Empayar Austria-Hungary di bawah pemerintahan Dinasti Habsburg berakhir
- Revolusi tercetus di Rusia menumbangkan pemerintahan beraja Tsar Nicholas II
- Terbentuk kerajaan komunis- pimpinan Vladimir Lenin.
- Khalifah empayar Uthmaniyah, Sultan Mehmed VI digulingkan
- Kerajaan Turki bercorak republik diketuai oleh Mustafa Kemal Ataturk.

(c) *KBAT*
- **Berusaha menyelesaikan sesuatu pertikaian melalui perundingan**
  - Tidak bertindak terburu-buru/ mengeruhkan keadaan
  - Pemimpin yang bijaksana bertindak tanpa emosi
  - Suasana tegang dapat di atasi/ tanpa perang
  - Kesengsaraan/ kehilangan nyawa dielakkan
- **Tidak campur tangan terhadap negara lain**
  - Semua negara mempunyai kedaulatan
  - Menyelesaikan masalah sendiri
  - Kesannya dunia aman/ tenteram

NOTA EKSTRA: 3.2 - FAKTOR TERCETUS PERANG DUNIA PERTAMA

1. Persaingan Kuasa Imperialis	2. Pakatan Ketenteraan	3. Krisis Rantau Balkan
• Persaingan kuasa imperialis / Revolusi Industri • Bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan • Bagi menguasai bahan mentah / arang batu / petroleum / bijih timah • Ingin memasarkan hasil industri • Membawa permusuhan di Eropah seperti Perancis / Jerman	• Permusuhan membawa pembentukan pakatan ketenteraan • Wujud pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga • Berlaku ketidakstabilan politik • Persaingan mendapatkan tanah jajahan / menghasilkan senjata moden • Berperang mempertahankan kepentingan masing-masing. PD1	• Akibat permusuhan Austria-Hungary dengan Serbia. • Austria-Hungary menuduh Serbia menghasut rakyat Austria berketurunan Serb supaya berjuang membebaskan diri daripada pemerintahan Austria-Hungary. • Kemuncaknya pembunuhan Archduke Ferdinand, Putera Mahkota Austria-Hungary dan isterinya Sophie oleh pemuda Serbia • Membawa Eropah ke dalam kancah Perang Dunia Pertama

JAWAPAN OBJEKTIF T4 BAB : 3	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	D	B	C	D	B	D	D	A	B	A

Soalan Struktur

2 Maklumat berikut berkaitan peristiwa Perang Dunia Kedua.

Tahun	1939 -1945
Lokasi	Negara Eropah dan utara Afrika
	Tanah Besar Asia dan Kepulauan Asia Tenggara

(a) Apakah faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah?

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Kebijaksanaan mengatur strategi membawa kejayaan kepada Kuasa Bersekutu dalam Perang Dunia Kedua.
Buktikan

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Teliti petikan akhbar berikut.

> KAMPAR: Tapak Perang Dunia Kedua di Jambatan Kuala Dipang, Jeram perlu dipulihara supaya nilai peninggalan sejarahnya tidak hilang dan lupus ditelan arus pembangunan.
>
> Pengerusi Persatuan Kumpulan Sejarah Malaya (MHG), Shaharom Ahmad, berkata kawasan itu juga masih mempunyai nilai sejarah yang belum diusik yang memerlukan tindakan pemuliharaan lanjut daripada pihak berkuasa sebelum dirosakkan dan lenyap seperti tapak sejarah lain.
>
> Sumber: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/

Mengapakah peninggalan sejarah di atas perlu dipulihara?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Pakatan Ketenteraan PD2

- Kuasa Bersekutu- AS, Britain, Rusia
- Kuasa Paksi- Jerman, Itali dan Jepun

(a) *ms 58*

- **Kemunculan ideologi baru**
  - Fasisme di Itali /pimpinan Benito Mussolini
  - Nazisme di Jerman / Adolf Hitler/ Parti Nazi/ mengagungkan bangsa Jerman
- **Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles**
  - Jerman anggap tidak adil/ menjejaskan negaranya
  - Kehilangan tanah jajahan/ membayar pampasan perang yang tinggi
- **Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa**
  - Gagal menguatkuasakan perjanjian pelucutan senjata dan tangani

(b) *ms 62-63*

- **Kerjasama Kuasa Besar**
  - Presiden Amerika Syarikat dan PM Britain, sering bertemu membuat keputusan politik/ ketenteraan.
  - Melibatkan Presiden Rusia, Joseph Stalin.
- **Kegagalan Operasi Menawan Rusia**
  - Tempoh perang yang panjang menyebabkan tentera Jerman kehabisan peluru, minyak dan makanan
  - Ini melemahkan semangat tentera Jerman
- **Keberkesanan Strategi Peperangan**
  - Kesilapan Kuasa Paksi membuat keputusan politik dan ketenteraan
- **Kejayaan Operasi Pendaratan Tentera Bersekutu**
  - Operasi diberikan nama kod "D-Day"

(c) *KBAT*

- Agar nilai peninggalan sejarah tidak akan hilang ditelan arus pembangunan
- Untuk tatapan generasi akan datang/ mengambil iktibar kisah lampau
- Menghargai tokoh terdahulu yang gigih mempertahankan kedaulatan negara
- Sebagai tapak kajian sejarah pelajar memenuhi sukatan pembelajaran
- Kawasan tarikan pelancong/ peningkatan ekonomi setempat

NOTA EKSTRA : 3.3 - PERANG DUNIA KEDUA

Peristiwa Perang Dunia Kedua di Eropah	Kemunculan Ideologi Baharu	Operasi Kod "D-Day
1. Penaklukan Jerman terhadap Eropah • Jerman memulakan serangan bagi menakluki negara di Eropah Barat • Menawan Poland, Denmark, Norway, Belanda, Belgium, Perancis. **2. Pengeboman Britain** • Jerman melancarkan serangan udara dan laut terhadap Britain pada bulan September 1940 sehingga Jun 1941. **3. Serangan Jerman ke atas Rusia** • Jerman melancarkan Operasi Barbarossa. • Serangan besar-besaran menawan Rusia. **4.Penyertaan Itali dalam Perang** • Itali sekutu Jerman mengisytiharkan perang terhadap Britain dan Perancis	**Fasisme-** Memberikan keutamaan kepada kepentingan negara melebihi kepentingan individu **Nazisme** - Pimpinan Adolf Hitler, Parti Nazi berjaya membentuk kerajaan di Jerman (1933) dan mengagungkan bangsa Jerman	• Tentera Bersekutu berjaya mendarat di Normandy, Perancis, pada Jun. • Tentera Bersekutu berjaya memperdayakan tentera Jerman • Menyebarkan maklumat meyakinkan tentera Jerman bahawa pendaratan tentera Bersekutu akan berlaku di Calais bukannya di Normandy. • Kejayaan tersebut meningkatkan semangat tentera Bersekutu

Soalan Struktur

3 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) yang berpunca daripada peluasan kuasa yang dilaksanakan oleh Jepun.

(a) Mengapakah Jepun melaksanakan dasar peluasan kuasa?

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan peristiwa bermulanya Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Gambar berikut merupakan poster propaganda tentera Jepun di negara kita.



Mengapakah rakyat tempatan tertarik dengan propaganda tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Orde Baharu

- Orde baharu bermaksud rancangan Jepun untuk menyingkirkan kuasa imperialis Barat di Asia Tenggara.
- Seterusnya,menganjurkan perkongsian kuasa dan kekayaan yang lebih adil dalam kalangan negara di Asia.

(a) ***ms 64***

- Keperluan bahan mentah untuk industri
- Pengaruh golongan tentera/ Jeneral Hideki Tojo menjadi PM
- Mempunyai sistem ketenteraan moden
- Orde Baharu Asia/ penentangan terhadap imperialisme Barat

(b) ***ms 66***

- Bermula apabila Jepun menyerang TM/ mendarat di Kelantan
- Serangan Jepun ke atas pangkalan tentera laut AS di Pearl Harbour
- Bertujuan melumpuhkan armada laut AS di Pasifik
- Serangan ke atas tanah jajahan AS, Britain dan Belanda
- Antaranya ialah Filipina/ Hong Kong
- Membawa penglibatan AS dalam perang Asia Pasifik/ isytihar perang ke atas Jepun
- Jepun berjaya membentuk empayar

(c) ***KBAT***

- Menggambarkan Jepun sebagai penyelamat/ pembela Asia/ memberi kemerdekaan
- Rakyat bekerjasama / menghalau Barat
- Slogan 'Semangat Asia' dan 'Asia untuk Orang Asia'
- Berjaya mencapai cita-cita Jepun/ imej meningkat
- Rakyat tertarik kerana poster bertulisan jawi/ menggunakan nama Allah dan rasa Islam terpelihara
- Bersama Jepun menentang Barat/ kafir
- Yakin hidup aman/ bebas dan merdeka di bawah Jepun

NOTA EKSTRA : 3.7 - PERJUANGAN RAKYAT MENENTANG PENDUDUKAN JEPUN

Penentangan Individu terhadap Jepun	i) Rejimen Askar Melayu	ii) Force 136	Operasi Semut di Sarawak
i) Gurchan Singh • Sebarkan risalah/ propaganda • Nama samaran Lion of Malaya • Menyamar sebagai wartawan untuk hadiri sidang akhbar tentera Jepun **(ii) Sybil Kathigasu** • Jururawat yang berani dan cekal • Membantu mangsa perang dan gerila anti-Jepun di Perak • Bantuan ubat dan perkhidmatan • Menyembunyikan radio dan berkongsi maklumat daripada siaran radio British • Sybil dan suaminya ditangkap dan diseksa sehingga suaminya meninggal • Sybil dibebaskan apabila tentera Jepun kalah dan diberi rawatan di Britain	• Benteng pertahanan Tanah Melayu • Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu dengan tentera British – menentang pendaratan tentera Jepun di Kelantan • Leftenan Adnan Saidi bertempur di Bukit Candu, di Singapura • Pertempuran sengit dengan Jepun • Bukti semangat keberanian, kepewiraan dan berjuang kehujung nyawa demi tanah air Koperal Yaakob Bidin bertempur di Pasir Panjang.	• Mendapat latihan di India dan Sri Lanka • Pasukan gerila anti-Jepun. • Sebagai persiapan British melancarkan **Operasi Zipper** • Iaitu serangan besar-besaran menawan Tanah Melayu • Menjalankan aktiviti rahsia, mengumpulkan maklumat, melakukan sabotaj dan menyebarkan propaganda • Seperti Tengku Mahmood Mahyiddeen/ jolokan Harimau Malaya • Mengelola siaran radio Suara Harimau Malaya	• Siri operasi tinjauan oleh Unit Khas Z Australia • Agen Tentera Bersekutu menentang Jepun di Sarawak • Dilaksanakan oleh (SRD) • Mengumpul risikan dan melatih orang tempatan melancarkan perang gerila • Bulan Mei 1945, anggota SRD mendarat di kawasan tengah dan timur Sarawak • Tujuan atur penentangan dan persediaan pendaratan pasukan Bersekutu

Soalan Esei

4 Kedatangan Jepun telah meninggalkan kesan yang besar terhadap kehidupan masyarakat di negara kita dan membawa kepada perkembangan nasionalisme dalam kalangan penduduk tempatan.

(a) Jelaskan kesan perkembangan nasionalisme berikut dalam kalangan penduduk tempatan selepas kekalahan Jepun.

i. Perkembangan semangat antipenjajah

.....

.....

[2 *markah*]

ii. Perjuangan menuntut kemerdekaan dalam kalangan orang Melayu.

.....

.....

[2 *markah*]

iii. Kesedaran politik di Sarawak dan Sabah.

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Kelewatan pendaratan semula tentera British menyebabkan wujud kekosongan kuasa politik sehingga Bintang Tiga mengambil kesempatan menguasai pentadbiran negara.

Apakah tindakan Bintang Tiga apabila mereka menguasai pentadbiran Tanah Melayu?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 *markah*]

(c) Keganasan dan perbuatan melampau Bintang Tiga telah menjejaskan keharmonian masyarakat dan keretakan hubungan kaum.
Terangkan usaha yang dilakukan bagi mengembalikan keharmonian masyarakat.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(a) *ms 80-81*

(i) Perkembangan semangat antipenjajah

- Jepun menggunakan slogan "Asia untuk Asia" dan "Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya"
- Tekankan kebebasan Asia / menentukan kemajuan/ persaudaraan sejagat
- Kejayaan Jepun mengalahkan British menyedarkan orang tempatan/ Orang Asia boleh mengalahkan orang Eropah

(ii) Perjuangan menuntut kemerdekaan dalam kalangan orang Melayu

- Jepun membebaskan ahli KMM/ beri ruang kepada kegiatan politik KMM
- Pemimpin KMM sedar Jepun tidak akan memberi kemerdekaan/ perjuangan diteruskan dengan taktik baru
- Anggota KMM dalam *Giyu Gun* dan *Giyu Tai* menyertai Gerakan bawah tanah menentang Jepun/ pada masa sama bekerjasama dengan pentadbiran tentera Jepun

(iii) Kesedaran politik di Sarawak dan Sabah

- Kegiatan dikawal melalui persatuan yang ditaja tentera Jepun/ Persatuan Cina digabungkan menjadi Kakeo Kokokai
- Orang Melayu/ Iban diberikan jawatan dan kuasa yang lebih tinggi
- Menjadikan peribumi Sarawak lebih yakin untuk berkerajaan sendiri

(b) *ms 84*

- Mereka menguasai bandar
- Menguasai balai polis / pejabat pentadbiran yang ditinggalkan Jepun
- Menjalankan undang-undang sendiri
- Mengendalikan mahkamah yang dikendalikan komunis
- Menghukum mati kepada sesiapa yang bekerjasama dengan Jepun, terutama orang Melayu
- Menyeksa/ membunuh anggota polis / askar / pegawai daerah / pasukan sukarelawan Melayu
- Perbuatan melampau/ mencabar kesabaran orang Melayu
- 14 hari Tanah Melayu di bawah penguasaan mereka

(c) *KBAT*

- **Orang Melayu** menjalankan Gerakan Fi-Sabilillah/ Kiai Salleh memimpin penentangan di Johor/ kompromi dan usaha perundingan
- **Dato' Onn Jaafar** menyusun perundingan antara Kiai Salleh dan pemimpin Melayu dengan ketua Bintang Tiga
- **Kiai Salleh** membebaskan orang Cina yang ditahan dan Bintang Tiga menamatkan penguasaan ke atas Balai Polis Batu Pahat
- Kompromi tersebut merupakan usaha untuk mengembalikan keamanan
- **Raja-raja Melayu** berusaha selesaikan pergaduhan/ adakan lawatan / pemantauan ke beberapa daerah/ berbincang dengan pemimpin setempat untuk menjalankan pemulihan

T4 BAB 4 ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

Soalan Objektif

1. British melaksanakan Pentadbiran Tentera British di Tanah Melayu pada 12 September 1945.

Apakah tujuan pelaksanaan pentadbiran tersebut? ms 94

I Memulihkan kepercayaan rakyat
II Mengembalikan keamanan
III Memantapkan perpaduan
IV Meningkatkan ekonomi

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

2. Mengapakah pelaksanaan Pentadbiran Tentera British (BMA) di Tanah Melayu mengalami kegagalan. ms 95

A Ketiadaan sokongan
B Kekurangan tenaga mahir
C Mendapat tentangan penduduk
D Kesukaran memulihkan sosioekonomi

3. Maklumat berikut berkaitan dengan satu sistem pentadbiran di Tanah Melayu.

- Diketuai oleh Gabenor British
- Kewarganegaraan Jus Soli

Maklumat tersebut merujuk kepada pemerintahan ms 96

A Malayan Union
B Pentadbiran Tentera British
C Negeri-negeri Melayu Bersekutu
D Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

4. Maklumat berikut merujuk kepada perubahan pentadbiran British di Tanah Melayu.

Pentadbiran Tentera British → Malayan Union

Apakah kesan perubahan tersebut? ms 97

A Mengukuhkan pengaruh golongan radikal
B Melindungi hak istimewa peribumi
C Meningkatkan taraf hidup rakyat
D Menghakis kuasa raja

5. Mengapakah orang Melayu menentang pelaksanaan Malayan Union? ms 97

A Kerakyatan terlalu longgar
B Mengancam keselamatan
C Kehilangan penguasaan ekonomi
D Mendapat desakan golongan radikal

6. Bagaimanakah Raja-Raja Melayu menunjukkan bantahan mereka terhadap pelaksanaan Malayan Union? ms 100

A Mendesak campur tangan asing
B Menggunakan kekerasan
C Menganjurkan dialog terbuka
D Menghantar surat bantahan

7. Mengapakah Charles Vyner Brooke bertindak menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British? ms 107

A Menangani ancaman lanun
B Memenuhi keperluan ekonomi
C Melindungi penduduk tempatan
D Menghadapi masalah kewangan

8. Apakah sumbangan tokoh-tokoh berikut ms 112

- Morshidi Sidek
- Bujang Suntong

A Mengasaskan Rukun 13
B Menangani gerakan anti Jepun
C Mengetuai pentadbiran kerajaan Borneo
D Menubuhkan cawangan MPAJA di Sarawak

9. Apakah faktor penyerahan Sabah oleh SBUB kepada British? ms 114-115

I Menghadapi masalah kewangan
II Melindungi hak peribumi
III Menguasai sumber ekonomi
IV Memenuhi kepentingan penjajah

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

10. Rakyat Sabah tidak melakukan penentangan ekoran penyerahan Sabah kepada British.

Mengapakah keadaan tersebut berlaku? ms 116

I Kekurangan pengalaman
II Tidak memahami tujuan penyerahan
III Bimbang tindakbalas penjajah
IV Pertelagahan sesama sendiri

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan Struktur

1 Pelaksanaan Pentadbiran Tentera British (BMA) di Tanah Melayu bermula pada 12 September 1945 selepas kekalahan Jepun dalam perang Dunia Kedua.

(a) Nyatakan tujuan British memperkenalkan pentadbiran BMA di Tanah Melayu?

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(b) Bagaimanakah situasi kehidupan rakyat semasa pentadbiran BMA tersebut?

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(c) Mengapakah pentadbiran tersebut gagal?

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(d) Gambar menunjukkan rakyat menyambut kemasukan tentera British semasa pelaksanaan BMA.

Mengapakah rakyat menyambut kedatangan tentera British tersebut?

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(a) *ms 94*

- Mengembalikan kestabilan dan keamanan
- Memulihkan kepercayaan rakyat
- Menguasai pentadbiran
- Membolot kekayaan
- Mengukuhkan kedudukan British

(b) *ms 95*

- Menghadapi kesukaran kesan pentadbiran Jepun
- Bekalan makanan dan ubat-ubatan sukar didapati
- Wabak penyakit seperti beri-beri merebak
- Berlaku kebuluran
- Rakyat tidak mempunyai wang

(c) *KBAT*

- Peruntukan kewangan yang terhad
- Kekurangan kepakaran
- Tiada kerjasama daripada penduduk tempatan
- Menghadapi kesukaran membawa masuk teknologi moden
- Kegagalan memulihkan prasarana

(d) *KBAT*

- Ingin bebas dari cengkaman tentera Jepun
- Mengharapkan negara diselamatkan dari kekejaman Jepun
- Rakyat menderita semasa pentadbiran Jepun
- Memulihkan kemudahan infrastruktur akibat perang
- Dapat memulihkan ekonomi negara
- Mendapat bekalan makanan dan ubat-ubatan
- Mengharapkan bantuan bagi mengatasi kekacauan yang ditimbulkan

NOTA EKSTRA: 4.2 - GAGASAN MALAYAN UNION

Kronologi pembentukan Malayan Union	Kertas Putih 6724	Pentadbiran Malayan Union
• Dirangka oleh Unit Perancang Tanah Melayu yang dibentuk di London pada Feb 1943 • Rancangan MU dibentangkan di Parlimen British • Persatuan Pelajar Melayu Britain menghantar memorandum • Meminta hak kewarganegaraan tidak mengikut prinsip jus soli • Tan Cheng Lock dan Persatuan Cina Seberang Laut menghantar memorandum.	• Rancangan MU disiarkan dalam Warta Kerajaan • MU dilaksanakan di Tanah Melayu pada 1 April 1946 **Misi Sir Harold MacMichael Mendapatkan Tandatangan Sultan Terengganu.** • MacMichael mengadap Sultan Terengganu. • Baginda enggan menandatangani dokumen kerana bertentangan dengan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu. • 21 Dis 1945 , Baginda akhirnya menandatanganinya.	1. **Kesatuan** • NNM Bersekutu, NNM Tidak Bersekutu. NNS kecuali Singapura disatukan 2. **Ketua Pentadbir** • Diketuai oleh Gabenor British • Majlis Esekutif dan Majlis Perundangan Malayan Union dibentuk 3. **Raja-Raja Melayu** • Sultan menjadi ahli Majlis Raja-Raja • Hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu

Soalan Struktur

2 Pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu mendapat tentangan daripada Raja-raja Melayu

(a) Nyatakan faktor penentangan Raja-Raja Melayu.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 *markah*]

(b) Bagaimanakah Raja-Raja Melayu menzahirkan penentangan tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(c) Pada pengetahuan Sejarah anda, jelaskan iktibar daripada peristiwa penentangan Raja-Raja Melayu terhadap Malayan Union.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Malayan Union

Matlamat Malayan Union
- Melicinkan sistem pentadbiran
- Meningkatkan ekonomi
- Mengukuhkan pertahanan
- Mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga kerja

(a) *ms 100-101*

- MU merupakan penjajahan mutlak kerajaan British
- Sultan kehilangan kedaulatan dan kuasa
- Terpedaya dengan tipu muslihat Sir Harold MacMichaeal
- Mendapatkan persetujuan melalui cara tidak sah
- Mendakwa MacMichaeal mengugut
- Tidak diberi peluang mendapatkan nasihat pembesar

(b) *ms 100-101*

- Membawa kes MU ke Mahkamah Tinggi England
- Menghantar surat bantahan ke London
- Menyokong Kongres Melayu
- Permaisuri Perak memimpin gerakan penentangan
- Memulaukan upacara pelantikan Gabenor Malayan Union

(c) *KBAT*

- Raja Melayu perlu berpendirian tegas dan berprinsip
- Rakyat perlu taat dan menyokong perjuangan Raja Melayu
- Raja Melayu perlu bijak supaya tidak dipermainkan oleh pihak luar
- Raja dan rakyat perlu bersatu mempertahankan kedaulatan negara

NOTA EKSTRA: 4.3 - REAKSI PENDUDUK TEMPATAN TERHADAP MALAYAN UNION

Bantahan Akhbar Melayu	Bantahan Cendiakawan	Bantahan Persatuan Melayu
• Utusan Melayu/ Majlis/ Warta Negara • Mengutuk Malayan Union merugikan Melayu • Menyeru orang Melayu berhimpun untuk menolak gagasan MU	• Dato' Onn Jaafar/ Dato Nik Ahmad Kamil/ Za'ba/ Tengku Mohamed menggerakkan orang Melayu menentang MU Pemimpin Melayu Johor, Dato' Abdul Rahman Mohammad Yassin membantah usaha British untuk menjajah Tanah Melayu	• SABERKAS/ Persatuan Melayu Kedah/ Perikatan Melayu Perak/ Persatuan Melayu Selangor/ Persatuan Melayu Johor • Pertubuhan Melayu diaktifkan semula • Menggerakkan usaha membantah tindakan atau cara MacMichael mendapatkan tandatangan Sultan
Bantahan Wanita	**Bantahan di Kelantan, Kedah dan Johor**	**Mengadakan Kongres Melayu**
• Cikgu Zaharah Abdullah/ Halimaton Abd Majid/ Zaharah Tamin/ Datin Puteh Mariah / Hasnah Ishak • Merupakan benteng barisan hadapan membantah MU • Cikgu Zaharah Abdullah berucap membantah pelaksanaan MU di Batu Pahat	• 15 Dis 1945 10 ribu orang berkumpul di Kota Bharu semasa kedatangan MacMichael • 19 Jan 1946 ribuan orang Melayu berarak di Alor Setar • Jan 1946 Lembaga Kesatuan Melayu Johor melancarkan gerakan menentang MU • 10 Feb 1946 Pergerakan Melayu Semenanjung Johor berhimpun • Dato' Onn Jaafar berucap menggesa orang Melayu bangkit menentang MU	• 1-4 Mac 1946. Diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur • 41 pertubuhan menghantar wakil ke kongres • Kongres bersetuju menubuhkan UMNO • Bagi menentang MU secara tersusun **Sokongan Bekas Pegawai British** • Frank Swettenham / Roland Braddell • Cecil Clementi Smith/ Richard Winstedt • George Maxwell / Frederick Weld

JAWAPAN OBJEKTIF T4 BAB : 4	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	A	D	A	D	A	D	D	A	B	A

Soalan Struktur

3 Syarikat Borneo Utara British (SBUB) mendandatangani perjanjian dengan kerajaan British bagi menyerahkan Sabah kepada pihak British pada 26 Jun 1946.

(a) Nyatakan **tiga** faktor penyerahan Sabah kepada British?

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 *markah*]

(b) Mengapakah rakyat tempatan tidak melakukan penentangan terhadap penyerahan tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(c) Menurut pengetahuan sejarah anda, wajarkah reaksi yang ditunjukkan oleh rakyat Sabah seperti di 3(b)?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(a) *ms 114*

- Memenuhi kepentingan British
- Menguasai sumber bahan mentah/ kawasan pasaran
- Meneruskan dasar British dalam hubungan luar
- Masalah kewangan SBUB
- Jepun memusnahkan bandar dalam PD2/ SBUB tidak mampu kerana kos baik pulih yang tinggi

(b) *ms 116*

- British menindas kegiatan berpersatuan
- British mengehadkan peluang rakyat tempatan dalam pentadbiran
- Sukar menyatukan pelbagai etnik dalam satu pertubuhan
- British tawarkan jawatan/ kenaikan pangkat kepada ahli persatuan
- Pindahkan ahli aktif ke bandar
- Masalah kewangan
- Rakyat tempatan tidak memahami tujuan penyerahan

(c) *KBAT*

Tidak wajar

- Demi menjaga maruah dan kedaulatan negeri
- Keinginan untuk merdeka/bebas dari penjajahan
- Mengelakkan kekayaan dan hasil bumi diambil oleh penjajah

Wajar

- Mendapatkan peluang penduduk tempatan terlibat dalam pentadbiran
- Memajukan pemiagaan dan perdagangan
- Membangunkan negeri / memajukan negari
- Elakkan kematian/ kemusnahan harta benda
- Tiada kelengkapan senjata

NOTA EKSTRA: 4.4 - PENYERAHAN SARAWAK KEPADA KERAJAAN BRITISH

FAKTOR PENYERAHAN SARAWAK

SCAN ME!

1.Masalah pewarisan takhta

- Vyner Brooke tiada anak lelaki dan semakin tua dan uzur
- Vyner Brooke enggan melantik anak saudaranya Anthony Brooke sebagai pengganti

2.Desakan kerajaan British

- British ingin luaskan kuasa dan menguasai bahan ekonomi di Sarawak

3. Masalah kewangan

- Ekonomi Sarawak terjejas kerana lombong minyak dan ladang getah musnah selepas PD2

REAKSI PENDUDUK TEMPATAN TERHADAP PENYERAHAN SARAWAK

SCAN ME!

Faktor penentangan penyerahan Sarawak

- Tindakan Vyner Brooke bertentangan dengan Perlembagaan 1941
- Penduduk Sarawak sepatutnya dibimbing mentadbir sendiri
- Vyner Brooke ketepikan surat wasiat Charles Brooke
- Gerard T.MacBryan guna tipu musliha dan desakan untuk dapatkan sokongan

Reaksi Penduduk yang Menyokong

- Memajukan negeri dalam aspek pendidikan, kesihatan dan taraf hidup
- Memajukan penduduk tempatan
- Memberikan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam
- Percaya British akan beri taraf berkerajaan sendiri

BENTUK PENENTANGAN

SCAN ME!

1. Mengadakan Persidangan

- Dianjurkan Johari Anang dan Sharkawi Osman/ merancang mengadakan demonstrasi pada setiap 1 Julai

2. Mengadakan Demonstrasi

- 30 Okt 1946 di Astana diketuai Datu Patinggi Abang Haji Abdillah

3. Menggunakan Akhbar

- Utusan Sarawak menyebarkan penentangan penyerahan Sarawak

4. Meletakkan Jawatan Beramai-ramai

- Pekeliling No 9 melarang penjawat awam terlibat dalam antipenyerahan/ 2 April 1947- 409 orang kakitangan awam meletak jawatan

5. Bantahan Golongan Wanita

- Cikgu Lily Eberwein, Hajah Sipah Tuanku Othman, Dayang Fauziah, Cikgu Ajibah Abol

6. Menulis Surat Bantahan

- Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) menghantar surat bantahan ke London

.7. Menubuhkan Rukun 13

- Ditubuhkan pada 20 Ogos1948.
- Ditubuhkan secara sulit oleh Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) di Sibu/ dipimpin oleh Awang Rambli, Morshidi Sidek dan Bujang Suntong
- Berlaku peristiwa Sungkit Berdarah
- Pembunuhan Duncan Stewart oleh Rosli Dhoby
- Peristiwa ini memberikan kesedaran dan membangkitkan semangat nasionalisme penduduk Sarawak

Soalan Esei

4 Gambar memaparkan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.

(a) Mengapakah orang Melayu menentang Malayan Union?

.....

.....

.....

.....

.....

[6 *markah*]

(b) Bagaimanakah penentangan tersebut dilaksanakan?

.....

.....

.....

.....

.....

[6 *markah*]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

> Pihak British sangat terperanjat dengan perubahan sikap masyarakat Melayu. Selepas pendudukan Jepun orang-orang Melayu telah sedar bahawa pihak British tidaklah sekuat yang di sangka, ditambah pula oleh semangat untuk merdeka yang bertiup kencang dari tanah seberang iaitu Indonesia. Di atas kesedaran inilah Orang-orang Melayu telah bangun bersama-sama untuk menentang cadangan pihak British. Tindakan yang kemas telah dilancarkan melalui UMNO. Negeri-negeri Melayu yang selama ini terpisah dan tidak bersatu telah bangun bersama-sama, malahan sultan-sultan negeri-negeri Melayu juga turut bersama-sama bergabung dengan rakyat Melayu untuk menentang Malayan Union. Satu perkara yang tidak pernah terjadi di Tanah Melayu sebelumnya.
>
> *Sumber: : https://ms.wikipedia.org/wiki/Malayan_Union*

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan dan kesan sekiranya penentangan tersebut gagal.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(a) ms 96-99

- Merupakan penjajahan oleh British
- Sultan kehilangan kuasa
- Menjadi ahli Majlis Raja-Raja
- Hanya membincangkan soal agama Islam / adat istiadat
- Membantah cara MacMicheal mendapatkan persetujuan Sultan
- Sultan tidak diberi peluang dapatkan nasihat pembesar
- Menentang prinsip Jus Soli/ berdasarkan tempat lahir

(b) ms 102-106

- Bantahan melalui akhbar Utusan Melayu/Majlis/Warta Negara
- Menyuarakan bantahan keras/ mengecam MU
- Bantahan cendekiawan/ tokoh pentadbir Melayu/ bantahan wanita
- Dato' Onn Jaafar/ Dato' Nik Ahmad Kamil/Za'ba/Cikgu Zaharah Abdullah
- Bantahan Persatuan Melayu SABERKAS/ Persatuan Melayu Kedah/ Persatuan Melayu Johor
- Mengadakan demonstrasi di Kelantan, Kedah dan Johor
- Mengadakan Kongres Melayu
- Bantahan besar-besaran oleh UMNO

(c) KBAT

Maklumat

- Penjajah British terkejut dengan perubahan sikap rakyat tempatan
- Rakyat tempatan mula sedar mereka tidak boleh bergantung krpada British.
- Orang Melayu mula bersatu untuk menentang MU
- Penentangan lebih kemas dan tersusun melalui parti politik/UMNO
- Orang Melayu dan sultan-sultan bergabung menentang MU

Kesan

- Kuasa Raja-Raja Melayu akan terhakis
- Hak istimewa orang Melayu akan terancam
- Kewarganegaraan menjadi longgar/jus soli
- Kuasa penjajah British menjadi lebih kukuh

T4 BAB 5 PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

Soalan Objektif

1. Maklumat merujuk kepada proses ke arah mewujudkan negara berdaulat.

25 Julai 1946	Penubuhan Jawatankuasa Kerja

Apakah peranan jawatankuasa tersebut? ms 126

A Merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
B Membuat persiapan menyambut kemerdekaan
C Merundingkan perdamaian dengan komunis
D Menggubal Perlembagaan Persekutuan

2. Apakah cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja? ms 127

A Mengekalkan penguasaan Barat
B Meningkatkan ekonomi orang Melayu
C Mengetatkan syarat kewarganegaraan
D Memulihkan peranan pemimpin tempatan

3. Tokoh berikut memainkan peranan penting dalam sejarah negara.

- Dr. Burhanuddin al-Helmi
- Ahmad Boestaman
- Abu Bakar al-Baqir

Apakah peranan mereka? ms 128

A Mengekang pengaruh komunis
B Menggubal perlembagaan negara
C Mengetuai gerakan kumpulan radikal
D Menyokong kerjasama dengan negara luar

4. Mengapakah golongan radikal menolak Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948? ms 126

A Menganggap tidak demokratik
B Menghakis kuasa pembesar tempatan
C Menafikan hak istimewa penduduk peribumi
D Mengenakan syarat kerakyatan yang longgar

5. Perlembagaan berikut dicadangkan oleh golongan radikal.

Perlembagaan Rakyat

Apakah kandungan perlembagaan tersebut? ms 130

I Menggalakkan penubuhan parti politik
II Pelaksanaan sistem Raja Berperlembagaan
III Penekanan terhadap ekonomi orang Melayu
IV Menguatkuasakan peraturan percukaian

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6. Peristiwa berikut berlaku di Tanah Melayu semasa Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu hendak dilaksanakan.

Hari Hartal Se-Malaya

Apakah yang berlaku dalam peristiwa tersebut? ms 131

A Penentangan secara kekerasan
B Persidangan menyokong raja
C Penutupan kedai oleh peniaga
D Perhimpunan haram di bandar

7. Jordi Amat lahir di New Zealand. Ayahnya merupakan Rakyat Raja.

Bagaimanakah beliau boleh mendapatkan taraf kerakyatan Tanah Melayu? ms 135

A Secara pendaftaran
B Secara natrulisasi
C Melalui persetujuan pemerintah
D Melalui kuat kuasa undang-undang

8. Dialog berikut mungkin berlaku dalam kalangan orang Melayu semasa pelaksanaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Ali : Nampaknya perjanjian ini lebih baik dari Malayan Union.
Ahmad : Kita boleh menyokong perjanjian

Apakah yang mendorong sokongan tersebut? ms 136

A Pengagihan ekonomi yang adil
B Penamatan pentadbiran penjajah
C Pengukuhan institusi beraja mutlak
D Pengiktirafan terhadap hak istimewa

9. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 memberi manfaat kepada bukan Melayu.

Apakah manfaat tersebut? ms 136

A Menguasai pentadbiran
B Mendapat hak istimewa
C Menguasai sumber ekonomi
D Menjadi warganegara yang sah

10. Apakah kesan pelaksanaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948? ms 137/ KBAT

I Pengekalan kuasa penjajah
II Peluasan pengaruh radikal
III Peningkatan taraf hidup rakyat
IV Pemantapan kerjasama kaum

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan Struktur

1 Persekutuan Tanah Melayu 1948 dirangka oleh Jawatankuasa Kerja dan diperkenalkan bagi menggantikan Malayan Union 1946 yang ditolak oleh penduduk tempatan.

(a) Jelaskan ciri PTM 1948 berikut :

i. Pentadbiran

.....

.....

[2 markah]

ii. Kewarganegaraan

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Antara matlamat penubuhan PTM 1948 ialah bagi membentuk kerjasama kaum.

Bagaimanakah kerjasama tersebut dapat dicapai?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(c) PTM 1948 merupakan asas kepada pembinaan negara hari ini. Buktikan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(a) ms 134

i. Pentadbiran
- Menggabungkan 9 buah negeri Melayu dan dua buah NNS
- Singapura kekal sebagai tanah jajahan
- Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British
- Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan
- MPP ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British
- MPP mengandungi ahli rasmi dan tidak rasmi
- Ahli MPP terdiri daripada pelbagai kaum

ii. Kewarganegaraan
- Kewarganegaraan Secara Kuat Kuasa Undang-undang
- Kewarganegaraan Secara Pendaftaran

(b) ms 137
- Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum / CLC
- Cadangan CLC dimasukkan dalam usul perundangan
- Diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan
- Berjaya memupuk persefahaman pemimpin pelbagai kaum

(c) KBAT
- Kandungan PTM 1948 dikekalkan dan menjadi tunjang pembentukan negara pada hari ini.
- Kedudukan Raja-raja Melayu dipertahankan
- Hak istimewa orang Melayu dikekalkan
- Memberi ruang kepada kaum lain menjadi warganegara
- Kerjasama kaum yang wujud kekal dan semakin mantap

PTM 1948

NOTA EKSTRA: 5.1 - LATAR BELAKANG PENUBUHAN PTM 1948

Penubuhan Jawatankuasa Kerja	Cadangan Jawatankuasa Kerja	Ahli Jawatankuasa
• Ditubuhkan pada 25 Julai 1946 • Matlamat: Membincangkan asas Perjanjian PTM 1948 • Jawatankuasa Kerja terdiri daripada wakil Raja-raja Melayu, wakil UMNO dan pegawai kanan British	• Menyatukan semua negeri Melayu dalam satu pentadbiran dan dua buah NNS • Memulihkan kedaulatan Raja-raja Melayu • Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu • Menubuhkan Dewan Perundangan Negeri • Mengenakan syarat kerwarganegaraan yang ketat	**Wakil UMNO** • Dato' Onn Jaafar/Datuk Abdul Rahman Mohd Yassin/ Haji Megat Yunus **Wakil Kerajaan British** • A.T.Newboult/ K.K.O'Conner/ W.D God Sall/ Dr.W.Linehan **Wakil Raja-raja Melayu** • Raja Kamaralzaman Raja Ngah Mansor/ Dato' Hamzah Abdullah

Soalan Struktur

2 Perlembagaan Rakyat dicadangkan oleh kumpulan radikal di Tanah Melayu.

(a) Nyatakan **tiga** kandungan Perlembagaan Rakyat.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 *markah*]

(b) Mengapakah British menolak perlembagaan tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(c) Gambar menunjukkan keganasan yg berlaku di Pulau Pinang semasa peristiwa Hartal.

Sumber: https://www.mindarakyat.net/2020/11/peristiwa-hartal

Pada pandangan anda, mengapakah tindakan mengadakan hartal tersebut tidak wajar diadakan di negara kita?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Tokoh nasionalis radikal Melayu

- Dr Burhanuddin al-Helmi
- Ahmad Boestaman
- Abdul Samad Ismail
- Aziz Ishak

(a) ms 130

- Tanah Melayu disatukan dengan Singapura
- Penubuhan Dewan Perundangan Pusat dan majlis negeri
- Kewarganegaraan yang sama
- Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan
- Hal ehwal Islam /adat istiadat Melayu dikuasai orang Melayu
- Mana-mana berkaitan

(b) ms 130-131

- Tidak bekerjasama dengan kumpulan radikal
- Lebih selesa berurusan dengan UMNO yang lebih sederhana
- UMNO tidak menggunakan kekeransan / menggunakan kaedah perundingan
- Ini lebih menguntungkan British
- Kerjasama dengan UMNO dapat menghakis pengaruh golongon radikal

(c) KBAT

- Mencetuskan keadaan huru hara
- Menjejaskan ekonomi negara
- Premis perniagaan ditutup
- Menyebabkan perbalahan antara kaum
- Harta benda /kemudahan awam musnah
- Keselamatan rakyat terancam

Perlembagaan Rakyat

NOTA EKSTRA: GERAKAN NASIONALISME MELAYU RADIKAL

Gabungan Anggota PUTERA	Gabungan PUTERA - AMCJA	

• Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
• Angkatan Pemuda Insaf (API)
• Gerakan Angkatan Muda (GERAM)
• Hizbul Muslimin
• Barisan Tani Malaya (BATAS)
• Angkatan Wanita Sedar (AWAS)
	• Pengerusi – Tan Cheng Lock
	• Anggap British tunduk kepada UMNO
	• Menganggap penubuhan Jawatankuasa Kerja tidak demokratik
	• AMCJA terdiri daripada:
	  • Pan-Malayan Federation of Trade Union (PMFTU)
	  • Malayan Democratic Union (MDU)
	  • Malayan Indian Congress (MIC)
		• Kumpulan ini menolak perjanjian persekutuan
		• Menganggap perlembagaan persekutuan tidak demokratik / mengukuhkan kuasa British dan perkauman
		• Penentangan secara terbuka

Soalan Struktur

3 Persekutuan Tanah Melayu (PTM) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 selepas mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.

(a) Jelaskan tujuan British membentuk persekutuan tersebut?

SCAN ME!

.....

.....

.....

.....

.....

[6 *markah*]

(b) Mengapakah orang Melayu menerima baik penubuhan PTM?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 *markah*]

(c) Baca petikan berikut.

> Implikasinya, kedaulatan Raja-Raja Melayu diberi taat setia berserta unsur watan Tanah Melayu yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, maka pada 16 September 1963 lahir Malaysia yang disertai sama Singapura. Perlu dinyatakan dengan tegas bahawa kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai pemerintah Tanah Melayu, Islam sebagai undang-undang watan (law of the land), hak orang Melayu sebagai bangsa asal Tanah Melayu, bahasa Melayu yang sekian lama bertaraf Nusantara dan amalan adat Melayu adalah unsur watan atau warisan, berakar umbi dan adalah jati diri Tanah Melayu sejak Kesultanan Melayu Melaka.
>
> *Sumber: https://www.bharian.com.my*

Jelaskan maklumat yang terdapat dalam petikan dan mengapakah keistimewaan tersebut perlu dikekalkan?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(a) ms 132-133

- Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union
- Orang Melayu berganding bahu membantah
- MU memberi kesan buruk kepada Raja-raja Melayu dan orang Melayu.
- Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO
- Rundingan Raja-raja Melayu dengan pegawai British mencadangkan 5 perkara asas PTM 1948.
- Sultan mendesak British menerima usul pembentukan persekutuan.
- Sokongan pentadbir British
- Dapat mewujudkan keamanan dan kestabilan
- Selaras dengan dasar dekolonisasi

(b) ms 134-135

- Syarat kerakyatan diperketatkan
- Menjamin hak istimewa
- Mengembalikan kuasa/ kedaulatan raja
- Pembentukan Majlis Raja-Raja
- Rang undang-undang perlu mendapat pekenan raja-raja atau sultan
- Memantapkan pentadbiran melalui penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan/ahlinya dari pelbagai kaum
- Tanah Melayu mendapat taraf naungan

(c) KBAT

Maklumat

- PTM 1948 mempertahankan kedaulatan Raja Melayu
- Kedaulatan Raja dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan
- Raja Melayu sebagai pemerintah/Islam sebagai agama rasmi/Hak orang Melayu/Bahasa Melayu/Adat Melayu

Keistimewaan dikekalkan

- Memastikan status quo bumiputera terjamin
- Melindungi kepentingan peribumi
- Keharmonian kaum terpelihara
- Mengelakkan rasa tidak puas hati
- Memastikan kedaulatan institusi beraja

JAWAPAN OBJEKTIF T4 BAB : 5	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	A	C	C	A	C	C	D	D	D	B

T4 BAB 6 ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT

Soalan Objektif

1. Karya berikut memaparkan tentang satu ideologi yang berpengaruh.

Das Kapital

Apakah fahaman yang diperjuangkan melalui buku tersebut? ms 146

A Demokrasi
B Republik
C Komunis
D Monarki

2. Mengapakah masyarakat di Tanah Melayu menolak fahaman komunis ? ms146

A Menjatuhkan imej negara
B Mengutamakan kaum tertentu
C Menggunakan pendekatan kekerasan
D Mencetuskan perang dengan negara luar

3. Bagaimanakah tokoh berikut menangani kekejaman komunis di Tanah Melayu? ms 148

Sir Edward Gent

A Melaksanakan darurat
B Membawa masuk tentera luar
C Menganjurkan perjanjian damai
D Membuka perkampungan baru

4. Maklumat merujuk kepada tindakan komunis di Tanah Melayu.

- Mengebom jambatan
- Merosakkan pokok getah

Mengapakah komunis bertindak demikian? ms144

A Mendapatkan sokongan orang Melayu
B Mengekang kemaraan British
C Memperkukuh ideologi
D Melumpuhkan ekonomi

5. Apakah langkah yang dilaksanakan melalui pelaksanaan Undang-Undang Darurat? ms 152

A Melonggarkan syarat kerakyatan
B Menawarkan pengampunan
C Melaksanakan rundingan
D Menangkap pemimpin radikal

6. Tokoh berikut telah melancarkan Rancangan Briggs di Tanah Melayu?

Sir Harold
Rowdon Briggs

Apakah tujuan program tersebut? ms 157

A Mematahkan penguasaan Jepun
B Membanteras kekejaman komunis
C Memantapkan pengaruh British
D Melicinkan pentadbiran negara

7. Bagaimanakah British mengekang kegiatan Min Yuen? ms 157

A Menandatangani perjanjian damai
B Melancarkan gerakan bersenjata
C Menangkap pemimpin radikal
D Membuka kampung baru

8. Apakah langkah yang dilaksanakan melalui Perang Saraf ms 157

I Menawarkan pengampunan
II Menawarkan hadiah wang tunai
III Melonggarkan syarat kerakyatan
IV Memperkasakan pasukan tentera

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9. British telah memperkenalkan konsep berikut.

- Kawasan Hitam
- Kawasan Putih

Mengapakah masyarakat menginginkan kawasan putih? ms 160

A Bebas ancaman komunis
B Bekalan makanan disediakan
C Disediakan kemudahan asas
D Tempat tinggal di kawal ketat

10. Mengapakah rundingan berikut gagal? ms 163

Rundingan Baling

A Keengganan PKM menerima syarat
B Tindakan konfrontasi dari Indonesia
C Pembunuhan pegawai tinggi British
D Bantahan penduduk Tanah Melayu

Soalan Struktur

1 Selepas kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua, Tanah Melayu telah dikuasai oleh komunis (Bintang Tiga) selama dua minggu.

(a) Jelaskan latar belakang kemasukkan pengaruh komunis di negara kita

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(b) Apakah tindakan komunis yang mengancam negara?

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(c) Gambar merujuk kepada kekejaman dan ancaman komunis di Tanah Melayu

Ladang getah dibakar

Pengeboman landasan keretapi

Sebagai pemimpin negara waktu itu, apakah yang akan anda lakukan bagi membanteras ancaman komunis?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(a) *ms 146-147*

Kemasukan dari China
- Melalui cawangan Parti Kuomintang
- Cawangan KMT ditubuhkan di setiap bandar
- Pertubuhan Main School di bawah Parti Komunis China

Kemasukan dari Indonesia
- Pemimpin komunis Indonesia seperti Tan Malaka/Alimin menyebarkan fahaman komunis di utara
- Parti Komunis Indonesia (PKI) berusaha membuka cawangannya di Tanah Melayu
- Tidak mendapat sambutan orang Melayu kerana gunakan kekerasan

Penubuhan PKM
- Ditubuhkan pada 30 April 1930 di Kuala Pilah
- Menyusup masuk ke Kesatuan Sekerja

(b) *ms 148-150*

- Melumpuhkan ekonomi
- Merosakkan infrastruktur
- Mengancam keselamatan rakyat
- Mengancam pasukan keselamatan

(c) *KBAT*

- Mengisytiharkan darurat
- Melaksanakan perintah berkurung
- Memperkasakan pasukan keselamatan
- Melancarkan tindakan ketenteraan
- Mengadakan hubungan pertahanan dengan negara jiran

NOTA EKSTRA: 6.2 - ANCAMAN KOMUNIS DI NEGARA KITA

Komunis Melumpuhkan Ekonomi	Komunis Merosakkan Infrastruktur	Komunis Mengancam Keselamatan rakyat
• Menyerang dan memusnahkan lombong dan ladang getah • Menyerang 80 kawasan lombong • Merosakkan pokok getah/ estet/ rumah kongsi • Mengganggu kerja harian dan mengancam nyawa pekerja	• Mensabotaj kemudahan awam seperti sistem pengangkutan dan perhubungan • Mengebom landasan keretapi/ menembak dan membakar kenderaan • Menyerang pekerja awam yang sedang membaiki kemudahan awam • Menjejaskan kehidupan harian penduduk	• Melakukan pelbagai tindakan ganas yang menggugat keselamatan rakyat. • Menggugut/ mensabotaj/ menyerang/ menculik/ membunuh **Komunis Mengancam Pasukan Keselamatan** • Sasarkan pasukan keselamatan/ serang balai polis • Mencetuskan keadaan huru hara/ Menunjukkan ketidakupayaan kerajaan melindungi penduduk

Soalan Struktur

2 Langkah berikut diambil oleh British bagi menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

Penguatkuasaan Undang-Undang Darurat

(a) Nyatakan langkah yang dilaksanakan melalui penguatkuasaan tersebut.

(i).....

(ii).....

[2 *markah*]

(b) Bagaimanakah rakyat tempatan dapat membantu kerajaan menangani ancaman komunis?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Baca petikan berikut.

> Penyatuan itu akhirnya berjaya menunjukkan kepada British bahawa ketiga-tiga bangsa utama sudah bersatu dan tidak ada sebab mengapa kemerdekaan tidak boleh diberikan kerana semua bangsa ini sudah menentang anasir yang sama.
> Tunku berjaya memainkan peranan sebagai serampang dua mata iaitu memperkuatkan organisasi masyarakat melalui perpaduan dan menolak bagi memberi sebarang pengiktirafan kepada PKM.
>
> *Sumber : ubah suai daripada Berita Harian.com.my*

Berikan ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Kampung Baru

Dibuka bagi menempatkan penduduk di pinggir hutan Dilengkapi pelbagai kemudahan dan dipagari dengan kawat berduri serta dikawal oleh Special Constables.

(a) ms 152

- Menahan tanpa bicara mereka yang disyaki
- Hukuman berat kepada yang membantu komunis
- Mengetatkan undang-undang pemilikan senjata

(b) KBAT

- Tidak memberi bantuan kepada komunis
- Contohnya bantuan maklumat/makanan/ubat-ubatan
- Menjadi ahli pasukan keselamatan yang memerangi komunis
- Menyalurkan maklumat tentang kegiatan komunis kepada kerajaan

(c) KBAT

- Semua kaum bersatu menangan ancaman komunis
- Tanah Melayu berhak merdeka keran pelbagai kaum telah bersatu
- Organisasi masyarakat perl dimantapkan bagi meningkatka perpaduan
- Semua pihak perlu bekerjasam membendung fahaman komunis

NOTA EKSTRA: 6.3 - USAHA MENANGANI ANCAMAN KOMUNIS

Langkah Lain Membanteras Komunis		
1. Pemerkasaan Pasukan Keselamatan • Mantapkan pasukan polis/ tentera/ sukarelawan **Sarawak Rangers** • Ahlinya terdiri daripada orang Iban • Tugasnya menjejak persembunyian komunis dalam hutan • Mahir selok belok hutan • Slogan *'Agi Idup Agi Ngelaban'* **2. Pendaftaran Kebangsaan dan Kad Pengenalan** • Bagi mengawal pergerakan penduduk • Membezakan antara orang awam dengan komunis • 12 tahun ke atas wajib mendaftar dengan pihak berkuasa	**3. Rancangan Briggs** • Pembukaan Kampung Baru **4. Tawaran Pengampunan** • Komunis yang menyerah diri ditawarkan pengampunan • Komunis dipujuk unuk menyerah diri **5. Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat** • Penduduk pelbagai kaum diseru mendaftar menjadi sukarelewan • Kempen berjaya menggalakkan interaksi dan mengeratkan hubungan antara kaum	**6. Perintah berkurung** • Penduduk dilarang keluar rumah • Membolehkan pasukan keselamatan menjalankan operasi memburu komunis **7. Perang Saraf** • Mengadakan lawatan • Menlonggarkan syarat kerakyatan • Mengadakan pilihan raya • Menawarkan hadiah wang tunai • Memenangi kepercayaan orang Asli • Memajukan perkhidmatan penerangan • Memperkenalkan kawasan hitam dan putih

Soalan Struktur

3 British melancarkan Perang Saraf dan Rancangan Briggs bagi menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

(a) Senaraikan tujuan pelaksanaan Rancangan Briggs ?

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(b) Nyatakan strategi yang digunakan dalam Perang Saraf.

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(c) Jelaskan suasana di Kampung Baru yang menjadi pertempatan baharu penduduk di bawah Rancangan Briggs.

.....

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(d) Terangkan iktibar yang dapat diambil daripada peristiwa penguasaan 14 hari PKM di Tanah Melayu

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(a) ms 157

I) Rancangan Briggs
- Memuluskan hubungan PKM dengan Min Yuen/Memutuskan bekalan makanan/wang/ubat-ubatan
- Melemahkan pergerakan komunis

(b) ms 159

II) Perang Saraf
- Memenangi hati penduduk
- Menjalin hubungan baik dengan penduduk
- Memujuk rakyat bersatu menentang komunis

(c) ms 157

- Penduduk pinggir hutan dipaksa berpindah
- Kampung Baru dilengkapi kemudahan tempat tinggal,bekalan elektrik,paip dan kemudahan kesihatan.
- Mempunyai kemudahan pusat komuniti dan rumah ibadah.
- Ditubuhkan Jawatankuasa Kampung untuk memelihara dan memperbaiki kemudahan
- Dipagari kawat berduri
- Dikawal oleh Special Constables

(d) KBAT

- Meningkatkan kemampuan pasukan keselamatan/ kukuhkan pertahanan negara
- Rakyat perlu bersatu mempertahankan keamanan dan keharmonian negara
- Perlu sentiasa berwaspada
- Tidak mempercayai mana-mana pihak
- Tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang ingin memusnahkan negara

NOTA EKSTRA

RUNDINGAN BALING

Wakil PKM
- Chin Peng/Chen Tien/Rashid Maidin

Wakil Kerajaan
- Tunku Abdul Rah,an/Tan Cheng Lock/David Marshall

Tujuan
- Menamatkan darurat berikutan tawaran pengampunan beramai-ramai kepada anggota PKM
- Rundingan Baling ini berlangsung selama dua hari iaitu pada 28 -29 Disember 1955
- Chin Peng menggunakan nama samaran iaitu **Ng Heng** semasa mendatangani surat yang dihantar kepada kerajaan Persekutuan

KESAN DARURAT

POLITIK

i. **Peningkatan Jumlah Warganegara**
- Kerajaan melonggarkan syarat kewarganegaraan
- 1.2 juta orang Cina/180 ribu orang India menjadi warganegara

ii. **Penubuhan MCA**
- Untuk menawan hati penduduk Cina
- Meyakinkan British bukan semua penduduk Cina menyokong komunis
- MCA membantu kerajaan menangani komunis

iii. **Mempercepat kemerdekaan**
- Penubuhan CLC tingkatkan kesedaran politik
- Penubuhan Parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC)

SOSIOEKONOMI

i. **Meningkatkan Kos Perbelanjaan**
- Menelan kos sebanyak $250-$300 ribu sehari
- Menelan kos yang besar untuk menyelesaikan masalah penempatan semula penduduk .

ii. **Penderitaan dan Kesengsaraan Rakyat**
- Lombong dan ladang menjadi sasaran serangan komunis
- Peniaga/pekedal/peladang menjadi sasaran peras ugut
- Menghadapi kesukaran untuk bergerak/perlu mematuhi pelbagai peraturan

iii. **Merenggangkan Hubungan Kaum**
- Petempatan baru menempatkan kaum yang berbeza secara berasingan
- Kawalan keselamatan ketat menyebabkan hubungan antara kaum terbatas

Soalan Esei

4 Darurat selama 12 tahun menyebabkan kesengsaraan dan kesulitan kepada penduduk tempatan.

(a) Mengapakah British mengisytiharkan darurat di Tanah Melayu?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, sejauh manakah langkah tersebut berjaya membendung ancaman komunis

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(c) Baca maklumat berikut.

> Sesungguhnya darurat dan keganasan komunis bukan sahaja mendatangkan kesusahan dan penderitaan kepada penduduk malah menjejaskan perkembangan ekonomi dan sosial. Masalah ini juga telah meningkatkan lagi beban perbelanjaan kerajaan. Beribu-ribu penduduk yang tidak berdosa terpaksa meninggalkan kampung halaman berpindah ke kawasan yang disediakan oleh kerajaan. Peperangan selama 12 tahun ini juga telah menyebabkan beribu nyawa terkorban termasuklah perajurit-perajurit negara yang gugur dalam mempertahankan tanah air daripada pencabulan dan pencerobohan musuh. *Sumber: diubahsuai: www.arkib.gov.my*

Bincangkan maklumat dan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

Penamatan Darurat

Darurat di seluruh negara secara rasmi ditamatkan pada 31 Julai 1960

(a) ms 148

- Pembunuhan tiga orang pengurus ladang di Sungai Siput, Perak.
- Arthur Walker/John Allison/Phin Soon dan Ian Cristian
- Pesuruhjaya Tinggi British mengisytiharkan darurat di sebahagian negeri Perak dan Johor
- 17 Jun 1948 Undang-Undang Darurat diperluaskan meliputi keseluruhan Perak dan Johor
- 18 Jun 1948 dikuatkuasakan di seluruh negara.

(b) KBAT

- Penguatkuasaan Undang-Undang Darurat berjaya melemahkan komunis
- PKM diharamkan/Pemimpin radikal ditangkap/Contoh AWAS/API
- Hukuman berat kepada sesiapa yang membantu komunis
- Rancangan Briggs berjaya memutuskan hubungan komunis dengan penduduk awam
- Min Yuen dipindahkan ke Kampung Baru
- Tawaran pengampunan berjaya memujuk komunis keluar dari hutan
- Perang Saraf berjaya memenangi hati penduduk

(c) KBAT

- Darurat mendatangkan kesusahan dan penderitaan
- Darurat menjejaskan perkembangan ekonomi dan sosial
- Darurat meningkatkan beban perbelanjaan kerajaan
- Beribu-ribu penduduk terpaksa meninggalkan kampung
- Mengakibatkan beribu nyawa terkorban
- Rakyat perlu bersatu mempertahankan negara
- Sistem pertahanan negara perlu kukuh/mantap
- Keamanan negara membolehkan negara maju dan makmur

JAWAPAN OBJEKTIF T4 BAB : 6	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	C	C	A	D	D	B	D	C	A	A

T4 BAB 7 USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

Soalan Objektif

1. Mengapakah Kesatuan Melayu Muda (KMM) memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya? ms 172

   A Memelihara hak peribumi
   B Menjamin ketuanan Melayu
   C Menyatukan rumpun Melayu
   D Mengekalkan warisan peribumi

2. Apakah persamaan idea negara merdeka bagi parti politik berikut? ms 173

   - Angkatan Pemuda Insaf (API)
   - Malayan Chinese Association (MCA)

   A Mewujudkan kerjasama kaum
   B Membentuk negara demokrasi
   C Menolak kerjasama dengan penjajah
   D Mengutamakan kerakyatan sama rata

3. Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) mencadangkan sistem pendidikan yang seragam di Tanah Melayu? ms 177

   A Membasmi buta huruf
   B Memupuk perpaduan kaum
   C Meningkatkan kualiti pelajaran
   D Menyediakan tenaga kerja mahir

4. Maklumat berikut berkaitan peranan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) dalam menyelesaikan isu pertikaian kaum.

Isu	Pemberian kewarganegaraan kepada bukan Melayu
Peranan	Mencadangkan penubuhan agensi bagi meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu
Kesan	Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)

   Apakah nilai yang dapat dikaitkan dengan penyelesaian isu tersebut? ms 177

   A Berani
   B Berdikari
   C Bersyukur
   D Bertolak ansur

5. Apakah kepentingan Sistem Ahli kepada penduduk tempatan di Tanah Melayu? ms 178

   A Menggubal perlembagaan merdeka
   B Menentukan syarat kewarganegaraan
   C Menetapkan pelaksanaan pilihan raya
   D Melatih penduduk tempatan mentadbir

6. Apakah peranan anggota Sistem Ahli ditubuhkan pada tahun 1951? ms 179

   A Menggubal perlembagaan
   B Meninjau pandangan rakyat
   C Menyelesaikan isu perkauman
   D Mencadangkan undang-undang

7. Apakah cadangan Laporan Barnes 1951 yang diterima dalam Ordinan Pelajaran 1952? ms 181

   A Menyeragamkan sistem peperiksaan
   B Memperkenalkan buku teks berunsur tempatan
   C Menjadikan kurikulum sekolah Cina berorientasikan Tanah Melayu
   D Menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah

8. Apakah teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan dalam Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 bagi memupuk perpaduan kaum? ms 183

   I Pelantikan guru pelbagai kaum
   II Penggubalan kurikulum seragam
   III Pelaksanaan sistem persekolahan sama
   IV Pendidikan sekolah vernakular berunsur tempatan

   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

9. Maklumat berikut berkaitan dengan parti politik di Sarawak.

Parti X	
Tahun penubuhan	Mac 1946
Pemimpin	Rosli Dhoby
Matlamat	Menentang penjajahan British

   Apakah **X**? ms 184

   A Barisan Pemuda (BARIP)
   B Angkatan Pemuda Insaf (API)
   C Pergerakan Pemuda Melayu (PPM)
   D Independence of Malayan Party (IMP)

10. Maklumat berikut merujuk kepada penganjuran persidangan hasil daripada kerjasama politik antara kaum di negara kita. ms 186 – 187

Nama Persidangan	Tahun
Persidangan Kebangsaan	Februari 1954
Konvensyen Kebangsaan	Ogos 1954

    Apakah resolusi yang dicapai dalam persidangan tersebut?

    A Pelaksanaan pilihan raya Persekutuan
    B Pengiktirafan terhadap bahasa Melayu
    C Pembentukan kerajaan pusat yang kuat
    D Penyatuan Tanah Melayu dengan Singapura

Soalan Struktur

1 British memperkenalkan Sistem Ahli bagi melicinkan pentadbiran mereka di Tanah Melayu pada bulan April 1951 hingga Jun 1955.

(a) Namakan **dua** anggota Sistem Ahli.

(I) .....

(II) .....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan ciri-ciri Sistem Ahli.

SCAN ME!

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Sistem Ahli menjadi permulaan bagi proses perpaduan kaum di Tanah Melayu ke arah mencapai kemerdekaan.

Bagaimanakah perpaduan kaum dapat dicapai melalui Sistem Ahli?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

SCAN ME!

Kepentingan Sistem Ahli ke Arah Kemerdekaan

- Menyediakan asas melatih penduduk tempatan ke arah berkerajaan sendiri
- Memberikan pendedahan kepada penduduk tempatan belajar mentadbir/ menerajui kerajaan
- Proses memupuk perpaduan kaum
- Menentukan kemerdekaan diperoleh mendapat sokongan seluruh penduduk

(a) ms 178

- **Dato' Onn Jaafar** (Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri)
- **E.E.C. Thuraisingham** (Ahli Pelajaran)
- **Lee Tiang Keng** (Ahli Kesihatan)
- **Tunku Yaacob ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid** (Ahli Pertanian dan Perhutanan)
- **Dato' Mahmud Mat** (Ahli Tanah, Lombong dan Perhubungan)
- **Dato Nik Ahmad Kamil** (Ahli Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancang Bandar)
- **H.S. Lee** (Ahli Pengangkutan)
- **Dr. Ismail Abdul Rahman** (Ahli Hasil Bum

(b) ms 179

- Ahli bertaraf 'Menteri"
- Ahli bertanggungjawab menjaga portfo mengandungi jabatan/ agensi kerajaan
- Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi Bri dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Mel
- Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang berkaitan jabatannya
- Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhja Tinggi
- Satu sistem kabinet bayangan
- Terdiri daripada beberapa pegawai tad tokoh masyarakat

(c) KBAT

- Ahli terdiri daripada penduduk Tanah Mel berbilang Kaum
- Tiga orang Melayu, seorang Cina, seor India
- Saling bekerjasama
- Bertolak ansur dalam membuat keputusan
- Bermuafakat/ mencapai kata sepakat

NOTA EKSTRA: 7.3 - SISTEM AHLI

Sebab Sistem Ahli dilaksanakan

SCAN ME!

- Melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran sebelum merdeka
- Menjalankan dasar dekolonisasi
- Proses ke arah berkerajaan sendiri
- Menyediakan Tanah Melayu ke arah kemerdekaan
- Kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan

Tanggungjawab Dato' Onn Jaafar sebagai Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri

- Hal ehwal Imigran
- Penyiaran dan pencetakan
- Hubungan negeri Melayu dengan Negeri-negeri Selat
- Hal ehwal menunaikan haji
- Pendaftaran kerakyatan
- Perkahwinan
- Kematian

Agensi di bawah tanggungjawab Dato' Onn Jaafar

- RIDA
- Jabatan Pilihan Raya
- Jabatan Rupa Bangsa Nasional

Tiga portfolio yang kekal di bawah pentadbiran Briti

- Hal Ehwal Ekonomi
- Perindustrian dan Perhubungan Sosial
- Perumahan dan Kerja Raya

Rasional British mengekalkan portfolio tersebut di bawah pentadbiran mereka - (KBAT)

- Memastikan eksploitasi ekonomi tidak terjejas
- Mengekalkan kepercayaan pelabur asing
- Mengelakkan pelabur asing daripada menarik modal keluar
- Mengekalkan sikap kebergantungan pemimpin tempa terhadap British
- Kepentingan ekonomi British kekal terjamin

JAWAPAN OBJEKTIF T4 BAB : 7	1	2	3	4	5	6	7	8	9	1(
	C	B	B	D	D	D	D	C	C	A

Soalan Struktur

2 Bagi membentuk sistem pendidikan kebangsaan di Sarawak dan Sabah, E.W. Woodhead iaitu Ketua Pegawai Pelajaran dari Britain dijemput untuk meninjau perkembangan pendidikan dan mengemukakan cadangan.

(a) Nyatakan cadangan yang dikemukakan oleh pegawai tersebut.

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Berikut merupakan matlamat pendidikan kebangsaan di Sarawak dan Sabah.

- Membentuk perasaan kekitaan
- Melahirkan perasaan kebersamaan

Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Teliti petikan berikut.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) seiring dengan matlamat utama pendidikan kebangsaan negara sejak merdeka, iaitu untuk perpaduan bangsa Malaysia. Sebab itu sekolah memainkan peranan yang penting untuk menyatupadukan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa untuk menjalinkan hubungan baik dan saling bertoleransi.

Sumber: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan

Ulaskan petikan tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Laporan Fenn-Wu 1951

- Diterbitkan kerana membantah Laporan Barnes/ Mengkaji pendidikan Cina
- Penambahbaikan sekolah Cina sebagai institusi yang memberi faedah kepada penduduk Tanah Melayu

Kandungan:

- Sekolah Cina diteruskan secara berasingan di bawah sistem kebangsaan
- Pendidikan sekolah Cina haruslah berorientasikan Tanah Melayu

(a) ms-182

- Memperkasakan pendidikan peringkat rendah dan menengah
- Menitikberatkan kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
- Mewujudkan sistem pembiayaan pendidikan yang teratur

(b) ms-182

Pendidikan Kebangsaan di Sarawak:

- Mewujudkan sekolah menengah berbilang kaum
- Bahasa Inggeris bahasa pengantar
- Menyeragamkan sukatan pelajaran dan peperiksaan
- Memperkenalkan buku teks berlatarbelakangkan unsur tempatan
- Memastikan pendidikan sivik diajar secara formal di sekolah

Pendidikan Kebangsaan di Sabah:

- Mempertingkatkan pengajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di sekolah Cina
- Memastikan bahasa Inggeris diajar di sekolah Melayu dan bahasa Melayu diajar di sekolah Inggeris
- Menetapkan peperiksaan di sekolah menengah dikendalikan dalam bahasa Inggeris

(c) KBAT

- Terdiri daripada murid berbilang kaum
- Menjalinkan hubungan baik
- Belajar bersama-sama di dalam kelas yang sama/ bekerjasama menjalankan pelbagai aktiviti pembelajaran
- Bersepakat/ bertoleransi menyiapkan tugasan yang diberikan oleh guru
- Mengutamakan bahasa Melayu dalam komunikasi
- Membentuk masyarakat bersatu padu

NOTA EKSTRA: 7.4 - SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Ordinan Pelajaran 1952	Sebab penduduk Tanah Melayu menentang Ordinan Pelajaran 1952 - KBAT	Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956
Tujuan 1 Membentuk sistem pendidikan yang menggunakan bahasa rasmi Persekutuan 2. Semua murid pelbagai bangsa disatukan dalam satu sistem berorientasikan Tanah Melayu **Perkara yang Termaktub** 1 Tanah Melayu mempunyai dua jenis sekolah rendah, iaitu sekolah yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar 2. Bahasa Cina dan bahasa Tamil diajar sebagai bahasa ketiga sekolah sekiranya terdapat 15 orang murid 3. Sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar	1. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris adalah bahasa rasmi Persekutuan/ sewajarnya bahasa Melayu mendapat taraf yang sama di semua peringkat sekolah/ bahasa Melayu tidak dijadikan bahasa pengantar di peringkat sekolah menengah 2. Masyarakat Cina menganggap satu cubaan menindas/ menghapuskan bahasa/ kebudayaan/ disokong masyarakat India 3. Pengajaran dua bahasa asing (Melayu dan Inggeris) sebagai beban kepada murid-murid sekolah rendah 4. Gagal untuk membaiki kelemahan sistem persekolahan sebelum merdeka yang terasing/ gagal membentuk perpaduan kaum	**Teras:** 1. Sistem persekolahan yang sama bagi kanak-kanak pelbagai kaum 2. Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama 3. Kandungan kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan **Cadangan:** 1. Sekolah Umum (Rendah) gunakan bahasa Melayu 2. Sekolah Jenis Umum (rendah) menggunakan sama ada bahasa Inggeris, Cina atau Tamil 3. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah 4. Sekolah Menengah Kebangsaan gunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, manakala bahasa Inggeris menjadi mata pelajaran

Soalan Struktur

3 Jadual berikut menunjukkan parti politik yang ditubuhkan di negara kita sebelum merdeka.

Parti	Parti X	Parti Y
Tahun	1945	1951
Pemimpin	Dr. Burhanuddin al-Helmi	Dato' Onn Jaafar

(a) Namakan parti politik

X : .....

Y : .....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan perjuangan parti politik di 1(a).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Setiap parti politik di negara ini perlu bersatu padu dalam usaha membentuk sebuah masyarakat berbilang kaum yang lebih harmoni."
– Tan Sri Dr. Rais Yatim, Yang Dipertua Dewan Negara

Sumber: https://www.sinarharian.com.my

Bagaimanakah parti politik berupaya merealisasikan hasrat tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(a) *ms 172 - 173*

X - Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
Y - Independence of Malayan Party (IMP)

(b) *ms 172 - 173*

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM):
- Menanam semangat kebangsaan
- Bekerjasama dengan kaum lain
- Kemerdekaan melalui Melayu Raya
- Mendaulatkan hak rakyat dalam politik/ ekonomi/ agama/ sosial/ kebudayaan

Independence of Malayan Party (IMP):
- Tanah Melayu untuk Malayan
- Perpaduan kebangsaan
- Kemerdekaan melalui kerjasama kaum
- Orang Melayu menjadi pemimpin/ Orang bukan Melayu mempunyai hak politik dan ekonomi

(c) *KBAT*

- Menjunjung tinggi Perlembagaan
- Mengutamakan kepentingan rakyat/ negara melebihi kepentingan parti/ Tidak membangkitkan isu 3R/ demi keharmonian/keamanan/muhibah
- Mementingkan kesepakatan/ rundingan
- Perbezaan pandangan dihargai/ menerima konsep 'bersetuju untuk tidak bersetuju'

Andaikan anda pemimpin sebuah parti politik, apakah matlamat perjuangan parti politik anda?

- Memperkasakan perpaduan kaum/ saling bertolak ansur/ persefahaman/ masyarakat muhibah
- Meningkatkan kemajuan negara/ menaik taraf pendidikan/sains teknologi
- Memperkukuhkan kedaulatan negara/pertahanan kukuh/ tingkat intergriti/ sifar rasuah/ imej meningkat
- Memperkukuhkan kesetiaan rakyat kepada negara/ warganagera patriotik/ menyumbang bakti kepada negara

NOTA EKSTRA: 7.5 - PENUBUHAN PARTI POLITIK

Angkatan Pemuda Insaf (API) 1946
Pemimpin:
- Ahmad Boestamam

Idea negara merdeka:
- Menekankan pemerintahan demokrasi
- Dasar ekonomi mengutamakan rakyat
- Keadilan sosial

United Malays National Organisation (UMNOI) 1946
Pemimpin:
- Dato' Onn Jaafar

Idea negara merdeka:
- Menyatukan orang Melayu
- Mempertahankan hak bangsa/ raja Melayu
- Kemerdekaan melalui perundingan
- Keadilan sosial

Hizbul Muslimin 1947
Pemimpin:
- Abu Bakar al-Baqir

Idea negara merdeka:
- Kemerdekaan Tanah Melayu sebagai negara Islam

Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) 1951
Pemimpin:
- Dr. Burhanuddin al-Helmi

Idea negara merdeka:
- Membina satu negara dan satu bangsa yang teguh dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal
- Tanah Melayu yang merdeka menjalankan hukum Islam

Malayan Indian Congress (MIC) 1947
Pemimpin:
- John Thivy

Idea negara merdeka:
- Bekerjasama dengan kaum lain
- Kewarganegaraan tunggal/ menerima Tanah Melayu sebagai tanah air
- Sedia taat setia kepada Tanah Melayu

Malayan Chinese Association (MCA) 1949
Pemimpin:
- Tan Cheng Lock

Idea negara merdeka:
- Tanah Melayu negara berbilang kaum yang demokrasi penuh
- Menyatukan kaum Cina dan bekerjasama dengan kaum lain

Soalan Esei

4 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949 bagi menyelesaikan isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.

(a) Mengapakah CLC ditubuhkan?

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(b) Bagaimanakah CLC berperanan untuk menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan antara kaum?

SCAN ME!

.....

.....

.....

.....

SCAN ME!

.....

.....

[8 *markah*]

(d) Teliti petikan berikut.

> Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, dalam bukunya *Looking Back* mengungkapkan *"I am the happiest Prime Minister in the world"*. Ungkapan ini terhasil kerana beliau yakin Malaysia adalah sebuah negara yang aman kerana rakyatnya bersatu padu. Realitinya, ungkapan ini tercemar dan meleset lantaran tercetusnya tragedi 13 Mei 1969 hingga membawa perisytiharan darurat. Ekoran itu, kerajaan terpaksa merangka pelbagai dasar untuk memulih kembali hubungan baik antara kaum dan memelihara ketenteraman awam.
>
> Sumber: https://www.astroawani.com/berita-malaysia 23 Januari 2020

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan dan sebagai pemimpin bagaimanakah anda memelihara hubungan baik antara kaum?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(a) ms 174

- Mewujudkan perundingan antara pemimpin pelbagai kaum
- Bagi mewujudkan kestabilan politik/ ekonomi/ sosial ke arah berkerajaan sendiri
- Mengkaji hubungan kaum secara mendalam
- Menyelesaikan isu pertikaian kaum
- Membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial
- Mewujudkan pembahagian adil untuk semua komuniti
- Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk

(b) ms 177

- **Isu persediaan ke arah berkerajaan sendiri**
  - Mencadangkan pilihan raya diadakan secara berperingkat
- **Isu kedudukan istimewa orang Melayu**
  - Bersetuju orang Melayu wajar mempunyai kedudukan istimewa
  - Mengiktiraf Tanah Melayu sebagai tanah air orang Melayu
- **Isu ekonomi orang Melayu / tiada peluang yang sama dalam perniagaan**
  - Mencadangkan penubuhan agensi RIDA
  - Bagi meningkatkan ekonomi dan pendidikan Melayu
- **Isu kewarganegaraan bukan Melayu**
  - Syarat kewarganegaraan dilonggarkan kepada kaum bukan Melayu
  - Bagi memupuk taat setia/ kerjasama kaum
- **Isu sistem pendidikan/ persekolahan berbeza**
  - Tubuhkan jawatankuasa pendidikan
  - Kaji sistem pendidikan yang seragam

(c) KBAT/ rujuk buku teks T5.ms13

Maklumat:

- Malaysia sebuah negara aman
- Rakyatnya hidup bersatu padu
- Tercemar kerana tragedi 13 Mei 1969
- Menyebabkan pengisytiharan darurat
- Kerajaan perlu merangka dasar untuk pulihkan hubungan baik antara kaum/ memelihara ketenteraman awam

Cara memelihara hubungan baik:

- Menggubal dasar berkaitan perpaduan kaum/ bagi membentuk identiti nasional yang kukuh jiwa patriotik
- Menguatkuasakan undang-undang berkaitan perpaduan kaum/ intergrasi nasional/ menjamin ketenteraman awam
- Memastikan pelaksanaan dasar berkaitan dengan bahasa, pendidikan, kebudayaan oleh kementerian/ agensi berkaitan/ sokongan/ kunjung bantu/ pementoran
- Merangka program/ kempen ke arah memupuk perpaduan kaum/ menularkan slogan 'Semarakkan Cinta Akan Negara' dalam media sosial/ timbul kesedaran/ bangkit semangat nasionalis

T4 BAB 8 PILIHAN RAYA

Soalan Objektif

1. Mengapakah Kerajaan Persekutuan membentuk Jawatankuasa Pilihan Raya bagi Majlis Mesyuarat Persekutuan? ms 196

   A Meluluskan undang-undang pilihan raya
   B Menjalankan pendaftaran pilihan raya
   C Menentukan sempadan pilihan raya
   D Mengkaji tentang pilihan raya

2. Rajah berikut berkaitan dengan perkembangan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu (PTM) sebelum merdeka.
   ms 196 -197

   

   Apakah **X**?

   A Pilihan Raya Perbandaran George Town
   B Pelaksanaan Pilihan Raya Umum Pertama
   C Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan
   D Penubuhan Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan

3. Apakah tujuan tokoh berikut ke London pada tahun 1954? ms 199

   - Tunku Abdul Rahman
   - Dato' Abdul Razak Hussein
   - Tan Cheng Lock

   A Menuntut kemerdekaan
   B Mendapatkan sokongan
   C Menggubal perlembagaan PTM
   D Menentukan bilangan anggota MPP

4. Apakah syarat untuk menjadi calon dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955? ms 200

   I Berumur 21 tahun ke atas
   II Berpendidikan sekolah Inggeris
   III Berkhidmat dalam perkhidmatan awam
   IV Warganegara Persekutuan Tanah Melayu

   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

5. Ah Seng merupakan warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang ingin mengundi dalam Pilihan Raya Perundangan Persekutuan 1955.
   Apakah syarat yang perlu beliau penuhi? ms 200

   A Berusia 21 tahun ke atas
   B Menjadi ahli parti politik
   C Mahir bertutur dalam bahasa Melayu
   D Bermastautin di Tanah Melayu melebihi sebulan

6. Rajah berikut berkaitan dengan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955? ms 200 - 201

   

   Apakah **X**?

   A Mengundi
   B Mengira undian
   C Menentukan sempadan
   D Mengumumkan keputusan

7. Apakah yang dapat dibuktikan daripada keputusan pilihan raya berikut? ms 202

   Parti Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertadingkan dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

   A Kebebasan bersuara diakui
   B Kerjasama golongan radikal
   C Keupayaan menghalau penjajah
   D Kejayaan kerjasama pelbagai kaum

8. Apakah kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1955 kepada rakyat tempatan? ms 204

   A Mengadakan pilihan raya
   B Mengambil alih pentadbiran
   C Membentuk negara demokrasi
   D Menggubal perlembagaan merdeka

9. Apakah jawatan Tunku Abdul Rahman dalam kabinet pertama yang dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955? ms 206

   A Menteri Besar
   B Ketua Menteri
   C Perdana Menteri
   D Pesuruhjaya Tinggi

10. Apakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955? ms 206

    I Membincangkan soal kewangan
    II Membincangkan isu pertahanan
    III Menjalinkan kerjasama diplomatik
    IV Mengurangkan kemasukan orang asing

    A I dan II
    B I dan IV
    C II dan III
    D III dan IV

Soalan Struktur

1 Selepas Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, Parti Perikatan telah membentuk Kerajaan Persekutuan dengan Tunku Abdul Rahman telah dilantik sebagai Ketua Menteri.

(a) Nyatakan **dua** ciri Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Teliti petikan berikut.

> "Ini adalah hari yang amat penting dalam sejarah Majlis ini. Pilihan raya Persekutuan yang baru diadakan kini sudah menjadi sejarah. Buat pertama kalinya Majlis ini bersidang sebagai sebuah majlis yang majoriti ahlinya dipilih dan saya berasa amat bangga dan berbesar hati memegang jawatan Ketua Menteri. Kita telah melalui suatu peristiwa yang amat penting dalam kemajuan negara kita mencapai status berkerajaan sendiri dan merdeka "
>
> Ucapan Tunku Abdul Rahman pada Perasmian Majlis Perundangan Persekutuan, 31 Ogos 1955

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

NOTA EKSTRA: 8.2 - SYARAT MENJADI CALON DAN PENGUNDI

CALON	PENGUNDI
• Warganegara PTM • Berumur 21 tahun ke atas • Tinggal di PTM dalam tempoh 6 bulan terdahulu	• Warganegara PTM • Berumur 21 tahun ke atas • Telah tinggal di PTM dan tinggal dalam tempoh 12 bulan sebelum penamaan calon • Berpegetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu

Majlis Perundangan Persekutuan 1948

- 52 ahli tidak rasmi dilantik dalam kalangan masyarakat tertentu
- 3 orang ex officio, Ketua Setiausaha Kerajaan, Setiausaha Kewangan dan Peguam Besar Persekutuan
- 9 Residen British mewakili 9 buah majlis Negeri
- 2 wakil Negeri-negeri Selat/ Pulau Penang dan Melaka
- 11 ahli rasmi dalam kalangan Pegawai Pentadbiran Kerajaan

(a) *ms 204*

- 52 ahli dipilih melalui pilihan raya
- 35 ahli dilantik mewakili kumpulan berkepentingan/ perlombongan/ pertanian
- 11 Menteri Besar mewakili negeri
- 2 wakil Negeri-negeri Selat/Pulau Pinang dan Melaka

(b) *ms 204*

- Kerajaan diketuai Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri
- Mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu daripada Pesuruhjaya Tinggi British
- Proses pertukaran mengambil masa, maka Pesuruhanjaya Tinggi British masih memegang kepimpinan atasan yang menentukan hala tuju negara
- Kuasa pegawai British beransur-ansur dipindahkan kepada rakyat tempatan
- Namun masih terdapat pegawai British menjadi penyelia atau penasihat bidang keselamatan
- Sistem Ahli dimansuhkan
- Keanggotaan MPP penting dalam amalan demokrasi
- Kejayaan Kerajaan Persekutuan dibentuk dan dipimpin oleh rakyat tempatan dengan ahlinya dipilih oleh rakyat

(c) *ms 205 / KBAT*

- MPP menjadi sejarah
- MPP bersidang sebagai sebuah majlis
- Majoriti ahli MPP dipilih menerusi pilihan raya
- Kerajaan diketuai Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri
- Negara mencapai status berkerajaan sendiri
- Negara mencapai merdeka

JAWAPAN OBJEKTIF T4 BAB : 8	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	D	A	D	B	A	A	D	B	B	A

Soalan Struktur

2 Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955 yang memainkan peranan ke arah berkerajaan sendiri.

(a) Jelaskan tentang kabinet pertama.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(b) Terangkan peranan kabinet tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(c) Keanggotaan Kabinet Pertama yang terdiri daripada pemimpin pelbagai kaum terus dipraktikkan sehingga kini terbukti telah berjaya membawa kemakmuran kepada negara kita.
Beri pandangan anda bagi menyokong pernyataan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Tiga Portfolio Kabinet Pertama yang dianggotai oleh Pegawai British

- Setiausaha Kewangan
- Setiausaha Hal Ehwal Ekonomi
- Setiausaha Pertahanan

(a) *ms 206*

- Dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955
- Terdiri 10 orang Menteri
- Dianggotai oleh tiga pegawai British
- Mendapat perkenan Raja-raja Melayu
- Diumumkan oleh Sir Donald MacGillivray, Pesuruhjaya Tinggi British pada 4 Ogos 1955
- Wakil pemimpin tempatan dipilih mentadbir negara

(b) *ms 206*

- Membincangkan soal kewangan/ keperluan orang awam dalam perkhidmatan awam
- Menyambung sistem diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan
- Berasaskan Model Westminster
- Mengurangkan kuasa pentadbiran British
- Meminta Kuasa Veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan
- Membincangkan isu keselamatan negeri dan pertahanan

(c) *KBAT*

- Berjaya mengukuhkan perpaduan
- Diterima masyarakat berbilang kaum
- Wujud kestabilan politik
- Kepentingan setiap kaum dipelihara
- Bekerjasama memajukan ekonomi
- Konsep keadilan ekonomi dilaksana
- Amalan perkongsian kuasa diperkukuh
- Kesannya dasar pembangunan ekonomi lancar/ ekonomi maju/ rakyat hidup selesa

NOTA EKSTRA: 8.4 - KABINET PERTAMA PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Kabinet Pertama PTM 1955

1. Dibarisi 10 orang Menteri
2. **Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj**
   - Dilantik sebagai Ketua Menteri
   - Berkuasa menubuhkan kabinet bagi melancarkan pentadbiran negara
   - Bertanggungjawab menunaikan mandat rakyat/ capai merdeka
3. **Dato' Abdul Razak Hussein**
   - Menteri Pelajaran
   - Membina bangsa bersatu melalui sistem pendidikan
4. **Dato' Sulaiman Dato' Abdul Rahman**
   - Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Perancang Bandar
5. **H.S. Lee**
   - Menteri Pengangkutan
6. **Sardon Jubir**
   - Menteri Kerja Raya
7. **V.T. Sambanthan**
   - Menteri Buruh
   - Menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan
   - Mengurangkan pegawai Eropah dalam Malayan Civil Service (MCS)
8. **Leong Yew Koh**
   - Menteri Kesihatan
   - Meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan dan kesihatan secepat mungkin
9. **Ong Yoke Lin**
   - Menteri Pos dan Telekom
10. **Abdul Aziz Ishak**
    - Menteri Pertanian

Model Westminster
Sistem pemerintahan demokrasi mengikut Britain

Kuasa Veto
Hak atau kuasa penuh yang diberi kepada pihak tertentu sahaja, kuasa pembatal.

Soalan Esei

3 Pilihan raya merupakan asas berkerajaan sendiri dan memberi peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan.

(a) Jelaskan latar belakang pelaksanaan pilihan raya di negara kita sebelum tahun 1955.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(b) Bagaimanakah Pilihan Raya Majllis Perundangan Persekutuan 1955 dilaksanakan?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(c) Jadual berikut merupakan keputusan pilihan raya umum pertama di Tanah Melayu.

Keputusan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955				
Nama parti	Bilangan calon	Kerusi yang dimenangi	Undi yang diperoleh	Peratus undi
Perikatan	52	51	888 013	79.3
Parti Negara	30	0	78 909	7.6
Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS)	11	1	40 667	3.9
Calon Bebas	18	0	31 642	3.0

Ulaskan tentang keputusan pilihan raya tersebut dan mengapakah calon Parti Perikatan menjadi pilihan rakyat?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(a) ms 196 – 197

- Jawatankuasa Pilihan Raya bagi Majlis Mesyuarat Perundangan ditubuhkan/ mengkaji dan membuat cadangan tentang pilihan raya
- Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan (1950)/ kuasa majlis tempatan mengadakan pilihan raya
- Pilihan Raya Majlis Perbandaran George Town diadakan 1951/ memilih sembilan orang ahli Persuruhjaya Perbandaran Geogre Town
- Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada Februari 1952/ 12 kerusi dipertandingkan
- Pilihan raya negeri diadakan pada 1954/ Perikatan UMNO-MCA memenangi 226 daripada 268 kerusi
- Rang Undang-Undang Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu diluluskan (18 – 19 Ogos 1954)

(b) ms 200 – 201

- Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan/ berjaya membentuk 52 kawasan pilihan raya (26 April 1954)
- Rang undang-undang diluluskan (Ogos 1954)/ membolehkan pilihan raya diadakan
- Pendaftaran pengundi mulai 18 Oktober 1954 di seluruh Tanah Melayu/ Terengganu bermula 29 Oktober 1954
- Penamaan calon pada 15 Jun 1955
- Kempen pilihan raya selama 45 hari
- Mengundi pada 27 Julai 1955
- Peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi/ pengiraan undi dilakukan
- Pengumuman keputusan

(c) KBAT

Keputusan pilihan raya

- Perikatan menang besar 51 daripada 52 kerusi
- Mendapat kepercayaan rakyat mentadbir negara
- Calon Parti Negara tidak memenangi sebarang kerusi
- Parti pelbagai kaum tidak diyakini rakyat
- PAS hanya memenangi satu kerusi sahaja
- Bilangan calon (11 orang) tidak membolehkan PAS menerajui pentadbiran negara
- Semua 18 calon bebas yang bertanding tidak menang

Parti Perikatan menjadi pilihan rakyat

- Penerimaan masyarakat terhadap kerjasama kaum/ rakyat lebih yakin
- Pemimpin pelbagai kaum memenuhi aspirasi rakyat/ isu/ masalah diselesaikan melalui rundingan
- Kebajikan rakyat dipelihara/ Politik stabil/ negara aman/ masyarakat hidup sejahtera
- Manifesto Parti Perikatan yang meyakinkan rakyat

T4 BAB 9 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

Soalan Objektif

1. Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa penting sejarah negara kita.

Tarikh	Peristiwa
1 Januari 1956	Tunku Abdul Rahman mengetuai misi rombongan rundingan ke London

Apakah tujuan rundingan tersebut? ms 216

A Merangka perlembagaan baharu
B Membincangkan kemerdekaan
C Mengembalikan kuasa sultan
D Menuntut diadakan pilihan raya umum

2. Maklumat berikut berkaitan rundingan antara wakil Tanah Melayu dengan British.

Rundingan London
• Dipengerusikan oleh Lord Lennox-Boyd • Berlangsung pada 18 Januari hingga Februari 1956

Apakah kesan rundingan tersebut? ms 218

I Perlaksanaan pilihan raya umum
II Pengenalan kerakyatan jus soli
III Penggubalan perlembagaan negara
IV Pemberian kemerdekaan tanah air

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3. Gambar menunjukkan Tunku Abdul Rahman dan rombongan diarak di Banda Hilir, Melaka pada tahun 1956.

Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada sejarah negara kita? ms 219

A Pengumuman tamat darurat
B Pembentukan kabinet pertama
C Pengisytiharan tarikh kemerdekaan
D Perlaksanaan pilihan raya umum

4. Rajah berikut berkaitan antara Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.



Apakah X? ms 220

A Menghapuskan ancaman komunis
B Mengekalkan institusi beraja mutlak
C Menentukan sempadan antara negeri
D Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat

5. Jadual berikut antara anggota Suruhanjaya Ried yang ditubuhkan pada 8 Mac 1956.

Nama	Negara
Lord Reid	Britain
William Ivor Jennings	Australia
B. Malik	India
Abdul Hamid	Pakistan

Apakah peranan suruhanjaya tersebut? ms 220-221

A Melaksanakan pilihan raya
B Mengukuhkan pertahanan negara
C Menetapkan sempadan negeri
D Menggubal perlembagaan merdeka

6. Apakah memorandum yang dikemukakan Raja-raja Melayu kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu? ms 222

I Kerakyatan jus soli
II Perlantikan Ketua Negara
III Melindungi hak peribumi
IV Pentadbiran Demokrasi Berparlimen

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7. Maklumat berikut berkaitan memorandum kewarganegaraan

• Dewan Perniagaan Melayu mahu kewarganegaraan diketatkan • Dewan Perniagaan Cina se-Malaya mahu kewarganegaraan menerusi kelahiran • Masyarakat India mahukan kedudukan mereka diberi perhatian

Apakah kesan daripada memorandum tersebut? ms 222

A Jus soli dilaksanakan
B Rusuhan kaum tercetus
C Imigran dihantar pulang
D Dwikerakyatan diperkenalkan

8. Parti berikut telah mengadakan kongres pada 4 hingga 7 Mei 1957.

PAS	Parti Rakyat	Parti Negara

Mengapakah parti tersebut bertindak sedemikian? ms 223

A Melindungi kuasa raja
B Menyatukan orang Melayu
C Menolak syarat kewarganegaraan
D Memelihara kedudukan agama Islam

9. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dan British pada 15 Ogos 1957 di King's House, Kuala Lumpur. ms 224

Mengapakah perjanjian tersebut penting kepada negara kita?

A Memperkuat pertahanan
B Mengukuhkan perpaduan
C Menjadi asas perlembagaan
D Meluaskan hubungan diplomatik

10. Apakah bentuk kerakyatan yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957? ms 224

I Kelulusan parlimen
II Melalui permohonan
III Kuat kuasa undang-undang
IV Perkenan Raja-Raja Melayu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan Struktur

1 Jadual berikut menunjukkan wakil rombongan ke London pada tahun 1956

Wakil Raja – Raja Melayu	Wakil Parti Perikatan
Dato' Hj Wahab Abd Aziz	Tunku Abdul Rahman
En. Abdul Aziz Abdul Majid	Dato' Abdul Razak Hussein
Dato' Mohammad Seth Mohammad Said	H.S. Lee
Dato' Nik Ahmad Kamil Hj Mahmood	Dr Ismail Abdul Rahman

(a) Nyatakan **tiga** tujuan rombongan tersebut ke London.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 *markah*]

(b) Apakah kejayaan yang dicapai oleh rombongan tersebut?

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(c) Pengisytiharan tarikh kemerdekaan negara di Padang Banda Hilir, Melaka merupakan tindakan yang rasional.

Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Pengumuman tarikh kemerdekaan negara

- Padang Banda Hilir Melaka
- Tunku memberikan isyarat kemerdekaan dalam genggaman
- Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan bangunan yang memperingati peristiwa ini.

(a) ms 216

- Merundingkan kemerdekaan/ taraf berkerajaan sendiri
- Membincangkan hal keselamatan
- Hubungan British-Tanah Melayu
- Menggubal perlembagaan negara yang merdeka

(b) ms 218

- Menandatangani Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
- Mendapat kemerdekaan pada 31 Ogos 1957
- Membentuk Suruhanjaya Perlembagaan
- Merangka perlembagaan negara yang Merdeka
- Mendapat jaminan keselamatan dan pertahanan

(c) KBAT

- Kerajaan pertama di jajah Barat
- Portugis (1511) diikuti Belanda dan Inggeris
- Lebih 450 tahun dijajah
- Pernah menjadi negara yang gemilang/ dikenali dunia
- Pusat perdagangan dunia, pusat penyebaran Islam, mempunyai empayar yang luas
- Simbol penjajahan berakhir / kebebasan / sebagai negara berdaulat

NOTA EKSTRA : 9.1 - USAHA RUNDINGAN KEMERDEKAAN

Sebab British bersetuju memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu	3. Keadaan selepas Perang Dunia Kedua	**Perjalanan rombongan ke London**
1. Gesaan PBB • Piagam Atlantik. penjajah hendaklah menamatkan penjajahan / beri kemerdekaan • Kesannya, British memberi jaminan berkerajaan sendiri **2. Pilihan Raya Umum** 1955 asas pembentukan perlembagaan/ kerajaan sendiri	• Banyak negara berjuang menamatkan penjajahan • seperti Mesir / India / Burma / Filipina • Rakyat bangkit menuntut kemerdekaan • Perubahan luar negara memberi inspirasi	• Kuala Lumpur-Singapura (kapal terbang) • Singapura-Karachi Pakistan (kapal laut M.V. Asia) guna masa untuk bincang dan susun strategi dengan raja-raja sebelum berunding dengan British • Pakistan-London (kapal terbang) • Seramai 10,000 orang menghantar ke Tanjung Pagar, Singapura

JAWAPAN OBJEKTIF T4 BAB : 9	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	B	D	C	D	D	C	A	C	C	C

Soalan Struktur

2 Pada 8 Mac 1956, kerajaan British dengan persetujuan Raja-raja Melayu mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

(a) Nyatakan **tiga** terma yang menjadi rujukan suruhanjaya tersebut dalam menggubal perlembagaan.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 *markah*]

(b) Bagaimanakah suruhanjaya tersebut melaksanakan tugasnya?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(c) Teliti petikan berikut.

> Penginstitusian Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 adalah proses rundingan dan permuafakatan antara kaum berasaskan pada 131 memorandum yang diserahkan kepada suruhanjaya.
>
> Berita Harian 25 Oktober 2019

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

NOTA EKSTRA : MEMORANDUM UNTUK PERLEMBAGAAN

1. Daripada **Majlis Raja-raja Melayu**	2. **Daripada parti politik dan pihak awam**	3. **Bahasa dan pendidikan**
• Ketua Negara diketuai Yang di-Pertuan Agong • YDPA dipilih daripada 9 Raja Melayu • Tempoh jawatan selama 5 tahun • Melindungi keistimewaan orang Melayu dan kaum lain	• UMNO menolak jus soli • Dewan Perniagaan Melayu mengetatkan kerakyatan • Dewan perniagaan Cina kerakyatan jus soli • PAS tuntut BM bahasa rasmi, Islam asas pemerintahan dan kritik kerakyatan longgar	• MCA mahu sekolah vernakular diteruskan • Semua sekolah kebangsaan mempelajari bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Cina dan Tamil

(a) ms 220
- Memeriksa aturan perlembagaan negeri seluruh Tanah Melayu
- Mengambil kira martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu
- Melindungi kepentingan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan
- Cadangkan jawatan Ketua Negara (Yang di-Pertuan Agong)
- Menyediakan bentuk kewarganegaraan bagi PTM
- Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu
- Perlembagaan digubal berasaskan Demokrasi Berparlimen

(b) ms 22
- Meminta cadangan daripada semua penduduk
- Secara lisan / bertulis
- Menerima memorandum bertulis dari pelbagai pihak
- Meneliti kedudukan perlembagaan negeri
- Mengadap Raja-raja, Menteri Besar, penasihat British, pegawai negeri
- Bermesyuarat dan melawat negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat
- Mengadakan persidangan
- Membincangkan pelbagai isu
- Sebanyak 118 perjumpaan
- Mengkaji / membuat laporan / serta cadangan perlembagaan

(c) KBA
- **Perlembagaan digubal melalui rundingan dan permuafakatan antara kaum**
- Menerima 131 memorandum
- Memorandum Raja-raja Melayu
- Cadangan ketua negara / dikena Yang di-Pertuan Agong
- Melindungi keistimewaan oran Melayu dan kepentingan sah kaur lain
- Memorandum parti politik dan piha awam
- UMNO menuntut bahasa Melay sebagai bahasa rasmi
- MCA menuntut sekolah vernakula diteruskan
- Pertubuhan masyarakat Cina ingin menjadikan bahasa Mandarin bahasa kebangsaan
- Suruhanjaya bersifat terbuka / menerima pandangan pelbagai pihak /jamin kestabilan, keharmonian dan kemajuan

Soalan Esei

3 Maklumat berikut merupakan sebahagian kandungan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

BAHAGIAN III WARGA NEGARA	BAHAGIAN IV NEGERI PERSEKUTUAN Bab 1- Raja bagi Tanah Melayu
14. (*a*) tiap² orang yang sa-belum Hari Merdeka, menjadi warga negara Negeri Persekutuan dengan menepati apa² sharat dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, tahun 1948, sama ada menurut kuat kuasa undang² atau lain² daripada itu;	32. (1) Hendak-lah ada sa-orang Raja bagi Negeri Persekutuan yang bergelar Yang di-Pertuan Agong, dan kedudokan baginda itu teratas daripada semua orang² dalam Negeri Persekutuan dan baginda itu tidak-lah boleh di-bawa apa² jua perbicharaan ka-atas-nya di-dalam mana² jua mahkamah.

(a) Jelaskan inti pati Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu berikut:

(i) Kewarganegaraan

.....

.....

[2 *markah*]

(ii) Raja bagi Persekutuan Tanah Melayu.

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 menjadi asas dalam pembinaan negara bangsa. Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(c) Baca petikan berikut.

> Perlembagaan itu dipegang sebagai panduan hidup bernegara dalam aman, damai dan perpaduan. Perlembagaan Persekutuan menggariskan pasak negara iaitu kedudukan Raja Berperlembagaan, Islam sebagai agama persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Perkara 153 menjaga kedudukan orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah.
>
> Berita Harian Online 18 Disember 2018

Jelaskan maklumat daripada petikan di atas dan kesannya jika rakyat tidak mematuhi perlembagaan negara.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(a) ms 224-225

(i) Kewarganegaraan
- Berdasarkan prinsip jus soli
- Bagi setiap orang yang dilahirkan dalam Persekutuan
- Selepas hari Merdeka tiga cara kerakyatan
- Melalui penguatkuasaan undang - undang
- Memohon didaftarkan sebagai rakyat
- Memohon untuk menukar kerakyatan / naturalisasi

(ii) Raja bagi Persekutuan Tanah Melayu
- Bergelar Yang di-Pertuan Agong
- Kedudukan teratas
- Tidak boleh dibicarakan dimana-mana mahkamah

(b) ms 224-225
- Mengamalkan institusi Raja Berperlembagaan
- Ketua negara Yang di-Pertuan Agong
- Ketua negeri / sultan / raja
- Melaksanakan pentadbiran mengikut perlembagaan negara
- Rumusannya ciri unik negara / menjadi warisan tamadun bangsa
- Melaksana sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen
- Mempunyai parlimen
- Terdiri Dewan Rakyat dan Dewan Negara
- Wakil rakyat dipilih oleh rakyat
- Melalui pilihan raya
- Tuntasnya, sistem demokrasi memberi hak kepada rakyat terlibat dalam politik dan membentuk kerajaan

(c) KBAT

Maklumat
- Perlembagaan panduan hidup bernegara/ pemerintahan
- Menjamin negara aman /rakyat bersatu
- Menjadi pasak negara/ seperti aja berperlembagaan, Islam agama Persekutuan

Kesan
- Negara tidak aman
- Sentiasa mempersoal perlembagaan
- Bersikap tidak puas hati
- Tidak menghormati institusi beraja / Demokrasi Berparlimen / bahasa Melayu/ hak istimewa orang Melayu
- Kehidupan menjadi tidak harmoni / sentiasa mempertikai /buruk sangka
- Kesannya menjejaskan perpaduan / menggugat pembangunan ekonomi/ boleh mencetuskan huru-hara

T4 BAB 10 PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

Soalan Objektif

1. Maklumat berikut merujuk kepada takrif kemerdekaan.

Kebebasan merangkumi kebebasan berfikir, bertindak daripada politik penindasan dan rejim autokratik

Siapakah yang mengutarakan definisi tersebut? ms 235

A Tun Dr Mahathir Mohamad
B Tunku Abdul Rahman
C Mahatma Gandhi
D Soekarno

2. Apakah maksud kemerdekaan menurut tokoh berikut? ms 234

Nelson Mandela

A Kebebasan untuk berfikir dan bertindak
B Merangkumi politik, ekonomi dan moral
C Pertempuran terhadap sistem yang menindas
D Menyayangi dan sanggup berkorban untuk negara

3. Gambar menunjukkan bendera Persekutuan Tanah Melayu.

Siapakah pencipta bendera tersebut? ms 236

A Ismail Bontak
B Tahir Abdul Majid
C Yaacob Abdul Latiff
D Mohamed Hamzah

4. Maklumat berikut merujuk kepada peristiwa yang berlaku di negara kita pada tahun 1957.

• Gaji kakitangan awam diberi seminggu awal • Kursus protokol pegawai kerajaan

Mengapakah keadaan tersebut berlaku? ms 237

A Persediaan menyambut merdeka
B Pengisytiharan Malayan Union
C Pembukaan sidang parlimen
D Pertabalan Yang di-Pertuan Agong

5. Apakah yang dapat dibuktikan daripada peristiwa tersebut? ms238

Bendera Union Jack diturunkan

A Perasmian Stadium Merdeka
B Berakhirnya pentadbiran British
C Kemenangan Jepun di Tanah Melayu
D Pendudukan komunis di Asia Tenggara

6. Di manakah peristiwa bersejarah berikut diadakan? ms 24

A Banda Hilir, Melaka
B Stadium Merdeka
C Dataran Merdeka
D Kelab Sultan Sulaiman

7. Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintaha yang diamalkan di negara kita.

Pemimpin dipilih melalui proses pilihan raya

Apakah manfaat daripada cara tersebut? KBAT

I Mendapat pengiktirafan luar
II Memantapkan institusi beraja
III Memelihara hak bersuara rakyat
IV Memastikan kewibawaan pemerintah

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

8. Rajah berikut berkaitan dengan bentuk pentadbira kerajaan Malaysia.



X ialah ms 242

A Republik
B Autokrasi
C Monarki Mutlak
D Demokrasi Berparlimen

9. Negara kita mengamalkan sistem pemerintahan Demokra Berparlimen.
Bagaimanakah pemimpin dipilih melalui sistem ini? ms 24

A Mendapat pengiktirafan luar
B Pelantikan parti politik
C Melalui pilihan raya
D Kelulusan mahkamah

10. Kedaulatan merujuk kepada kuasa tertinggi dan beb daripada kongkongan luar.
Apakah ciri sebuah negara berdaulat? ms 246-247

I Wilayah pengaruh
II Lambang kebangsaan
III Pengiktirafan negara luar
IV Menganggotai pertubuhan dunia

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Soalan Struktur

1 Tanggal 31 Ogos 1957 merupakan peristiwa yang amat bermakna bagi rakyat Malaysia di mana negara kita secara rasmi telah menjadi sebuah negara yang merdeka.

(a) Apakah maksud merdeka?

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan peranan Jawatankuasa Persediaan Fizikal bagi menyambut kemerdekaan negara.

SCAN ME!

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Baca petikan berikut.

> Antara hikmah yang dikecapi dari kemerdekaan adalah kualiti hidup yang lebih baik dari segi pembangunan, pendidikan, ekonomi dan keselamatan. Melalui kemerdekaan, negara dapat dibangunkan dengan pelbagai kemudahan yang dapat meningkatkan taraf hidup serta memberikan keselesaan kepada rakyat.
>
> Sumber ubahsuai: Harian Metro.com.my

Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, bagaimanakah kita dapat mengekalkan kemakmuran tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

NOTA EKSTRA: 10.4 - KESAN KEMERDEKAAN TERHADAP NEGARA KITA

POLITIK	PERINGKAT ANTARABANGSA	EKONOMI
- Institusi beraja wajar dipertahan demi kedaulatan negara

NOTA EKSTRA: KUASA DAN PERANAN KEHAKIMAN YDPA

1. Kuasa Kehakiman	2. Kuasa Pengampunan
• Melantik hakim Mahkamah Atasan – Ketua Hakim Negara / Presiden Mahkamah Rayuan / Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah / Hakim Mahkamah Persekutuan / Hakim Mahkamah Rayuan / Hakim Mahkamah Tinggi.	• Pesalah jenayah di Wilayah Persekutuan, boleh memohon keampunan daripada Yang di-Pertuan Agong • Baginda bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan • Baginda berkuasa mengampun / menangguh / meringan hukuman yang dijatuhkan Mahkamah Tentera / Mahkamah Syariah di Melaka / Pulau Pinang / Sabah / Sarawak / Wilayah Persekutuan

Soalan Esei

4 Negara kita mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

(a) Apakah yang anda faham dengan sistem Raja Berperlembagaan?

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(b) Jelaskan amalan Demokrasi Berparlimen di negara kita.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(c) Baca petikan berikut.

> Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen apabila difahami, dihayati dan diamalkan, berupaya menjadi sauh membantu mewujudkan kerajaan yang stabil, kerajaan yang mengamalkan budaya tadbir urus yang telus dan terpuji, kerajaan yang mendapat keyakinan, penerimaan dan sokongan rakyat.
> Institusi beraja berupaya dan bersedia memenuhi tanggungjawab untuk membina keyakinan ketika rakyat sedang dilambung gelombang krisis keyakinan dengan memenuhi peranan mekanisme semak dan imbang, demi memastikan berlakunya keadilan; memberikan jaminan bahawa setiap warga berkedudukan sama di sisi undang-undang, memastikan perlembagaan diluhurkan dan undang-undang didaulatkan.
>
> Sumber Diubah suai: www.bharian.com.my

Mengapakah sistem tersebut mesti dipertahankan?
Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(a) ms 46

- Pemerintahan beraja mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan
- Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf peranan institusi beraja
- Terdapat tiga institusi beraja
- Majlis Raja-Raja
- Institusi beraja di negeri-negeri
- Institusi Yang di-Pertuan Agong di peringkat Persekutuan

(b) ms 50-55

- **Amalan pilihan raya**
  - Mendapatkan mandat rakyat untuk memerintah / membentuk kerajaan
  - Warganegara yang layak memilih pemimpin untuk mencorakkan pemerintahan
  - Parlimen mengandungi perwakilan dipilih rakyat
- **Kebebasan asasi**
  - Kebebasan diri
  - Kebebasan beragama
  - Hak berkenaan Pendidikan
  - Kebebasan bersuara / berhimpun / berpersatuan
- **Pengasingan kuasa pemerintahan**
  - Badan perundangan / eksekutif / kehakiman
  - Parlimen / PM / Jemaah Menteri / Mahkamah
  - Gubal undang-undang / laksana dasa / laksana keadilan
  - Semak dan imbang dalam pemerintahan

(c) KBAT

- Mewujudkan kerajaan yang stabil telus / diterima rakyat
- Mewujudkan mekanisme semak da imbang dalam pemerintahan
- Institusi beraja mampu meredaka krisis dalam pemerintahan demokrasi
- seperti perbalahan parti politik / konfli perkauman dalam masyarakat.
- Mewujudkan keadilan kepada rakyat
- Memastikan keluhuran perlembagaan kedaulatan undang-undang
- Kombinasi unsur tradisional da moden dalam pentadbiran
- Mewujudkan pentadbiran unik / unggu
- Pemerintahan berdasarkan acua tersendiri / pembinaan bangsa da negara.

SCAN ME!

NOTA EKSTRA: 3.5 KEUNIKAN AMALAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

Gabungan unsur tradisional dan moden	Mekanisme semak dan imbang	Kuasa budi bicara raja	Kerjasama politik
• Pemenntahan beraja warisan sosiopolitik Melayu • Demokrasi Berperlimen berdasar model Westminster • Kombinasi terbaik dalam sosiopolitik kepelbagaian bangsa /agama / budaya	• Pemerintahan beraja mengimbangi amalan demokrasi • Meredakan krisis politik • Pengasingan kuasa dalam pemerintahan; perundangan, eksekutif dan kehakiman	• Kuasa raja tanpa perlu mendengar kerajaan • YdPA peringkat Persekutuan / • Raja / YdPN peringkat negeri • Perlantikan PM / MB / KM • Memperkenan / tidak memperkenan pembubaran Parlimen / DUN	• Berkongsi kuasa berdasarkan tolak ansur / perundingan / permuafakatan • Gabungan parti politik membentuk kerajaan • Perikatan / Barisan Nasional / Pakatan Harapan

T5 BAB 4 SISTEM PERSEKUTUAN

Soalan Objektif

1. Negara kita mengamalkan sistem Persekutuan.
Apakah ciri sistem tersebut? ms 66

I Penggabungan negeri
II Pembahagian kuasa
III Pemusatan pentadbiran
IV Pembentukan satu kerajaan

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

2. Jadual berikut berkaitan perkembangan sistem pentadbiran Persekutuan di negara kita.

Tahun	Pentadbiran
1896	Pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
1927	Penstrukturan Majlis Perundangan Persekutuan
1946	Penubuhan Malayan Union

Apakah kepentingan pembentukan sistem tersebut? ms 67

A Menjamin kepentingan British
B Menjalankan dasar dekolonisasi
C Melaksanakan pengasingan kuasa
D Mengukuhkan kedudukan Raja-raja Melayu

3. Pilih padanan yang betul berkaitan pentadbiran sistem Persekutuan. ms 67

	Pentadbiran	Ketua Persekutuan
A	Negeri-negeri Melayu Bersekutu	Residen Jeneral
B	Malayan Union	Pesuruhjaya Tinggi
C	Persekutuan Tanah Melayu 1948	Gabenor
D	Persekutuan Malaysia	Yang di-Pertuan Agong

4. Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan
Manakah antara berikut perkara yang terletak di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan? ms 69

I Pelajaran
II Pertahanan
III Kerajaan Tempatan
IV Undang-undang Islam

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

5. Jadual berikut berkaitan kuasa yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan		
Senarai Persekutuan	Senarai Negeri	**Senarai X**

Apakah perkara terletak di bawah Senarai **X**? ms 70

A Undang-undang Islam
B Hal ehwal tanah
C Perumahan
D Pelajaran

6. Pentadbiran berikut berkaitan Kerajaan Tempatan.

- Majlis Bandaraya
- Majlis Perbandaran
- Majlis Daerah

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, di bawah senarai apakah pentadbiran tersebut diwartakan? ms 71

A Senarai Negeri
B Senarai Bersama
C Senarai Persekutuan
D Senarai Tambahan

7. Apakah agensi ditubuhkan untuk melaksanakan pembangunan tanah berikut? ms 72

Menyatu dan memulihkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar

A FELDA
B SCORE
C FELCRA
D ECER

8. Pembangunan sosioekonomi melibatkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dangan Kerajaan Negeri.
Bagaimanakah agensi Persekutuan berikut melaksanakan kerjasama tersebut? ms 72

- Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
- Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)
- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)

A Memajukan industri desa
B Memulihkan tanah terbiar
C Memfokus pembinaan prasarana
D Melaksanakan pembangunan wilayah baru

9. Bagaimanakah mengatasi masalah berikut berdasarkan Perlembagaan Persekutuan? ms 80

Masalah
Undang-undang Negeri tidak selaras dengan undang-undang Persekutuan

A Undang-undang di bawah Ordinan Darurat digubal
B Undang-undang yang digubal Parlimen digunapakai
C Undang-undang di bawah Senarai Bersama dirujuk
D Undang-undang yang diluluskan Dewan Undangan Negeri dikuatkuasa

10. Manakah antara berikut, Majlis Negara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan? ms 81

I Majlis Tanah Negara
II Majlis Kewangan Negara
III Majlis Keselamatan Negara
IV Majlis Perumahan Negara

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Soalan Struktur

1 Dalam perspektif pentadbiran, Malaysia mengamalkan sistem Persekutuan yang memperuntukkan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta Kerajaan Tempatan.

(a) Apa yang anda faham tentang Kerajaan Tempatan?

.....

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bagi mengukuhkan sistem Persekutuan.

SCAN ME!

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Prinsip "Keluhuran Perlembagaan" mengukuhkan sistem Persekutuan di negara kita.
Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Sistem Persekutuan

- Penyatuan beberapa negeri
- Membentuk negara bersekutu
- Kerajaan Persekutuan (Pusat) / Kerajaan Negeri
- Pembahagian kuasa pentadbiran

(a) ms 71

- Kerajaan peringkat ketiga
- Pihak Berkuasa Tempatan / PBT
- Mentadbir kawasan tempatan
- DI bawah kuasa Kerajaan Negeri
- Perantara Kerajaan Negeri dengan rakyat
- Beri perkhidmatan kepada penduduk setempat /pembersihan / baiki jalan
- Fungsi berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]

(b) ms 80-81

- Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri
  - DiPengerusi PM / dihadiri MB / KM
  - Bincang dasar kerajaan
- Majlis Negara berdasarkan Perlembagaan Persekutuan
  - Majlis Kewangan Negara / Majlis Tanah Negara / Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan
- Majlis ditubuhkan kerajaan
  - Majlis Keselamatan Negara / Majlis Perumahan Negara/ Majlis Air Negara

(c) KBAT

- **Perlembagaan Persekutuan (PP) undang-undang tertinggi negara**
  - Undang-undang digubal Parlimen / DUN tidak boleh bertentangan PP
  - Parlimen dan DUN tidak boleh menggubal undang-undang yang bercanggah satu sama lain
  - PP menjadi rujukan apabila berlaku ketidakselarasan undang-undang Persekutuan dengan Negeri
  - Undang-undang Persekutuan mengatasi undang-undang Negeri
  - Semua peringkat kerajaan menghormati keluhuran perlembagaan

SCAN ME!

NOTA EKSTRA: 4.1 - LATAR BELAKANG SISTEM PERSEKUTUAN

Persekutuan 1896 (NNMB)	Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927	Malayan Union 1946	Persekutuan Tanah Melayu 1948	Persekutuan Tanah Melayu 1957	Persekutuan Malaysia 1963
• Gabung 4 negeri Melayu • Tiada agihan kuasa • Residen Jeneral berkuasa	• MMP distruktur semula • Perkemas pentadbiran • Kukuhkan kedudukan British	• Penyatuan semua negeri Melayu dan 2 NNS • Berbentuk kesatuan • Diketua Gabenor British • Ditentang Raja dan orang Melayu	• Gabungan 9 negeri Melayu dan 2 NNS • Pengagihan kuasa KP dan KN • Diketuai Persuruhjaya Tinggi British • Raja Melayu memerintah negeri	• PTM merdeka • Kerajaan Persekutuan kuat • YdPA sebagai ketua Persekutuan • Raja Berperlembagaan / Demokrasi Berparlimen	• Gabungan 11 negeri Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah • Berdasarkan Perjanjian Malaysia

JAWAPAN OBJEKTIF T5 BAB : 4	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	A	A	D	A	C	A	C	D	B	A

Soalan Struktur

2 Jadual berikut berkaitan kawasan keselamatan khas di Sarawak dan Sabah.

Pemerintahan Keselamatan Daerah Rajang (RASCOM)	Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM)
Bahagian Ketiga Sarawak	10 daerah di Pantai Timur Sabah

(a) Nyatakan faktor pengenalan kawasan keselamatan khas berikut:

(i) RASCOM:

.....

(ii) ESSCOM:

.....

[2 *markah*]

(b) Pembentukan RASCOM dan ESSCOM berjaya menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.
Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Teliti maklumat berikut.

Strategi Memelihara Teras Negara
Pernyataan Strategi 32: Mempertingkat Ketahanan Rakyat. Tanggungjawab menjaga keselamatan rakyat tidak hanya terletak kepada entiti Kerajaan. Penglibatan rakyat adalah penting sebagai sebahagian dari keupayaan Malaysia memelihara kedaulatan, keamanan dan kemakmurannya. Melalui pengukuhan tindakan di peringkat komuniti serta memperkukuh program dan aktiviti kesukarelawanan, ketahanan rakyat dapat dibentuk untuk saling berganding bahu memelihara negara. Sumber: Dasar Keselamatan Negara 2021-2025, Majlis Keselamatan Negara

Bagaimanakah strategi di atas dapat menjamin keselamatan negara Malaysia?
Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

RASCOM dan ESSCOM

Pentadbiran ESSCOM di Pantai Timur Sabah

Pentadbiran RASCOM di Bahagian Ketiga Sarawak

(a) *ms 78-79*

(i) Ancaman pihak komunis
(ii) Ancaman pengganas Sulu / pencerobohan di Lahat Datu

(b) *ms 78-79*

- RASCOM kembalikan keamanan di Bahagian Ketiga / tengah Sarawak
  - Berjaya membanteras ancaman komunis / Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU)
  - Tahun 1995 RASCOM dibubar
  - Operasi keselamatan di Sarawak diambil alih oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- ESSCOM pulihkan ketenteraman di pantai timur Sabah
  - Mengintergrasi agensi keselamatan / ATM / PDRM / APMM
  - Berjaya banteras ancaman pengganas dari Kepulauan Sulu
  - Tangangani ancaman jenayah rentas sempadan

(c) *KBAT*

- Strategi mempertingkatkan ketahanan rakyat
  - Penglibatan rakyat bersama entiti kerajaan
  - Memelihara kedaulatan / keamanan / kemakmuran
  - Memperkukuh aktiviti peringkat komuniti
  - Kegiatan kesukarelawanan / program khidmat masyarakat
  - Berganding bahu mempertahankan negara
  - Melahirkan rakyat patriotik / bertanggungjawab
  - Membentuk perpaduan rakya / memupuk rasa kekitaan

SCAN ME!

NOTA EKSTRA: 4.2 - KUASA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI

Senarai Persekutuan	Senarai Negeri	Senarai Bersama
• Perkara **Parlimen** berkuasa menggubal undang-undang bagi seluruh **Malaysia** • Contoh: Pertahanan / kehakiman / pelajaran / Kewangan / pengangkutan	• Perkara **DUN** berkuasa menggubal undang-undang untuk **negerinya** • Contoh: Undang-undang Islam / tanah / kerajaan tempatan / Hari kelepasan negeri	• Perkara **Parlimen** dan **DUN** menggubal undang-undang untuk **perkara yang sama** • Contoh: Kebajikan awam / biasiswa / perumahan / kebudayaan dan sukan /
• Kerajaan Persekutuan diberikan kuasa lebih besar - mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat, menjamin kestabilan / kemakmuran negara / meliputi skop kepentingan nasional dan merangkumi semua aspek perkhidmatan		

Soalan Esei

3 Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Senarai Bersama. Hubungan ini telah mewujudkan kerjasama dalam pelbagai aspek untuk pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

(a) Apa yang anda faham berkaitan Senarai Bersama?

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(b) Jelaskan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam aspek berikut:

SCAN ME!

(i) Pembangunan sosioekonomi

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(ii) Pemuliharaan khazanah negara

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Baca petikan berikut.

> Kejayaan dan pencapaian program perumahan di Malaysia sejak merdeka sering dijadikan rujukan oleh banyak negara membangun lain. Dalam usaha kerajaan untuk memastikan rakyat di negara ini mampu untuk memiliki rumah, pelbagai strategi dan langkah telah diambil oleh pihak kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri.
>
> Sumber: Dasar Perumahan Negara. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jelaskan maklumat dalam petikan tersebut dan huraikan strategi kerajaan bagi menjayakan program tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(a) ms 70

- Parlimen dan DUN menggubal *undang-undang* untuk perkara yang sama
- Jika bercanggah perkara Senarai Bersama, undang-undang digubal Parlimen dipatuhi
- Contoh,Kebajikan awam / Biasiswa / Perlindungan haiwan liar dan taman negara / Perancangan bandar dan luar bandar / Kebudayaan dan sukan / Perumahan.

(b) ms 72-73

(i) **KP menubuhkan agensi Persekutuan**
- Beri bantuan kewangan / kepakaran
- KN menyediakan tanah

- **Pembangunan Tanah**
- FELDA / buka tanah baharu
- FELCRA / pulih tanah negeri yang terbiar

- **Pembangunan wilayah**
- Bangunkan kawasan baru
- KEDA / KESEDAR / PERDA / KETENGAH

- **Pembangunan Koridor Wilayah**
- Bangunkan negeri / wilayah kurang pesat
- Seimbangkan pembangunan negeri wilayah
- SJER / NCER / ECER / SCORE / SDC

(ii) **Pengurusan Taman Negara**
- Akta Perlindungan Hidupan Liar / Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysa
- Melindungi taman negara di Semenanjung Malaysia
- Perbadanan Perhutanan Sarawak urus taman negara di Sarawak
- Jabatan Hidupan Liar sabah urus taman negara di Sabah

- **Pengurusan Taman Laut**
- KP mewartakan 42 pulau sebagai Taman Laut
- Menubuhkan Majlis Penasihat Pusat Kebangsaan Taman Laut dan Rizab Laut / Jabatan Taman Laut Malaysia
- Taman-Taman Sabah melindungi hidupan marin di Sabah

(c) ms 76-77

- **Maklumat:**
- Program perumahan Malaysia mencapai kejayaan sejak merdeka
- Menjadi rujukan negara lain
- Kerajaan pastikan rakyat mampu miliki rumah
- Pelbagai strategi telah dilaksanakan
- **Strategi kerajaan**
- Perumahan awal merdeka /
- KP menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan
- KN menyediakan tanah untuk membina rumah kos rendah
- Perumahan atasi kemiskinan rakyat / berpendapatan rendah
- KP melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR)
- KN menubuhkan agensi pembangunan negeri / memperkenalkan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)
- Penyediaan rumah mampu milik
- Majlis Perumahan Negara / menyediakan perumahan golongan pertengahan
- PRIMA / Rumah Mesra Rakyat

T5 BAB 5 PEMBENTUKAN MALAYSIA

Soalan Objektif

1. Rajah berikut berkaitan idea awal wilayah yang akan membentuk Persekutuan Malaysia.

Idea awal Persekutuan Malaysia → • Tanah Melayu • Sarawak • Sabah • Singapura • Brunei

Mengapakah British menyokong penggabungan wilayah tersebut? ms 93

I Mengawal kemasukan imigran
II Membendung pengaruh komunis
III Melaksana proses dekolonisasi
IV Mengekalkan sistem pemerintahan beraja

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2. Apakah tujuan penubuhan Parti Perikatan Sarawak pada tahun 1962? ms 95

A Membasmi ancaman komunis
B Menyokong gagasan Malaysia
C Meningkatkan taraf hidup peribumi
D Menentang Kesatuan Negeri-negeri Borneo

3. Mengapakah penduduk Sabah menolak cadangan pembentukan Malaysia pada peringkat awal? ms 96

A Menlindungi kepentingan pelabur
B Mengelakkan ancaman Filipina
C Mengekalkan pentadbiran British
D Mempertahan pentadbiran tradisional

4. Jadual berikut berkaitan pemimpin Parti Rakyat Brunei.

Tokoh	A. M. Azhari
Tahun	1962
Tindakan	Menentang cadangan pembentukan Malaysia

Mengapakah tokoh tersebut bertindak sedemikian? ms 97

A Menuntut kemerdekaan
B Menghalang penjajahan Barat
C Mempertahan hak pemerintah
D Menggugat kemajuan perdagangan

5. Jawatankuasa berikut ditubuhkan pada bulan Julai 1961.

Jawatankuasa	Pengerusi
Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia	Donald Stephens

Apakah peranan jawatankuasa tersebut terhadap pembentukan Malaysia? ms 99

A Merangka perlembagaan negara
B Menetapkan tarikh pilihan raya umum
C Meyakinkan penduduk tentang gagasan
D Merintis kerjasama pelbagai parti politik

6. Mengapakah Suruhanjaya Cobbold penting dalam menjayakan pembentukan Malaysia? ms 100

A Mengukuhkan kuasa British
B Menggalakkan penubuhan Parti Perikatan
C Memujuk Singapura menyertai persekutuan
D Menilai sokongan rakyat Sabah dan Sarawak

7. Rajah berikut berkaitan usaha pembentukan Persekutuan Malaysia.



Apakah X? ms 102

A Suruhanjaya Reid
B Jawatankuasa Eksekutif
C Referendum Singapura
D Majlis Perundingan Persekutuan

8. Jadual berikut berkaitan jawatankuasa yang ditubuhkan Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu (PBB)

Jawatankuasa	Tarikh	Pengerusi
United Nations Malaysia Mission	12 Ogos 1963	Laurence Michelmore

Apakah kesan penubuhan jawatankuasa tersebut? ms 104

A Konfrontasi ditamatkan
B Pembentukan Malaysia diiktiraf
C Penghantaran pegawai pemerhati
D Kekacauan di Brunei tercetus

9. Jadual berikut menerangkan tentang hubungan tegang antara Malaysia dan Indonesia. ms 106

Tarikh	20 Januari 1963
Peristiwa	Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia
Dasar	Ganyang Malaysia

Apakah tindakan Indonesia semasa peristiwa tersebut?

A Menceroboh negara
B Menghantar bantahan rasmi
C Menghentikan penghantaran buruh
D Menutup sempadan negara

10. Apakah kesan peristiwa berikut terhadap negara kita? ms 109

Tahun	Peristiwa
1965	Jeneral Suharto mengambil alih kuasa pemerintahan daripada Presiden Soekarno

A Sistem beraja dihapuskan
B Hubungan diplomatik terputus
C Pakatan tentera dibentuk
D Dasar konfrontasi berakhir

Soalan Struktur

1 Idea pembentukan Malaysia dikemukakan pada akhir abad ke-19 oleh pihak British dan penduduk tempatan.

(a) Nyatakan idea pegawai British berikut:

(i) Sir Malcolm MacDonald

.....

.....

[1 *markah*]

(ii) Sir Gerald Templer

.....

.....

.....

[1 *markah*]

(b) Gagasan Malaysia ialah konsep yang menggabungkan beberapa bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara dalam satu sistem pentadbiran dan ekonomi yang melibatkan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei.

Mengapakah penggabungan tersebut dianggap rasional?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Konsep Melayu Raya yang diperjuangkan oleh nasionalis seperti Ibrahim Haji Yaakob mengemukakan idea penggabungan Tanah Melayu dan Indonesia.

Wajarkah cadangan tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

NOTA EKSTRA:

5.2 - PERKEMBANGAN IDEA DAN USAHA PEMBENTUKAN MALAYSIA

Idea Pegawai British	Idea Penduduk Tempatan
1.Lord Brassey • Gabung Sarawak, Sabah, Negeri-Negeri Melayu, dan Negeri-Negeri Selat. • Potensi ekonomi 2. Malcolm MacDonald • Gabung tanah jajahan British di AT untuk membentuk entiti politik dan ekonomi / dasar dekolonisasi 3. Gerald Templer • Kukuh pertahanan dan keselamatan 4.Geofroy Tory - Kepentingan ekonomi	1. Majalah Al-Imam • Penyatuan raja dan orang Melayu / pendidikan dan ekonomi Alam Melayu 2. Tunku Abdul Rahman • Singapura, Sarawak, Sabah sertai PTM untuk merdeka 3. Ibrahim Haji Yaakob • Konsep Melayu Raya dengan gabung TM dan Indonesia/ gagal / Indonesia merdeka tanpa TM

(a) *ms 91 - 92*

(i) Penggabungan tanah jajahan British / membentuk entiti politik dan ekonomi /tujuan dekolonisasi

(ii) Penggabungan Tanah Melayu dalam wilayah Borneo / tujuan pertahanan dan keselamatan

- Penggabungan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei menyertai PTM

(b) *ms 93*

- Ancaman keselamatan / membendung ancaman komunis di Singapura dan Sarawak/ Menggugat kestabilan politik serantau/ kukuhkan pertahanan
- Mempercepat kemerdekaan / realisasikan dekolonisasi / Sabah, Sarawak
- Pembangunan wilayah / meningkatkan taraf hidup peribumi / pembangunan infrastruktur, sosial dan ekonomi seimbang
- Keseimbangan komposisi penduduk / kesan kemasukan Singapura / antara Melayu dan Cina / masukkan Sabah, Sarawak dan Brunei seimbangkan komposisi

(c) *KBAT*

Tidak wajar

- Isu pentadbiran
- Wilayah terlalu besar/ sukar ditadbir / ketidakcekapan berbeza asas pentadbiran Tanah Melayu dijajah British Indonesia dijajah Belanda
- Kesannya membawa persaingan kuasa antara pemimpin / parti politik / menggugat kestabilan politik

Wajar

- Kerjasama ekonomi
- Sumber kekayaan / hasil bumi seperti timah, minyak membentuk pasaran yang luas buruh ramai
- Kesannya mempercepat pembangunan / menjadi kuasa ekonomi serantau

Pembentukan Malaysia
16 September 1963

Soalan Struktur

2 Tunku Abdul Rahman mengumumkan pembentukan Malaysia pada 27 Mei 1961. Pembentukan Malaysia mendapat reaksi daripada pemimpin dan penduduk wilayah terlibat.

(a) Namakan parti yang menyokong pembentukan Malaysia di wilayah berikut:

(i) Sarawak

.....

[1 *markah*]

(ii) Sabah

.....

[1 *markah*]

(iii) Singapura

.....

[1 *markah*]

(b) Mengapakah terdapat penentangan pemimpin dan penduduk tempatan terhadap gagasan Malaysia?

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(c) Teliti petikan berikut.

> Penubuhan Malaysia sebenarnya bukan sahaja dapat menyatupadukan rakyat, malahan telah membentuk satu rumpun bangsa yang bersatu padu dalam satu acuan yang besar iaitu Malaysia. Tidak keterlaluan jika dikatakan Malaysia telah dijadikan contoh oleh negara maju sebagai sebuah negara yang berjaya menguruskan perpaduan kaum.
>
> Sumber : news.ump.edu.my

Jelaskan kejayaan pembentukkan Malaysia sehingga dijadikan contoh negara maju.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(a) *ms 95 - 97*

(i) Sarawak: BERJASA, PANAS, PESAKA, SCA, Parti Perikatan
(ii) Sabah: UNKO, USNO, Sabah Alliance
(iii) Singapura: PAP / Parti Buruh

(b) *ms 95 - 97*

- Di Sabah / merdeka berasingan / membentuk Kesatuan Negeri – negeri Melayu Borneo yang merdeka / menganggap TM asing / pemimpin perlu sesuaikan diri / jarak jauh
- Singapura / Barisan Sosialis anggap penjajahan baharu / pandangan rakyat perlu
- Sarawak SUPP
- Brunei / Parti Rakyat Brunei / A.M Azahari / berminat gabung Brunei, Sarawak, Sabah dan Kalimantan Utara. Anggap British kukuhkan pengaruh /menguasai ekonomi dan jamin keselamatan / bimbang Brunei hilang kekayaan
- Membentuk Barisan Bersatu menentang / SUPP, Parti Rakyat Brunei / UNKO (kemudiannya menyokong)

(c) *KBAT*

- Diiktiraf kerana kejayaan mengurus perpaduan
- Membentuk satu rumpun bangsa Malaysia dalam satu acuan besar
- Hidup bersatu padu walaupun berbilang kaum
- Contoh etnik Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan.
- Pelbagai agama dan budaya
- Saling memahami dan harmoni
- Kesannya negara dan rakyat hidup aman dan makmur

Manfaat penubuhan Malaysia

NOTA EKSTRA: REAKSI NEGARA JIRAN

Filipina	Indonesia	Thailand
• Presiden Macapagal menentang • Menuntut wilayah Sabah • Tuntutan di bawah Kerajaan British	• Awal tidak menentang • Dr.Muhammad Hatta mengalukan penubuhan	• Menerima idea • Dapat membawa keamanan rantau Asia Tenggara

JAWAPAN OBJEKTIF T5 BAB : 5	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	C	B	C	B	C	D	C	B	A	D

Soalan Struktur

3 Rajah berikut menunjukkan langkah pembentukan Malaysia.

(a) Nyatakan tujuan langkah berikut:

(i) Lawatan

.....

[1 *markah*]

(ii) JSKM

.....

[1 *markah*]

(iii) Referendum Singapura

.....

[1 *markah*]

(b) Penubuhan Suruhanjaya Cobbold bukti pembentukan Malaysia dibuat dengan persetujuan rakyat.

Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(c) JAK bertujuan menyediakan rangka perlembagaan dan melindungi kepentingan penduduk Sabah dan Sarawak.
Berikan ulasan anda?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

NOTA EKSTRA: 5.5 - INTI PATI PERJANJIAN MALAYSIA

a.Tarikh pembentukan Malaysia 31 Ogos 1963
b. Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli persekutuan
c. Kedaulatan untuk Sarawak, Sabah dan Singapura
d. Sarawak dan Sabah tubuh kabinet negeri
e. Kerusi parlimen Sarawak (24), Sabah (16), Singapura (15)
f. Kaum bumiputera di Sarawak / Sabah sama taraf dengan orang Melayu
g. Islam agama rasmi persekutuan kecuali Sarawak dan Sabah
h. Bahasa Melayu bahasa rasmi persekutuan, bahasa Inggeris digunakan di Sarawak dan Sabah
i. Sistem pendidikan di bawah persekutuan tetapi dikekalkan di bawah Sarawak dan Sabah
j. Kuasa imigresen di bawah persekutuan, Sabah dan Sarawak diberi kuasa

(a) ms 98 - 102

(i) **Lawatan**
- Tunku Abdul Rahman melawat Sabah, Sarawak, Brunei
- Meninjau dan bertemu pemimpin tempatan
- Terangkan rancangan penubuhan Malaysia / memberi gambaran
- Lawatan pemimpin Sarawak, Sabah ke PTM untuk meninjau kemajuan PTM

(ii) **JSKM**
- Meyakinkan penduduk
- Sediakan ruang perbincangan / kumpulkan pandangan / sebarkan maklumat / mempercepatkan penubuhan Malaysia

(iii) **Referendum Singapura**
- Mendapat persetujuan penduduk Singapura
- Keputusannya, rakyat Singapura setuju bergabung

(b) ms 100 -101

- Suruhanjaya meninjau pandangan rakyat sebelum penubuhan Malaysia
- 2/3 penduduk menyokong dan
- Mengesyorkan agar perlembagaan PTM dijadikan asas perlembagaan baru
- Mencadangkan kuasa autonomi / jaminan khas Sarawak dan Sabah
- Tidak boleh dipinda atau dibatalkan kerajaan PTM

(c) KBAT

- Merangka perlembagaan
- Mengusulkan 18 perkara bagi Sarawak dan 20 perkara bagi Sabah
- Untuk dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan
- Bagi menjamin hak dan kepentingan rakyat Sarawak dan Sabah
- Termasuk jawapan daripada **Nota Ekstra** inti pati Perjanjian Malaysia di bawah **(e hingga j)**

Soalan Esei

4 Pada 20 Januari 1963, Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia mengisytiharkan konfrontasi terhadap Malaysia.

(a) Jelaskan konfrontasi Indonesia berdasarkan aspek berikut:

(i) Faktor konfrontasi

.....

.....

[3 *markah*]

(ii) Peristiwa konfrontasi

.....

.....

[3 *markah*]

(b) Bagaimanakah Malaysia mengatasi konfrontasi tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

[6 *markah*]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

> Kelebihan diplomasi ini membolehkan Malaysia mengharungi cabaran Konfrontasi. Kekuatan ketenteraan Malaysia ketika itu tidak setanding Indonesia. Selain bergantung kepada bantuan Komanwel, Malaysia membalas serangan Indonesia melalui "diplomatic blitz". Tun Razak dengan tungkus lumusnya melawat berpuluh-puluh negara Afrika dan Asia dari 1963 hingga 1965 untuk dapatkan sokongan terhadap Malaysia. Atas usaha diplomasi itu, propaganda Indonesia bahawa Malaysia ialah sebuah "projek neokolonial" berjaya dipatahkan. Malaysia diterima oleh komuniti antarabangsa dan dilantik sebagai anggota Majlis Keselamatan PBB untuk tahun 1965, menjadi negara Asia Tenggara kedua selepas Filipina
>
> Sumber: https://www.thepatriots.asia

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara sekiranya langkah diplomatik tidak dilaksanakan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

NOTA EKSTRA: MISI PBB

- Penubuhan jawatankuasa **United Nations Malaysia Mission**
- Diketuai Laurence Michelmore. Membuat tinjauan semula di Sarawak dan Sabah
- Pengumuman Malaysia 31 Ogos 1962 ditangguhkan. Laporan PBB lewat dikeluarkan. Laporan membuktikan pembentukan Malaysia diterima penduduk Sarawak dan Sabah

(a) ms 106 - 107

(i)
- Alasan mengancam kedudukan Indonesia
- PKI tuduh Malaysia neokolonialisme
- Kenyataan Tunku Indonesia terlibat dalam pemberontakan Brunei

(ii)
- Melancarkan Ganyang Malaysia/
- Serangan gerila di Sarawak /Johor
- Pendaratan tentera
- Berbalas tembakan di Tebedu, Sarawak / Kalabakan, Sabah / Labis, Johor
- Memutuskan hubungan diplomatik

(b) ms 108 – 109

- Pendekatan diplomasi
- Isu serangan dibawa ke Majlis Keselamatan PB8
- PBB hantar C.V Narasimhan untuk berunding dengan Indonesia dan PTM
- Menghadiri persidangan di Manila
- Diwakili Muhammad Ghazali Shafie
- Pertemuan di Tokyo, Tunku dan Soekamo / terangkan tujuan penubuhan Malaysia
- Mesyuarat Menteri Luar di Manila mencari penyelesaian Konfrontasi / Tun Abdul Razak dan Dr Subandrio
- Tunku Abdul Rahman, Soekarno, Macapagal bermesyuarat di Manila bersetuju setelah PBB membuat penilaian terhadap Sabah dan Sarawak.
- Persidangan di Bangkok
- Perundingan Menteri Luar untuk penamatan konfrontasi

(c) KBAT

- **Malaysia menggunakan diplomatik** untuk mengatasi konfrontasi/ tiada kekuatan tentera berbanding Indonesia/
- bantuan Komanwel

- Melawat negara Afrika dan Asia/ mendapat sokongan / "projek neokolonial" propaganda Indonesia dipatahkan/ diterima komuniti antarabangsa / Ahli Majlis keselamatan PPB/ tamparan besar Soekarno

- **Kesannya negara terjebak dalam peperangan,** pembangunan/ prasarana musnah/ rakyat terkorban.
- Akibatnya negara luar tidak menyokong/ mengutuk anggap projek neokolonial benar

T5 BAB 6 CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

Soalan Objektif

1. Malaysia telah menghadapi cabaran dalaman selepas pembentukan Malaysia.

   Apakah cabaran tersebut? ms 116

   A Mengukuhkan perpaduan kaum
   B Kekurangan hasil pendapatan
   C Ketiadaan pemimpin berwibawa
   D Menyeragamkan pentadbiran negeri

2. Krisis perlembagaan pada tahun 1966 di Sarawak berlaku apabila ahli Council Negri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Ketua Menteri.

   Apakah kesan krisis tersebut? ms 118

   I Menggugat keamanan
   II Mengancam keselamatan
   III Mencetuskan pergaduhan kaum
   IV Mengadakan pilihan raya negeri

   A I dan II C II dan III
   B I dan IV D III dan IV

3. Apakah faktor yang membawa pemisahan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965? ms 119

   I Konflik antara pemimpin
   II Tuntutan hak sama rata
   III Perbezaan budaya
   IV Ancaman komunis

   A I dan II C II dan III
   B I dan IV D III dan IV

4. Rusuhan kaum berlaku di Singapura pada 21 Julai 1964.

   Mengapakah keadaan tersebut berlaku? ms 119

   A Menolak institusi beraja
   B Menuntut persamaan hak
   C Kekejaman anggota komunis
   D Ketidakseimbangan dalam sosioekonomi

5. Rajah berikut berkaitan kaedah kerajaan menangani ancaman komunis di Sarawak.

   X
   - Menyebarkan risalah
   - Mengisytiharkan kawasan putih
   - Menawarkan pengampunan

   Apakah kaedah X? ms 121

   A Perang saraf
   B Perintah berkurung
   C Pengisytiharan darurat
   D Pembesaran pasukan keselamatan

6. Ancaman komunis di Semenanjung Malaysia pada fasa kedua bermula pada bulan Mei 1969 hingga Disember 1978.

   Apakah ancaman tersebut? ms 124-125

   I Mengambil alih pentadbiran
   II Merobohkan rumah ibadat
   III Mengebom tempat awam
   IV Membunuh anggota keselamatan

   A I dan II C II dan III
   B I dan IV D III dan IV

7. Senarai berikut berkaitan isu pembangunan ekonomi yang dihadapi negara kita selepas pembentukan Malaysia. ms 126

   - Pendapatan petani yang rendah
   - Teknologi pertanian ketinggalan
   - Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah

   Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi isu tersebut?

   A Menetapkan kuota pengeluaran
   B Memperkenal tanaman dagangan
   C Melibatkan kerjasama sektor swasta
   D Mempelbagaikan hasil komoditi negara

8. Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu berikut selepas pembentukan Malaysia. ms 128

   - Peluang pekerjaan terhad
   - Kadar pengangguran tinggi

   A Memperkenalkan industri berat
   B Memperkenal teknologi baru
   C Menubuhkan pusat latihan vokasional
   D Mengawal kemasukan buruh asing

9. Apakah faktor tercetusnya peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969? ms 129

   A Penyelewengan dalam pilihan raya
   B Pergaduhan antara kongsi gelap
   C Kebanjiran pendatang asing
   D Ketidakseimbangan dalam ekonomi

10. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) diberi kuasa memerintah negara semasa darurat dari 16 Mei 1969 hingga 23 Februauri 1971.

    Apakah tanggungjawab majlis tersebut? ms 130

    I Menguruskan pilihan raya
    II Melicinkan sistem pentadbiran
    III Mewujudkan keharmonian kaum
    IV Merangka perlembagaan baharu

    A I dan II C II dan III
    B I dan IV D III dan IV

Soalan Struktur

1 Maklumat berikut berkaitan cabaran ancaman keselamatan selepas pembentukan Malaysia.



(a) Bagaimanakah ancaman tersebut berlaku?

.....

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan usaha kerajaan Malaysia membanteras ancaman tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Pihak kerajaan dan pihak berwajib perlu mengambil tindakan tegas kepada sesiapa sahaja yang cuba menghidupkan kembali PKM ataupun fahaman komunis.

Sumber : Sinar Harian 25 Disember 2019

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(a) *ms 121*

- **PKKU menentang gagasan Malaysia**
- melalui Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) dan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS)
- Ingin membentuk republik komunis di Sarawak
- Melancarkan penentangan bersenjata terhadap orang awam
- **PKM mengancam keselamatan**
- Membunuh anggota pasukan keselamatan / orang awam
- Menembak mati Ketua Polis Negara / Ketua Polis Perak
- Sabotaj kemudahan awam
- Mengebom Tugu Negara

(b) *ms 125*

- Melaksanakan strategi COIN / Perang Saraf
- Memenangi hati dan fikiran rakyat
- Tawaran pengampunan
- Melancarkan operasi ketenteraan
- Operasi Hammer /Operasi Jala Raja / Operasi Sri Aman di Sarawak
- Mengadakan perjanjian
- Menandatangai memorandum persefahaman di Rumah Sri Aman
- Perjanjian kerjasama sempadan dengan Thailand melalui Perjanjian Hat Yai

(c) *KBAT*

- Ideologi komunis bertentangan dengan nilai budaya Malaysia
- Komunis menganjurkan keganasan / penentangan bersenjata
- Undang-undang yang ketat perlu dilaksanakan
- seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) / Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA)
- Risalah / penerbitan tentang ideologi komunis wajib diharamkan
- Pemimpin pertubuhan yang menganjurkan keganasan ditangkap
- Kesannya,tindakan tegas dapat menjamin keharmonian / kestabilan / kesejahteraan

NOTA EKSTRA : 6.1 - CABARAN DALAMAN MALAYSIA

1.Cabaran pembangunan dan sosioekonomi Sarawak dan Sabah	2. Cabaran politik di Sarawak	3. Cabaran perpaduan kaum
a. Mempelbagaikan kegiatan ekonomi • Kaya hasil bumi tapi rakyat masih pertanian sara diri • Kerajaan pelbagai pertanian komersil **b. Memajukan perhubungan** • Saiz negeri besar • Masih guna jalan sungai dan laut • Buat Rancangan Malaysia Pertama **c. Majukan sistem pendidikan** • Sekolah vernakular Inggeris/Cina di bandar • Rakyat pedalaman tiada peluang • Bina sekolah dan latih guru	• Council Negri tidak puas hati dengan Stephen Kalong Ningkan • Dipecat oleh Gabenor • Beliau bawa kes ke mahkamah dan menang • Kembali sebagai Ketua Menteri namun dapat undi tidak percaya • Sarawak tidak stabil • Isytiharkan darurat dan digantikan dengan Tawi Sli	• Penduduk pelbagai kaum • Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan/ pelbagai budaya • Perpaduan jadi agenda pemerintah • Jarak Semenanjung dengan Sarawak Sabah jauh • Cabaran kepada integrasi nasional / pupuk semangat satu negara

Soalan Struktur

2 Rancangan Malaysia Pertama (1966 – 1970) diperkenalkan dalam usaha menangani isu pembangunan dan ekonomi negara kita.

(a) Mengapakah isu tersebut menjadi fokus kerajaan?

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(b) Jelaskan usaha kerajaan bagi mengatasi isu di 2(a).

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(c) Kerjasama pemimpin dan rakyat penting untuk mencapai matlamat membangunkan negara.

Sumber : MStar.com 2 November 2010

Beri pandangan anda terhadap pernyataan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(a) *ms 127-12*

- Meningkatkan taraf hidup rakyat
- Meningkatkan kemudahan pengangkutan dan perhubungan
- Mengatasi kejatuhan harga bahan mentah
- Ketinggalan dalam teknologi dan peralatan pertanian
- Taraf hidup berbeza
- Peluang pekerjaan terhad
- Kadar pengangguran tinggi
- Mengatasi masalah kesihatan
- Kemudahan ibu mengandung
- Kadar kelahiran dan kematian yang tidak normal

(b) *ms 127-12*

- Pelbagaikan kegiatan ekonomi
- Cari pasaran baharu getah/ bijih timah
- Terokai tanaman kelapa sawit/koko
- Tubuhkan pusat latihan vokasional
- Luaskan peluang pekerjaan
- Lancarkan program Pembangunan
- Majukan aktiviti perkilangan
- Buka kawasan Baharu
- Mengurangkan kadar kelahiran
- Lancarkan program Perancang Keluarga
- Tingkatkan perkhidmatan kesihatan

(c) *KBAT*

- Kerjasama pemimpin dan rakyat penting
- Melancarkan pembangunan ekonomi
- Mewujudkan kestabilan politik
- Suasana harmoni melicinkan urusan pentadbiran
- Segala isu dapat diselesaikan dengan pantas melalui rundingan
- Pemimpin dan rakyat akan lebih komited jalankan tanggungjawab
- Kumpulan sasaran mendapat manfaat
- Kesannya,kemakmuran negara dapat dicapai/ meningkatkan imej negara dalam pembangunan

NOTA EKSTRA : 6.2 - PEMISAHAN SINGAPURA

6.2 Faktor Pemisahan Singapura		
1. Politik	**2. Ekonomi**	**3. Masalah Perkauman**
• **Lee Kuan Yew** (LKY) tidak puas hati peranan Singapura terhad • **Konflik pemimpin PAP** dengan **Perikatan** • Lee Kuan Yew **kempen Malaysian Malaysia** menuntut **hak sama rata** meresahkan penduduk	• Menuntut **disegerakan pembukaan pasaran bersama** • **Tidak puas hati tambahan cukai** diberi Kerajaan Persekutuan • **Mahu menaikkan kadar faedah** pinjaman RM150 juta untuk pembangunan Sarawak dan Sabah	• **Rusuhan kaum** di Singapura pada 21 Julai 1964 wujud **ketegangan kaum** • **Menuntut hak sama rata** bagi semua kaum menjadi isu antara kaum

Kronologi Pemisahan Singapura daripada Malaysia				
29 Jun 1965	**1 Julai 1965**	**Awal Ogos 1965**	**7 Ogos 1965**	**9 Ogos 1965**
• **Kegagalan rundingan** Tun Abdul Razak dan Lee Kuan Yew	• Tun Abdul Razak Hussein mesyuarat dengan Dr. Ismail Abdul Rahman, Tan Siew Sin dan V.T Sambanthan **bincang pemisahan**	• **Mesyuarat Khas Kabinet setuju** pemisahan	• Tunku dan Lee Kuan Yew tandatangan **persetujuan** Singapura keluar Malaysia	• Tunku membawa **usul pemisahan** ke **Parlimen** • **Rang undang-undang pemisahan** Singapura

JAWAPAN OBJEKTIF T5 BAB : 6	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	A	A	A	B	A	D	D	C	D	C

Soalan Esei

3 Teliti petikan berikut.

> Peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 telah mencatat satu titik hitam di negara kita. Pertumpahan darah dan kacau bilau yang dahsyat yang berlaku pada 13 Mei 1969 itu hampir menghancurkan negara. Peristiwa ini seharusnya dijadikan tauladan kepada kita agar tidak berulang lagi. Ia boleh diumpamakan 'kalah jadi abu, menang jadi arang' kerana konflik ini merugikan semua kaum dan menjejaskan imej negara di persada antarabangsa.
>
> Sumber : www.rmp.gov.my

(a) Mengapakah rusuhan tersebut berlaku?

SCAN ME!

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(b) Bagaimanakah kerajaan bertindak bagi menamatkan rusuhan daripada merebak ke seluruh negara?

SCAN ME!

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 markah]

(c) Huraikan pengajaran daripada peristiwa 13 Mei 1969 kepada rakyat Malaysia dan cadangkan langkah bagi mengelakkan peristiwa tersebut daripada berulang.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(a) ***ms 129***

- Kesan ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial di negara kita
- Keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969
- Parti politik mengeksploitasi isu sensitif /perkauman semasa berkempen.
- PKM mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum.
- Perarakan kemenangan pilihan raya menimbulkan kekacauan / perbuatan provokatif.

(b) ***ms 129-131***

- Pengisytiharan perintah darurat oleh Yang di-Pertuan Agong
- Perlembagaan digantung / Parlimen ditangguh
- Pihak polis menguatkuasakan perintah berkurung
- Penubuhan jawatankuasa menyusun semula perkhidmatan penerangan
- Penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)
- Bertanggungjawab mengembalikan keamanan dan undang-undang
- Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948.
- Peranan Raja-raja Melayu
- Sultan Perak / Sultan Idris Iskandar Shah II, menasihati rakyat menjaga keamanan.
- Pemimpin masyarakat / politik / di Perak menubuhkan Jawatankuasa Muhibah.
- Di negeri-negeri lain raja meminta rakyat mematuhi undang-undang

(c) ***KBAT***

Pengajaran

- Mengukuhkan perpaduan rakyat
- Kukuhkan semangat cintakan negara
- Mengamalkan semangat Keluarga Malaysia
- Sikap tidak prihatin soal perkauman berpotensi cetuskan huru hara
- Menghindari isu sensitif yang boleh membangkitkan ketegangan
- Boleh merosakkan kerukunan hidup masyarakat / membantutkan kemajuan
- Menghargai persefahaman / tolak ansur antara kaum yang menjadi asas kemerdekaan
- Mengamalkan prinsip Rukun Negara
- Menyumbang ke arah pembinaan negara bersatu padu / harmoni
- Rakyat seharusnya belajar daripada sejarah lalu

Langkah mengelakkan

- Mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang bangkitkan sentimen perkauman
- Menggunakan Akta Hasutan untuk mengekang tindakan provokatif
- Mengamalkan prinsip Rukun Negara/ Dasar Kebudayaan Kebangsaan/ Dasar Pendidikan Kebangsaan
- Kesannya, perpaduan / tolak ansur amat penting dalam membina negara dalam masyarakat berbilang kaum

T5 BAB 7 MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

Soalan Objektif

1. Maklumat berikut berkaitan usaha kerajaan dalam membina negara Malaysia.

- Perpaduan kaum
- Integrasi nasional

Apakah matlamat usaha tersebut? ms 140

A Meningkatkan sosioekonomi
B Melicinkan pentadbiran negara
C Membentuk identiti kebangsaan
D Membina masyarakat berdaya saing

2. Apakah punca kepada masalah perpaduan kaum di negara kita selepas merdeka? ms 141

I Pendidikan vernakular
II Politik berasaskan kaum
III Penyebaran berita palsu
IV Penghijrahan imigran asing

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

3. Maklumat berikut berkaitan cadangan Laporan Rahman Talib.

- Penggunaan bahasa yang seragam
- Menggunakan kurikulum yang sama

Apakah kepentingan cadangan tersebut? ms 145

A Mewujudkan perpaduan rakyat
B Menghapuskan buta huruf
C Membentuk pelajar yang selmbang
D Melahirkan generasi berkemahiran tinggi

4. Kajian Aminuddin Baki memperkenalkan sistem persekolahan aneka jurusan?

Apakah kepentingan sistem tersebut? ms 145

A Melahirkan tenaga kerja mahir
B Menyelesaikan masalah buta huruf
C Memperkasa bidang sains teknologi
D Meningkatkan semangat patriotik

5. Apakah matlamat penubuhan sekolah menengah kebangsaan berikut? ms 148

- Sekolah Seri Puteri
- Sekolah Alam Shah

A Melahirkan tenaga kerja mahir
B Menjadi perintis sekolah berasrama penuh
C Memperkasakan bahasa Inggeris dalam pengajaran
D Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar

6. Apakah usaha Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memartabatkan bahasa kebangsaan? ms 149

I Menggubal akta
II Menerbitkan buku
III Menganjurkan seminar
IV Menubuhkan institusi pendidikan

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

7. Senarai berikut berkaitan prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

- Berteraskan kebudayaan rakyat Melayu
- Unsur kebudayaan lain yang sesuai
- X

Apakah X? ms 150

A Islam menjadi unsur penting
B Rukun Negara sebagai ideologi negara
C Raja Berperlembagaan teras pemerintahan
D Perlembagaan Persekutuan punca kuasa

8. Gambar berikut berkaitan logo temasya Sukan Malaysia (SUKMA)



Apakah tujuan temasya tersebut diadakan? ms 153

A Memperkasa integrasi nasional
B Memajukan sektor pelancongan
C Mendapat pengiktirafan antarabangsa
D Menyemai semangat sukarelawan

9. Mengapakah Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970? ms 157

A Membangunkan modal insan
B Mengukuhkan perpaduan rakyat
C Meningkatkan kemajuan ekonomi
D Memupuk semangat juang rakyat

10. Apakah matlamat penubuhan Rukun Negara? ms 158

I Mencipta masyarakat yang adil
II Menjamin hak kebebasan rakyat
III Memperkasa semangat kenegerian
IV Membentuk masyarakat demokratik

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Soalan Struktur

1 Rajah berikut berkaitan perkembangan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat untuk membina perpaduan kaum dan integrasi nasional.



(a) Apakah maklumat berikut:

(i) **X** : .....

(ii) **Y** : .....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan kandungan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang diumumkan pada tahun 1979.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Petikan berikut berkaitan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

> Berlandaskan FPK, insan sejahtera yang lahir dari usaha pendidikan adalah insan yang berkebolehan dan berdaya saing dalam mengawal diri melawan anasir-anasir jahat, berdaya saing dalam melaksanakan amanah dalam pekerjaan dan berdaya saing dalam menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara.
>
> Sumber : sinarharian.com.my

Berdasarkan petikan tersebut, jelaskan ciri modal insan yang dapat menyumbang kepada kemajuan negara.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Akta Pendidikan 1996

- Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dan wajib diajar di sekolah dan institusi pendidikan
- Sekolah swasta dikehendaki mengajar Bahasa Melayu, Pengajian Malaysia, Pendidikan Islam atau Moral

(a) ms 144

X - Kajian Aminuddin Baki
Y - Akta Pendidikan 1996

(b) ms 146

- Bahasa Melayu sebagai Bahasa perpaduan/ wajib dalam peperiksaan awam
- Pendidikan kerohanian melalui Pendidikan Islam dan Moral
- Penekanan aktiviti kokurikulum seperti unit beruniform/ sukan
- Menghasilkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)1982, Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) 1989
- Falsafah Pendidikan Negara (FPN 1988) / FPK 1996.

(c) KBAT

- Rakyat berkebolehan
- Bersikap daya saing
- Amanah dalam pekerjaan
- Mampu melawan unsur jahat
- Rasuah/ penyelewengan / salah guna kuasa
- Kesannya, modal insan seimbang dapat dilahirkan/ masyarakat yang bersatu padu bekerjasama membangunkan negara

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

NOTA EXSTRA : 7.2 - DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAAN

Matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan	Laporan Rahman Talib	Kajian Aminuddin Baki
• Menyatupadukan rakyat • Menyediakan tenaga kerja mahir • Memenuhi keperluan negara dan pasaran kerja • Melahirkan rakyat yang berilmu / seimbang/ harmoni/ sejahtera • Mewujudkan perasaan cintakan negara • Menggalakkan perkembangan kebudayaan,ekonomi,sosial dan politik	• Menyemak dan mengukuhkan Penyata Razak 1956 • BM bahasa pengantar semua peringkat • Kurikulum yang sama serta berorientasikan negara/ cinta akan negara • Menekankan subjek Sejarah / perasaan cinta dan setia pada negara • Mewajibkan subjek Tatarakyat/ membentuk sikap toleransi/ persefahaman/ bekerjasama	• Sistem sekolah aneka jurusan/ pelajar gagal ke sekolah menengah. • Kursus kemahiran bagi melahirkan tenaga kerja mahir pelbagai kaum • Matlamat memenuhi permintaan pasaran kerja • Sekolah kebangsaan dibentuk mengabungkan semua kaum dan etnik untuk memupuk perpaduan.

Soalan Struktur

2 Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Pelbagai langkah dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan.

(a) Nyatakan **dua** langkah untuk mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Beri ulasan anda berdasarkan petikan di bawah.

> "Tempoh lebih 60 tahun negara merdeka harus mematangkan kita. Kita tidak boleh berbahas lagi soal bahasa daripada suku kaum. Tugas kita sekarang adalah memartabatkan bahasa Melayu, mengangkat kedudukannya. Ini tanggungjawab pimpinan dan sebab itu kita nak pastikan penggunaan bahasa Melayu bukan untuk bahasa pengantar semata-mata" Sumber : Berita Harian 7 September 2019

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

• **Akta Bahasa Kebangsaan 1967 juga dikenali Akta 32. Digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia**

• **Seksyen 2: Semua urusan rasmi kerajaan harus menggunakan Bahasa Melayu**

• **Seksyen 8: Bahasa Melayu mesti digunakan di mahkamah**

(a) **ms 148-149**

- Pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan
- Menjadi bahasa rasmi pentadbiran
- Pembukaan sekolah menengah dan menjadi bahasa pengantar
- Penubuhan UKM dan kursus pengajian dalam bahasa Melayu
- Penggunaan di mahkamah
- Penubuhan DBP/ Sekolah Seri Puteri/ Alam Shah

(b) **ms 149**

- Mengembangkan aktiviti bahasa dan sastera Melayu
- Menerbitkan buku/ majalah/ risalah
- Mengadakan Minggu/ Bulan Bahasa Kebangsaan
- Memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum
- Melancarkan slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" untuk kukuhkan perpaduan masyarakat melalui bahasa

(c) **KBAT**

- Pemimpin dan rakyat perlu matang dalam penggunaan bahasa Melayu
- Berperanan memartabatkan bahasa Melayu
- Menggunakan bahasa Melayu dalam segala urusan bukan sekadar bahasa pengantar
- Digunakan dalam semua upacara rasmi / kenyataan akhbar
- Menjadi contoh dan ikutan rakyat
- Menguatkan Akta Bahasa Kebangsaan
- Contohnya mewajibkan penggunaan Bahasa Melayu di mahkamah
- Kesannya, meningkatkan imej bahasa Melayu

NOTA EKSTRA : 7.1 - PERPADUAN DAN INTERGRASI NASIONAL

Maksud Perpaduan	Dasar British telah menyebabkan pemisahan kaum	7.5 Sukan sebagai alat perpaduan
• Rakyat pelbagai etnik,budaya, agama, wilayah hidup dengan aman dan bersatu • Komitmen penuh kepada identiti kebangsaan berpandukan Perlembagaan dan Rukun Negara	• Mengutamakan **sektor ekonomi getah/bijih timah** • Membawa masuk buruh asing dari luar / keperluan sektor perlombongan/ perladangan/ perniagaan • **Pemisahan kegiatan ekonomi dan petempatan** • Bumiputera di luar bandar dan menjalankan kegiatan ekonomi tradisional • Setiap kaum terpisah menyebabkan ekonomi tidak seimbang • Menyukarkan pemahaman budaya/adat antara kaum • **Sekolah vernakular** Melayu/ Cina / Tamil / Inggeris • Mewujudkan perbezaan pemikiran dalam kalangan rakyat • Penubuhan **parti politik berasaskan kaum** • Memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing	• Sukan dan perpaduan melalui pendidikan- 1M1S / RIMUP/ semangat setia kawan • Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)/ erat kaum/ integrasi negeri • Sukan Malaysia (SUKMA) • Penganjuran sukan / SEA / KOMANWEL • Kejayaan Malaysia kebanggaan bersama • Laungan Malaysia Boleh • Peranan organisasi sukan / Kementerian Belia dan Sukan / Majlis Sukan Negara • Kepemimpinan berwibawa seperti Sultan Azlan Shah - Presiden Konfederasi Hoki Malaysia
Maksud Integrasi nasional • Proses merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah bagi membentuk satu bangsa / mempunyai identiti sendiri		

Soalan Struktur

3 Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan penting bagi sesebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti Malaysia.

Sumber: www.pmo.gov.my

(a) Nyatakan **dua** prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

i. .....

ii. .....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan usaha bagi menjayakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan di negara kita.

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Teliti petikan berikut.

> Malaysia merupakan sebuah negara berbilang bangsa dan kaum yang terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India manakala Malaysia Timur sendiri terdiri daripada beratus-ratus etnik peribumi. Kepelbagaian kaum dan sejarah yang panjang menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik dengan latar budaya yang berbeza. Perbezaan agama, budaya dan adat resam setiap kaum dan etnik dirai dan dihormati bagi mengekalkan keharmonian dan keamanan negara.
>
> Sumber:www.heritage.gov.my

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Dasar Kebudayaan Kebangsaan

(a) ms 150

- Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu
- Unsur kebudayaan lain yang sesuai
- Islam menjadi unsur penting

(b) ms 151

- Dilaksanakan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
- Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara/ majlis Kebudayaan Negeri/ Istana Budaya/ ASWARA
- Program Citrawarna Malaysia
- Memperagakan kebudayaan/ pakaian/tarian / nyanyian rakyat Malaysia
- Melibatkan rakyat pelbagai kaum dan budaya
- Penghasilan karya seni tempatan
- Memartabatkan khazanah asli negara
- Tokoh budaya seperti Azah Aziz/ Hamzah Dolmat/ Lim Swee Tin/ Samuel Dass/ Shuhaibun Yussuf/ Mathew Ngau Jau

(c) KBAT

- Masyarakat terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik
- Kepelbagaian menjadikan Malaysia unik
- Semua perbezaan diraikan dan dihormati
- Setiap kaum mempunyai sejarah berbeza
- Pelbagai kaum mampu bersatu melalui budaya
- Mewujudkan keharmonian dan keamanan
- Kesannya, imej negara meningkat /perpaduan kukuh / unik dengan pelbagai budaya

NOTA EKSTRA

7.1 : USAHA MEMPERKASAKAN PERPADUAN KAUM DAN INTEGRASI NASIONAL		
Politik	**Ekonomi**	**Sosial**
• Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara di bawah bidang kuasa MAGERAN • Membentuk ideologi Rukun Negara • Penubuhan Majlis Muhibah Negara/ • Menggalakkan perasaan muhibah antara kaum • Menubuhkan Majlis Perundingan Negara • Bentuk gabungan parti politik pelbagai kaum • Menyelaras perkhidmatan awam antara negeri bagi intergrasi antara negeri	• Rancangan Pembangunan Lima Tahun / Dasar Ekonomi Baru (DEB)/ Dasar Pembangunan Nasional (DPN) diperkenal untuk kemakmuran • Tumpuan luar bandar dan wilayah/ melalui pembangunan tanah/ pertumbuhan ekonomi semua kaum • Memajukan perindustrian dan perdagangan • Mengintegrasi ekonomi melalui pembangunan ekonomi wilayah termasuk Sabah dan Sarawak	• DPK ditambah baik melalui Akta Pendidikan 1996 untuk mengukuhkan perpaduan kaum dan integrasi nasional • Mengamalkan satu budaya kebangsaan • Galakkan pelibatan dalam sukan • Memperkasa BM, tubuh UKM • DBP sebar luaskan bahasa kebangsaan • Rukun Negara dijadikan tunjang kesetiaan

JAWAPAN OBJEKTIF T5 BAB : 7	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	C	A	A	A	D	C	A	A	B	B

Soalan Esei

4 Maklumat berikut merujuk kepada prinsip-prinsip Rukun Negara.

Rukun Negara
• Kepercayaan kepada Tuhan • Kesetiaan kepada raja dan negara • Keluhuran perlembagaan • Kedaulatan undang-undang • Kesopanan dan kesusilaan

(a) Jelaskan matlamat pembentukan Rukun Negara.

SCAN ME

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 *markah*]

(b) Terangkan prinsip Rukun Negara berikut:

i. Kesetiaan kepada raja dan negara

.....

.....

.....

[3 *markah*]

ii. Keluhuran Perlembagaan

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]

(c) Program Eksplorasi Rukun Negara dilancarkan bagi meningkatkan penghayatan Rukun Negara pada 13 Ogos 2023.

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

Rukun Negara

- Adalah ideologi negara dan usaha menyatupadukan rakyat / menjadi prinsip dan falsafah hidup
- Ikrar yang perlu dihayati setiap rakyat
- Dibentuk ekoran peristiwa 13 Mei 1969
- Hasil pemikiran MAPEN yang dibentuk oleh MAGERAN
- Dirasmikan YDPA pada 31 Ogos 1970

(a) ms 158

- Memelihara corak hidup demokratik
- Perlembagaan menjamin kebebasan hak asasi / kebebasan politik
- Mencapai perpaduan masyarakat
- Tanpa mengira kaum dan kepercayaan
- Setia dan cinta akan negara
- Membentuk masyarakat liberal
- Bebas mengamalkan agama, adat dan budaya / sumber kekuatan negara
- Mencipta masyarakat adil
- Peluang sama menikmati kekayaan negara
- Membina masyarakat progresif
- Maju dalam sains dan teknologi selari dengan globalisasi
- Menjadi negara maju / wawasan 2020

(b) ms 159

(i)

- Negara kita mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan
- Raja simbol penyatuan rakyat
- Melahirkan rakyat yang hormati kedaulatan negara
- Mempertahankan kedaulatan negara
- Mempunyai semangat cintakan negara

(ii)

- Maksud ketinggian dan keagungan perlembagaan
- Perlembagaan memberi perlindungan/ hak kepada Masyarakat
- Rakyat hendaklah menerima/ mematuhi
- Mempertahankan kemuliaan perlembagaan

(c) KBAT

- Rakyat yang mempunyai pegangan agama mudah diurus
- Menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab
- Saling menghormati dan bertoleransi
- Menghormati institusi beraja
- Simbol penyatuan rakyat
- Pelindung hak istimewa peribumi
- Penderhakaan kepada raja bermaksud penderhakaan kepada negara
- Mematuhi / mempertahan kemuliaan perlembagaan
- Tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang
- Kesopanan dan kesusilaan merupakan nilai murni
- Melambangkan keperibadian seseorang individu
- Kesannya, mewujudkan keamanan/ keharmonian negara

NOTA EKSTRA: 7.6 - RUKUN NEGARA SEBAGAI TONGGAK KESEJAHTERAAN NEGARA

1. Kepercayaan kepada Tuhan	2. Kesetiaan kepada Raja dan Negara	3. Keluhuran Perlembagaan:	4. Kedaulatan Undang-Undang	5. Kesopanan dan Kesusilaan
• Jadikan agama **panduan hidup**. Peribadi baik dan fahami agama lain. • Islam agama Persekutua	• **Rakyat menghormati**, berani dan patriotisme dan teguh	• Maksud **ketinggian** dan **keagungan** • Rakyat terima dan patuhi	• Hormati dan patuhi agar aman, harmoni	• Bersopan santun dan saling hormati agar harmoni

T5 BAB 8 MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

Soalan Objektif

1. Majlis Perundingan Negara (MAPEN) ditubuhkan pada Januari 1970.

Apakah kesan penubuhan majlis tersebut? ms 166

A Membentuk Dasar Ekonomi Baru
B Menyusun Dasar Pendidikan Kebangsaan
C Merangka Dasar Pembangunan Nasional
D Mengkaji Dasar Kebudayaan Kebangsaan

2. Penyataan berikut berkaitan strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Membasmi kemiskinan

Bagaimanakah strategi tersebut dilaksanakan? ms 167

I Membuka peluang pekerjaan
II Meningkatkan pengeluaran negara
III Menyediakan rumah mampu milik
IV Menambahkan pendapatan rakyat

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

3. Apakah matlamat Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974? ms 169

A Mengawal selia sektor pertanian
B Memajukan pertanian komersial
C Menyediakan kemudahan pinjaman
D Menambahkan pengeluaran makanan

4. Agensi berikut ditubuhkan selaras dengan hasrat kerajaan meningkatkan ekonomi rakyat.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Bagaimanakah agensi tersebut membantu penduduk di kawasan luar bandar? ms 170

A Menyediakan bantuan kewangan
B Membantu pemasaran pertanian
C Mengusahakan tanaman jangka pendek
D Membuka tanah baharu untuk pertanian

5. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) bermatlamat untuk mencapai perpaduan melalui pengagihan kekayaan negara.

Bagaimanakah hasrat tersebut dapat dicapai? ms 174

A Melaksanakan ekonomi kawalan
B Memantau pengurusan kewangan negara
C Mengimbangi pembangunan antara negeri
D Mengawal kadar inflasi

6. Maklumat berikut berkaitan strategi Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dalam bidang sosial.

• Memberi kemudahan pendidikan • Mewujudkan masyarakat perdagangan • X

Apakah X? ms 175

A Meningkatkan kesihatan rakyat
B Menggunakan sains dan teknologi
C Menambah baik kemudahan asas
D Membentuk masyarakat berdisiplin

7. Strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB) diteruskan dalam pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Apakah strategi tersebut? ms 176

I Membasmi kemiskinan
II Menyusun semula masyarakat
III Meningkatkan pendapatan negara
IV Melahirkan tenaga kerja mahir

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

8. Bagaimanakah kerajaan membaiki ketidakseimbangan pembangunan wilayah dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN) ms 179

A Meningkatkan tenaga kerja mahir
B Memberi subsidi kepada golongan sasaran
C Menyusun semula modal saham bumiputera
D Memperkenalkan konsep pertanian pintar

9. Kemajuan sosial telah dicapai melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Apakah kemajuan tersebut? ms 180

I Menambah pendapatan rakyat
II Meningkatkan kualiti kehidupan
III Mewujudkan masyarakat progresif
IV Membentuk masyarakat liberal

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

10. Pelaksanaan DEB dan DPN telah membentuk kawasan perindustrian baharu.

Apakah peranan kawasan tersebut? ms 186

A Menambah kemasukan pelaburan
B Meningkatkan hasil keluaran kilang
C Memajukan industri sederhana
D Membangunkan bandar moden

Soalan Struktur

1 Petikan berikut merujuk kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB)

> Dasar Ekonomi Baru (DEB) bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dengan memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum untuk menikmati kemakmuran negara dengan lebih adil dan saksama.
>
> Petikan ucapan Tun Abdul Razak Hussein Ketika pelancaran DEB

(a) Nyatakan **dua** strategi bagi mencapai matlamat dasar tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(b) Jelaskan isu sosioekonomi yang diambil kira dalam melaksanakan dasar tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Bagaimanakah usaha pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat boleh mengukuhkan perpaduan kaum. Beri penjelasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Majlis Perundingan Negara (MAPEN)

Mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional untuk memupuk identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat.

(a) ms 167

- Membasmi kemiskinan
- Menambahkan pendapatan
- Memperbanyakan peluang kerja
- Menyusun semula masyarakat
- Menghapuskan pengenalan kaum
- mengikut fungsi ekonomi

(b) ms 167

- Jurang sosioekonomi antara bumiputera dengan bukan bumiputera
- Jurang sosioekonomi antara pantai timur dengan pantai barat
- Jurang sosioekonomi antara masyarakat bandar dengan luar bandar
- Jurang sosioekonomi antara negeri

(c) KBAT

- Pengagihan sumber ekonomi secara seimbang
- Membasmi kemiskinan antara kaum
- Program menyeluruh di bandar dan luar bandar
- Peluang pekerjaan yang terbuka
- Taraf hidup rakyat meningkat
- Merapatkan jurang pendapatan
- Peluang pemilikan modal saham
- Kesannya, wujud keadilan ekonomi / kekayaan negara dinikmati semua kaum /mengelakkan perasaan tidak puas hati setiap kaum/ harmoni/ hidup bersatu

MAPEN

NOTA EKSTRA

8.2 : PELAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU (DEB)

1. Tingkatkan Taraf Hidup Rakyat	2. Peranan Agensi Kerajaan	3. FELDA dan Pembangunan Tanah
• **Di luar bandar** tumpuan kepada petani, pekebun, nelayan, buruh • Pembangunan melalui **Gerakan Koperasi.** Teroka **tanah baharu, bantuan peralatan pertanian** • Di bandar, memajukan **industri, perniagaan,** pendidikan, air, elektrik dan rumah murah	• **LPN / BERNAS** - kawal **selia** sektor padi dan beras • **LPP** - Bantu petani melalui **koperasi** • **LKIM** - Tingkat **taraf hidup nelayan** • **RISDA** - Tanam semula **getah**	• Pembukaan **tanah baharu** • Penduduk luar bandar yang miskin **dipindahkan ke FELDA.** Kemudahan klinik dan sekolah • Diberi **tanah 10 ekar** dan diusahakan tanaman **kelapa sawit dan getah** • **Kerjasama dengan Yayasan Sabah** dan **SALCRA di Sarawak**
4. Pembangunan Wilayah	**5. Pemilikan Modal Saham**	**6. Pendidikan Tenaga Kerja Mahir**
• Buka tanah untuk **industri getah dan kelapa sawit** • **KEJORA, KETENGAH, DARA** • **UDA** bangunkan bandar Baharu. Contoh Bandar Baru Uda	• **Bumiputera** ketinggalan. • Beza taraf hidup bumiputera dan bukan bumiputera • Melalui **PNB. ASN dan ASB** dilancarkan. Bukan bumiputera, **Amanah Saham Malaysia**	• Menampung tenaga kerja mahir sektor **pertanian dan industri.** Asas latihan kemahiran. • Sekolah teknik dan vokasional, politeknik, UTM dan UITM dibina.

JAWAPAN OBJEKTIF T5 BAB : 8	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
	A	B	D	D	C	D	A	D	A	A

Soalan Struktur

2 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) membawa kesan positif terhadap kemajuan sosial dan ekonomi negara.

(a) Nyatakan **dua** kemajuan sosial yang dicapai melalui pelaksanaan dasar tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 *markah*]

(b) Gambar menunjukkan perkembangan FELDA

Felda Segitiga Jengka pada tahun1967

Kemudahan stadium di Bandar Tun Abdul Razak Jengka pada tahun 2013

Apakah faktor yang mempengaruhi perubahan tersebut?

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

c) Pembukaan bandar dan kawasan perindustrian baharu membawa kesan terhadap kemajuan sosial dan ekonomi negara. Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

Rancangan Pembangunan Ekonomi Lima Tahun dalam DEB

- RMK 2 - 1971-1975
- RMK 3 - 1976 -1980
- RMK 4 - 1981-1985
- RMK 5 - 1986-1990

(a) *ms 180-184*

- Penurunan kadar kemiskinan
- Peningkatan kualiti hidup
- Kemunculan golongan pertengahan
- Kemunculan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera
- Pembangunan pendidikan
- Pemodenan sistem pengangkutan dan perhubungan
- Pembentukan kawasan perindustrian

(b) *ms 184*

- Pertumbuhan ekonomi pesat
- Kemudahan infrastruktur seperti jalinan perhubungan yang baik/bank/stadium
- Kepadatan penduduk / peneroka
- Kemajuan sistem pendidikan
- Universiti Tun Abdul Razak
- Kedudukan yang strategik

(c) *KBAT*

- Membuka peluang pekerjaan
- Meningkatkan hasil pendapatan
- Membuka ruang perniagaan
- Meningkatkan jaringan perhubungan dan pengangkutan
- seperti jalan raya/lebuh raya/ talian internet
- Kesannya, taraf hidup rakyat setempat akan meningkat serta mengurangkan kadar kemiskinan

Sejarah FELDA

SCAN ME!

NOTA EKSTRA

8.5 : PENCAPAIAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) DAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)

Aspek Sosial

1. Penurunan Kadar Kemiskinan	2. Peningkatan Kualiti Hidup	3. Kemunculan Golongan pertengahan	4. Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
• Ekonomi dipelbagaikan, buka **peluang kerja, pendapatan** naik • Taraf hidup meningkat • **Pengangguran** dan **kemiskinan turun dari 49.3 ke** 17.1%	• Pertumbuhan dan peningkatan pendapatan, tahap kesihatan serta pendidikan	• Masyarakat baru professional, pemodal dan teknikal. • Taraf hidup meningkat • Sumbang kemakmuran pendapatan negara	• Membentuk kelas bumiputera komersial (MPPB) • Terlibat dalam sektor korporat, perbankan, pemodal saham, pemilik syarikat dan usahawan muda.

5. Pembangunan Pendidikan	6. Pengangkutan dan Perhubungan	7. Perkembangan Wilayah
• Pembangunan ekonomi perlukan tenaga kerja mahir **berpendidikan tinggi** • Pendidikan dimajukan kerajaan dan swasta • Muncul **graduan sains, teknologi dan teknikal**	• Pelaburan oleh kerajaan dan swasta bagi memenuhi keperluan perindustrian dan perdagangan • Jaringan jalan raya, udara, kereta api dan pelabuhan moden merancakkan ekonomi	• Muncul bandar baharu (Bandar Tun Razak) seperti Felda Segitiga Jengka • Kemudahan seperti pusat perniagaan, hospital, bank dan stadium

Soalan Struktur

3 Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) menyebabkan perkembangan perindustrian.

(a) Jelaskan ciri perindustrian berteknologi tinggi.

.....

.....

.....

.....

[2 *markah*]

(b) Terangkan perkembangan kawasan perindustrian baharu.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Sektor perindustrian memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara.
Beri pandangan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

HICOM

- Ditubuhkan pada tahun 1980
- Menerajui industri berat negara
- Melibatkan jentera moden, kemahiran tinggi dan modal besar

(a) *ms 185*

- Perkembangan industri berat
- Penggunaan jentera moden
- Pekerja berkemahiran tinggi/ modal besar
- Penubuhan HICOM
- Membaiki kapal/logi gas cecair/ stesen janakuasa/ kilang penapis petroleum/ satelit komunikasi

(b) *ms 186*

- Membangunkan estet perindustrian
  - Dibangunkan PKEN/ Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah / pihak berkuasa
  - Dibangunkan secara terancang/ kawasan perumahan/ perniagaan
- Wujudkan Taman Teknologi Perindustrian
  - Pusat penyelidikan/ inovasi/ membangunkan teknologi industri
- Wujudkan Zon Perindustrian Bebas
  - Beri pelepasan cukai
  - Menarik pelabur asing/ ekonomi setempat
  - Sime Darby Berhad,/ Axiata Group/ Proton Holding Berhad

(c) *KBAT*

- Meningkatkan kadar KDNK
- Membuka peluang pekerjaan
- Mengukuhkan asas ekonomi negara
- Memajukan teknologi negara
- Membuka kawasan industri Baharu
- Membangunkan kawasan setempat
- Kesannya pendapatan rakyat dan taraf hidup masyarakat meningkat

Sejarah HICOM

NOTA EKSTRA

Sambungan 8.5 : PENCAPAIAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) DAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN) - Aspek Ekonomi		
8. Perindustrian Berteknologi Tinggi	**9. Kawasan Perindustrian Baharu**	**10. Kenderaan Buatan Malaysia**
• Perkembangan **industri berat** • Memperkukuh **perindustrian negara** dan **kemahiran** rakyat. • Ciri jentera moden, modal besar dan berkemahiran tinggi dikendali **HICOM**	• Terdiri **estet perindustrian, zon perindustrian bebas dan taman teknologi industri** • Rasional **dekat** sumber bahan mentah, infrastruktur dan tenaga buruh.	• **HICOM** dan Kajian Dasar **Perindustrian Malaysia** menggalakkan industri kereta dan motosikal. **PROTON, PERODUA** dan **MODENAS** • Sediakan **peluang pekerjaan**
KENDERAAN BUATAN MALAYSIA		
• **The Heavy Industries Corporation of Malaysia Berhad (HICOM) dan KAJIAN DASAR PERINDUSTRIAN MALAYSIA** • Menggalakkan pertumbuhan industri kereta dan motosikal buatan Malaysia	• Dipelopori **Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) dan Perusahaan Otomobil Kedua (PERODUA)** • **Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (MODENAS)** merupakan syarikat pengeluar motosikal tempatan	• Membuka **peluang pekerjaan** • **Meningkatkan pendapatan** rakyat • Meningkatkan **taraf hidup** masyarakat • Menghasilkan pelbagai model untuk pasaran tempatan dan antarabangsa

Soalan Esei

4 Dasar Pembangunan Nasional (DPN), menandakan bermulanya satu lagi era baru di dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Sumber: pmo.gov.my

(a) Jelaskan latar belakang DPN.

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(b) Huraikan langkah kerajaan untuk mencapai matlamat DPN.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(c) Teliti petikan berikut.

> Banyak negara dunia bergelut dengan cabaran krisis kos sara hidup, ada negara melaksanakan sekatan terhadap perdagangan makanan dan produk pertanian yang boleh meningkatkan kekurangan bekalan dan meningkatkan harga komoditi tersebut di peringkat global. Keputusan India melarang eksport gandum menyebabkan harga bijirin melambung tinggi. Indonesia pula melarang eksport minyak sawitnya.
> Sumber : Kosmo 22 Mei 2022

Berdasarkan petikan di atas, jelaskan cabaran yang dihadapi negara dan cara untuk menangani cabaran tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

(a) ms 174-175

- Kesinambungan DEB untuk tempoh1991-2000
- Melalui Rangka Rancangan Jangka
- Panjang Kedua (RRJP2)
- Mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan
- Pembangunan seimbang antara negeri
- dan antara bandar dan luar bandar
- Mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan
- Mencapai taraf negara maju

(b) ms 176-179

- Pembasmian kemiskinan
- Pemberian subsidi
- Latihan kemahiran/ Giatmara / Institut Latihan Perindustrian (ILP)
- Meningkatkan saham bumiputera
- Program penswastaan/ MARA/PERNAS
- Penyusunan semula masyarakat
- Pembentukan masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
- Guna teknologi baharu dalam perniagaan
- Penyertaan aktif bumiputera dalam IKS
- Pembangunan wilayah untuk tingkatkan integrasi ekonomi
- Konsep pertanian pintar
- Meningkatkan peranan MARDI

(c) KBAT

Cabaran

- Krisis kos sara hidup
- Sekatan terhadap perdagangan
- makanan dan produk pertanian
- Kekurangan bekalan
- Meningkatkan harga komoditi
- India melarang eksport gandum
- Harga bijirin melambung tinggi
- Indonesia melarang eksport minyak sawitnya
- **Cara menangani**
- Menambah pengeluaran makanan/ pertanian/ penternakan/ buka tanah baru
- Mengawal kenaikan harga makanan/ penetapan harga maksimum
- Menambah rizab makanan/ stok makanan/ beras/ ikan
- Rumusannya kerjasama rakyat penting bagi memastikan Malaysia berjaya mengharungi cabaran ekonomi

NOTA EKSTRA

8.3 : PEMBENTUKAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)		
Latar Belakang Pembentukan	**Matlamat DPN**	**Objektif DPN**
• RRJP1 dan DEB berakhir tahun 1990 • **Kesinambungan** DEB untuk **tempoh 10 tahun** (1991-2000) di bawah RRJP 2 • Menjadikan Malaysia **negara maju** berdasarkan Wawasan 2020	• Mencapai **perpaduan** melalui **pengagihan kekayaan** • **Pembangunan seimbang** antara negeri dan bandar dengan luar bandar melalui **RME dan RMT**	• Mewujudkan masyarakat **bersatu padu** dengan memperkukuhkan **kestabilan sosial** dan **politik** • Mengekalkan pembangunan ekonomi **berterusan**
Strategi DPN		
1. Ekonomi: • Pelibatan aktif **swasta** dalam pembangunan ekonomi dan program tanaman semula • Penggunaan sains dan teknologi • Tingkat pemilikan saham bumiputera	**2. Sosial:** • Memberi **insentif dan kemudahan pendidikan** untuk masyarakat miskin • Mewujudkan masyarakat **perdagangan dan perindustrian bumiputera**	**3. Kemudahan fizikal dan alam sekitar** • Sedia dan tambah baik **kemudahan asas** • Pembangunan mapan **tanpa abai alam sekitar**

T5 BAB 9 DASAR LUAR MALAYSIA

Soalan Objektif

1. Jadual berikut berkaitan perkembangan dasar luar negara kita.

Pemimpin	Dasar
Tunku Abdul Rahman	Probarat
Tun Abdul Razak Hussien	Tidak memihak

Mengapakah Tunku mengamalkan dasar probarat? ms 195

A Ancaman Parti Komunis Malaya
B Gesaan Piagam Atlantik
C Pergolakan di Indochina
D Konfrantasi Indonesia

2. Apakah faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar negara kita? ms 197

I Ikatan sejarah
II kestabilan politik
III Persamaan bangsa
IV Kepentingan ekonomi

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

3. Sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia telah memberi sumbangan ke arah memelihara keamanan dunia.

Apakah sumbangan tersebut? ms 204

I Menyelaras aktiviti kemanusiaan
II Menghantar pegawai pemerhati
III Membebaskan negara yang dijajah
IV Menyarankan penggunaan dinar emas

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

4. Apakah ciri persamaan tokoh berikut? ms 204

- Tan Sri Razali Ismail
- Tan Sri Dr Jemilah Mahmood
- Tan Sri Aboo Samah Aboo Bakar

A Mendapat pengiktirafan PBB
B Melaksanakan Rancangan Colombo
C Mencadangkan konsep ZOPFAN
D Memperkenalkan Bank Pembangunan Islam

5. Malaysia menentang dasar Aparteid yang diamalkan oleh Afrika Selatan.

Mengapakah Malaysia bertindak sedemikan? ms 207

A Menghapuskan dominasi ekonomi
B Menghentikan perang saudara
C Menolak pencerobohan wilayah
D Memperjuangkan hak asasi manusia

6. Apakah manfaat terhadap Malaysia melalui perjanjian berikut? ms 209

- Anglo-Malaysian Defence Agreement (AMDA)
- Five Power Defence Arrangements (FPDA)

A Menggalakkan pelaburan
B Memantapkan pentadbiran
C Mengukuhkan keselamatan
D Meluaskan hubungan diplomatik

7. Pertubuhan berikut mempunyai matlamat yang sama.

- ASA (1961)
- MAPHILINDO (1963)
- ASEAN (1967)

Apakah matlamat pertubuhan tersebut? ms 210

A Mengadakan pakatan ketenteraan
B Menyelaraskan sistem pentadbiran
C Menjalin kerjasama serantau
D Mengatasi kemelesetan ekonomi

8. Penyertaan Malaysia dalam Pergerakan Negara – negara Tanpa Pihak (NAM) bukti bahawa Malaysia mengamalkan dasar luar berdasarkan prinsip neutral, aman bebas dan berkecuali.

Apakah tindakan yang relevan dengan prinsip tersebut? ms 213

I Menolak keganasan
II Menekan konsep ZOPFAN
III Mendesak pengharaman senjata nuklear
IV Menandatangani Perjanjian Pertahanan Lima Negara

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

9. Jadual berikut berkaitan sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dalam menangani isu politik negara Islam.

Isu politik	Sumbangan
Perang Iran-Iraq	Menghantar tentera pemerhati PBB
Pejuangan Mujahidin Afghanistan	Membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur
Kekejaman Zionis Israel di Palestin	X

Apakah X? ms 216

A Menyokong kemerdekaan negara
B Menghantar misi pengaman
C Memberi latihan ketenteraan
